



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa

Jadual

Maksud B. 48

(Halaman 14)

Maksud B. 49

(Halaman 62)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa

Maksud P. 48

(Halaman 14)

Maksud P. 49

(Halaman 62)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

9. Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jera) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS

47. Yang Berhormat Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO

84. Yang Berhormat Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO

120. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 1 Disember 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah kementerian untuk mengawasi serta membendung kemasukan filem-filem terutamanya dari India yang sejak kebelakangan ini menonjolkan unsur-unsur yang mengancam nilai-nilai ketimuran dan moral yang murni. Mengapakah tahap penapisan amat mengecewakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapis Filem (LPF) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab menapis semua kandungan filem yang hendak di tayang, di edar atau dijual di Malaysia mengikut peruntukan di bawah Akta Penapisan Filem 2002 dan berpandukan garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan.

Filem-filem dari India tidak terkecuali dari ditapis diluluskan oleh LPF sebelum diedar atau di tayang kepada umum. Tanggapan Yang Berhormat bahawa tahap penapisan yang dilakukan amat mengecewakan tidak selari dengan maklum balas yang kami terima dari orang ramai. Sebaliknya ramai di kalangan penonton berpendapat bahawa penapisan filem yang dibuat oleh LPF adalah terlalu ketat. Mereka melemparkan pelbagai tuduhan misalnya LPF sewenang-wenangnya memotong sesuatu adegan di dalam sesebuah filem dan tidak meluluskan banyak filem untuk tayangan.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima dari penonton-penonton dan pengedar filem maka adalah tidak benar kenyataan menyatakan bahawa tahap penapisan filem oleh LPF amat mengecewakan. Dengan penapisan dan kawalan yang ketat, maka pada masa ini telah timbul satu gejala dan budaya negatif di mana penonton-penonton lebih berminat untuk membeli filem-filem cetak rompak yang belum diluluskan oleh LPF di pasaran gelap.

Pengedaran dan penjualan filem-filem di pasaran gelap yang tidak mendapat kelulusan LPF termasuk filem-filem dari India mungkin menunjukkan unsur-unsur yang mengancam nilai-nilai ketimuran dan moral yang murni. Kementerian ini telah mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan dengan tegas dan menyeluruh seperti membuat operasi secara berterusan dan merampas filem-filem yang tidak mendapat kelulusan LPF serta tidak mempunyai perakuan B dan mendakwa mereka di mahkamah bagi menyekat dan menghapuskan gejala tersebut.

Di samping itu, kita berharap masyarakat Malaysia mengambil pendekatan dengan tidak membeli filem-filem cetak rompak dan tidak mendapat kelulusan LPF yang dijual di pasar gelap. Tanpa penglibatan mereka membeli filem-filem ini, kegiatan ini dapat dihapuskan ataupun dikurangkan. Kerajaan juga memohon kerjasama semua pihak memperbanyakkan lagi kempen menyeru orang ramai supaya tidak membeli filem-filem cetak rompak dan yang tidak terdapat tanda kelulusan LPF. Sekian, terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menegaskan kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa soalan yang ditujukan adalah fokus kepada apa yang ditayangkan dalam rangkaian swasta dalam

televisyen. Malahan filem-filem *Bollywood* dan juga *Hollywood* ini adalah dikategorikan dalam U iaitu Tontonan Umum dan mengikut beberapa pengkritik-pengkritik filem di Britain, filem-filem Hindi dan juga beberapa filem daripada Asia telah pun dikategorikan sebagai filem-filem yang menggabungkan asmara dan *terrorist* sekarang. *[Ketawa]*

Maka saya khuatir pembangunan yang dikecapi hari ini mungkin akan membawa kepada keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan remaja sekiranya pengkategorian ini tidak diumumkan kepada ibu bapa supaya nilai-nilai murni kita dapat dijaga. Maka saya rasa isu ini diperkatakan di peringkat akar umbi, semua orang tahu. Maka soalan saya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah itu memang ada, bilakah dan bagaimanakah proses penapisan. Mungkin ahli-ahli lembaga penapisan mempunyai ciri-ciri mereka tersendiri dan ciri ini tidak secocok dengan masyarakat umum dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kami di Dewan yang mulia ini apakah kriteria dan ciri yang digunakan untuk menilai filem-filem sebegini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Akta Penapisan Filem 2002 memperuntukkan semua filem untuk tayangan umum hendaklah ditapis atau diluluskan oleh LPF, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan di bawah garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kabinet di mana saya boleh katakan garis panduan ini adalah komprehensif yang mengandungi syarat-syarat yang menjurus kepada nilai-nilai murni dan menolak unsur-unsur yang negatif seperti keganasan melampau atau di mana-mana yang dikatakan ada unsur-unsur negatif. Jadi kalau LPF sentiasa menapis filem-filem secara teliti kita kena pastikan apa kandungan dalam sesebuah filem mesti ada dengan unsur-unsur positif dan yang baik. Jadi kalau Yang Berhormat mendapati mana-mana satu filem yang belum ditapis atau kata tidak diluluskan boleh beritahu saya supaya kita boleh ambil tindakan seterusnya dan setakat ini yang saya tahu semua tayangan filem-filem di stesen TV kerajaan atau swasta adalah semua sudah pun mendapat kelulusan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya tidak begitu faham Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak begitu faham tentang tugas dan peranan Lembaga Penapisan Filem (LPF) ini. Kita semua maklum bahawa filem mempunyai pengaruh yang amat besar dan amat segera tindak balas daripada masyarakat. Kita sebenarnya antara lucah dengan mengasyikkan ini bagaimana kita hendak definisikannya. Lucah macam mana, mengasyikkan macam mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mengasyikkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang mengghairahkan macam mana? Antara ganas dengan keganasan macam mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Merangsangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau berkucup mulut Tuan Yang di-Pertua, adakah itu lucah atau itu mengasyikkan. Anak muda yang berumur 18 dan 19 tahun lihat perempuan buka zip dari depan itu dah boleh jadi menggigil badan dia. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Adegan seperti itu termasuk macam mana. Bagi kita agaknya kalau perempuan buka zip itu kita masih *steady* lagi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Samalah macam Tuan Yang di-Pertua juga. Maknanya belum apa-apa. *[Ketawa]* Tetapi mata tidak akan berkeliplah. *[Ketawa]* Jadi macam mana definisi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini adalah soalan Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak tahulah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua ini baik. Sama juga macam Menteri Kerja Raya. Semua orang berpengalaman baik. *[Ketawa]*

Orang-orang baik. Ini orang-orang baik. Maknanya dia faham mana lucu mana mengasyikkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi kita yang berumur Tuan Yang di-Pertua, kita lebih selesa yang mengasyikkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Menteri jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading adalah sangat menarik di mana kadangkala kita terima aduan bahawa filem yang ditayangkan adalah kurang sedap oleh kerana LPF telah menapis mana-mana yang tidak patut ditayangkan. Jadi di mana telah menjejaskan kualiti filem atau di mana kita boleh dapat filem cerita itu seolah-olah tidak boleh disambungkan.

Tapi kalau LPF membenarkan, membenarkan di mana unsur-unsur yang negatif kata yang lucu ini, keganasan yang melampau, kita terima komplek-komplek dari Ahli-ahli Yang Berhormat atau dari ibu bapa dan orang ramai juga. Jadi, sebenarnya, prosidur dan kaedah tapisan filem yang dilaksanakan oleh LPF ialah dengan menonton, tapis keseluruhan sesuatu filem bagi menentukan tema, jalan cerita, watak, dialog dan mesej yang terdapat dalam filem ini. Jadi, kita nak pastikan semua kandungannya adalah sihat dan positif. Jadi semua dibuat berpandukan garis panduan yang tadi saya sebut yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilakah negara kita akan dapat menyelesaikan pengukuran dan penandaan sempadan dan apakah kaedah yang digunakan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, bersempadan negara kita dan negara-negara jiran adalah meliputi sempadan darat termasuk sungai dan sempadan maritim. Berikut adalah persempadan yang dimaksudkan. Iaitu yang pertama, sempadan Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak dengan Indonesia ataupun Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat. Penandaan dan pengukuran bagi persempadan antarabangsa Sabah/Kalimantan Timur telah bermula pada 10 September 1975, dan telah siap sepenuhnya pada 13 April 1994.

Jumlah keseluruhan jalan yang telah diukur adalah 371 km. Manakala penandaan dan pengukuran bagi sempadan antarabangsa iaitu Sarawak dengan Kalimantan Barat telah bermula pada 10 September 1975 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2004. Jumlah keseluruhan jarak yang diukur adalah 1647.8 km. Kaedah pengukuran dan penandaan sempadan darat antarabangsa telah dilaksanakan berasaskan konvensyen dan perjanjian seperti berikut iaitu:-

Konvensyen sempadan yang ditandatangani di London pada 20 Jun 1891 dan juga pada 28 September 1915. Dan juga konvensyen sempadan yang ditandatangani di Hague Belanda pada 26 Mac 1928. Bagi persempadan antara Malaysia dengan Thailand, penandaan dan pengukuran sempadan telah bermula pada 6 Julai 1973. Dan telah siap sepenuhnya pada 26 September 1985. Keseluruhan jarak sempadan darat yang telah ditanda dan diukur adalah sejauh 551.5 km kecuali kawasan Bukit Jeli sejauh 12.9 km yang melibatkan isu percanggahan interpretasi Titi 1909 antara Kerajaan British dan Siam.

Rundingan masih diteruskan di antara kedua-dua pihak bagi menyelesaikan isu yang berbangkit. Bagi penandaan dan pengukuran sempadan sungai bagi Sungai Golok sejauh 95 km, ianya dimulakan pada 1 November 2000 dan dijangka akan siap pada tahun 2009. Asas-asas penentuan sempadan Malaysia/Thailand ialah menurut *treaty* yang bertarikh 10 Mac 1909 yang ditandatangani antara Kerajaan Great Britain dan Siam.

Seterusnya persetujuan untuk penandaan dan pengukuran antara kedua-dua negara telah dibuat dengan penandaan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand pada 8 September 1972. Dua pendekatan asas yang diguna pakai dalam penentuan sempadan antarabangsa iaitu, bagi sempadan darat adalah mengikut legeh atau *watershed*, manakala bagi sempadan sungai mengikut '*thalweg*' ataupun bahagian terdalam alur sungai. Pendapat ini termaktub dalam *Treaty* 1909.

Bagi sempadan Malaysia ataupun Sarawak dengan Brunei, bagi sempadan ini, anggaran keseluruhan jarak sempadan, jarak Malaysia Sarawak dan Brunei Darussalam adalah sejauh 481.3 km. Sempadan darat yang telah dipersetujui di antara Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Brunei seperti terkandung dalam perjanjian-perjanjian dan *order in council* melibatkan jarak sempadan sejauh 207.3 km. Sementara jarak sempadan yang belum dipersetujui, adalah sejauh 274 km.

Secara umumnya, garisan sempadan ini ditentukan mengikut garis lurus dengan *bearing* dan jarak legeh dan sempadan-sempadan semula jadi seperti sungai mengikut persetujuan di antara kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, penandaan dan pengukuran sempadan darat antarabangsa Malaysia, Sarawak dan Brunei Darussalam masih dalam peringkat perundingan. Berkenaan dengan sempadan Malaysia dengan Singapura, bagi persempadanan antarabangsa Malaysia dengan Singapura, penandaan dan pengukuran sempadan telah bermula pada 10 Mac 1980 dan telah siap sepenuhnya pada 3 Oktober tahun 1981. Ia merangkumi jarak sepanjang 89.02 km.

Kaedah penentuan sempadan perairan antara kedua-dua buah negara adalah menggunakan pertengahan alur air dalam, *center of deep water channels*, dengan izin seperti yang termaktub dalam *The Straits Settlement and Johore Territorial Waters Agreement* 1927. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tadi. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi saya dapati banyak daripada kawasan-kawasan sempadan kita yang telah pun siap nampaknya diukur dan ditandakan. Kita sebenarnya telah merdeka 48 tahun atau hampir 50 tahun. Walaupun tadi Timbalan Menteri kata sempadan kita banyak yang telah ditandakan ataupun diukur.

Tetapi ianya saya rasa masih lagi belum selesai. Sebabnya nelayan kita ditangkap, dikatakan menceroboh laut jiran. Pembalok kita ditangkap kerana menceroboh hutan jiran. Dadah diseludup melalui sempadan-sempadan. Pulau-pulau dan kawasan ekonomi kita, terutamanya telaga minyak dituntut oleh orang lain. Jadi persoalannya, masalah sempadan ini saya rasa tak selesai.

Jadi, soalan saya, sejauh manakah perbincangan ataupun mesyuarat yang dibuat dengan negara jiran kita telah dapat membantu untuk menyelesaikan masalah sempadan kita ataupun perbincangan ataupun mesyuarat dengan negara-negara jiran ini telah menambah serabutkan lagi kita punya soal sempadan ini.

Soalan kedua, adakah kita berhasrat di mana sempadan-sempadan yang telah kita ukur, dah kita tandakan tadi, untuk kita bina tembok supaya kita dapat menghalang penyeludupan dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini berlaku ataupun masuk ke dalam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan adanya persetujuan-persetujuan yang telah diadakan sebelum dan selepas merdeka ini, telah membantu kita untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran ataupun penandaan sempadan dengan pelbagai jiran kita. Tetapi masalah yang masih lagi timbul ialah berkaitan dengan sempadan-sempadan maritim. Di mana khususnya nelayan yang pergi ke laut-laut dalam sebenarnya, kita tidak ada penentuan penandaan secara fizikal.

Jadi, apa yang penting ialah mereka harus menggunakan sistem GPS mereka untuk memastikan bahawa mereka tidak mencerobohi sempadan lautan negara jiran. Jadi, kerana mereka melanggar ataupun tidak menggunakan kaedah-kaedah moden ini, maka mereka ada kemungkinan, mereka akan atau mungkin bukan sahaja nelayan kita, mungkin

nelayan dari negara luar pun mungkin juga akan menceroboh masuk ke kawasan kita, kerana tidak mengikut sistem GPS dalam kapal atau kapal laut mereka. Jadi, berkaitan dengan pelantar minyak, memang kita tahu bahawa ada pertikaian di persempadanan maritim dengan Brunei.

Jadi perkara ini masih lagi dalam perbincangan. Tapi buat masa ini, saya rasa ada persefahaman di antara kedua-dua kerajaan untuk mengeksploitasi minyak secara aman dan sebenarnya semua negara dikehendaki untuk menghantar sempadan maritim mereka kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu sebelum tahun 2009. Dan mungkin pada masa itu, saya rasa kita dapat menentukan sempadan kalau sekiranya ada sebarang pertikaian, maka sempadan yang spesifik itu boleh diadakan melalui perbincangan ataupun secara *arbitration*. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercerita pasal sempadan, di Kalimantan, sempadan dia di antara Sarawak dan Kalimantan, Sabah dan Kalimantan. Tetapi di Pulau Sebatek, saya tidak nampak ada sempadan. Kerana kalau ada, mesti ada tanda. Sama ada dia macam *land title* yang ada batu sahaja yang boleh dipindah-pindah atau apa tanda yang kita taruh yang tidak boleh dipindah. Ini mustahak. Kerana kalau tidak, kita keliru. Bila orang masuk, dan kita tak boleh cegah kerana mungkin kita punya persempadanan ini, kawalan, polis marin pun tak tahu yang mana sempadan yang kita ada. Di antara Sabah dan Kalimantan.

Di antara pulau-pulau, misalnya, di Pulau Nunukan, Terakan, Pulau Sebatek, kita tidak tahu yang mana satu sempadan. Kalau kita kata, nelayan tahu kerana ada sempadan maritim, tentu sekali nelayan kita, dia buta huruf. Dia tidak tahu gunakan ini GPS. Jadi macam mana mereka tahu? Mereka tentu tidak tahu. Jadi kita minta mungkin seperti mana yang dicadangkan, kita buat tembok. Walau bagaimana besar belanja pun kita tembok. Mungkin macam China dia buat tembok besar.

Jadi kita pun bikin tembok juga [*Ketawa*] supaya kita tahu orang tidak boleh menyeludup masuk. Bila kita kata penyeludupan masuk dari luar, penyeludupan dadah, rokok, kayu-kayu balak dan lain-lain, marin kata ini tuduhan Ahli-ahli Parlimen Kinabatangan, Kalabakan ini tidak berasas. Ini ada dalam akhbar mengatakan tidak berasas. Jadi sampai mana kita punya sempadan ini? Jadi kita minta supaya kementerian memastikan apa tanda-tanda yang kita boleh nampak, yang ketara kita boleh nampak - tanda.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Sama ada kerajaan mungkin bercadang untuk membuat tanda yang boleh kita nampak atau membuat tembok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Timbalan Menteri menjawab.

Dato' S.G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan maritim, saya telah jelaskan memang ianya mestilah menggunakan sistem GPS. Sistem GPS adalah alat yang mudah untuk digunakan dan saya rasa sesiapa pun boleh menggunakan GPS ini untuk memastikan mereka tidak mencerobohi sempadan. Tetapi mungkin cadangan tembok ini memang telah kita laksanakan di sempadan Thailand. Tapi sempadan itu tidak begitu panjang berbanding dengan Kalimantan.

Jadi ini menelan belanja yang banyak dan juga kerana ada persefahaman di antara negeri-negeri, maka kita tidak ada penandaan secara fizikal. Apa yang kita gunakan adalah penandaan mengikut mungkin kalau ada gunung ke ataupun sungai, itulah yang menjadi asas bagi kita untuk memastikan bahawa itu adalah sempadan negara kita. Tetapi di mana ada kekeliruan, maka di situ ada penandaan bagi memastikan bahawa tidak ada kekeliruan di kalangan mana-mana pihak. Terima kasih.

3. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) apakah syarat-syarat keselamatan dan keselesaan yang perlu dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha stesen minyak yang beroperasi di sepanjang pinggir lebuhraya; dan
- (b) adakah kewujudan stesen minyak ESSO yang terletak di KM 19.8 dan KM 20.3 di kedua-dua belah Lebuhraya KL-Kajang (Grand Saga) selamat dan mematuhi syarat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha stesen minyak yang beroperasi di sepanjang pinggir lebuhraya adalah seperti berikut:-

Satunya, pihak penguasa perlu mengemukakan pelan lokasi dan lukisan reka bentuk terperinci untuk jalan keluar masuk ke stesen minyak terbabit. Kesemua ini akan dibuat oleh konsultan yang dilantik oleh - lantik dan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh LLM.

Spesifikasi reka bentuk yang perlu dipatuhi di dalam membina jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan di tepi lebuhraya adalah mempunyai lorong pencepatan dan perlambatan, *acceleration* dan *deceleration* dengan izin, hanya satu jalan masuk daripada Jalan Persekutuan dibenarkan. Dan *angle of entry* tidak melebihi 45 darjah, curam jalan masuk tidak melebihi 2% dan lebar jalan masuk tidak melebihi 10 meter. Mendapat kelulusan daripada Menteri Kerja Raya Malaysia seperti di dalam Akta Pengangkutan Jalan.

Pihak pengusaha perlu meminta kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan agensi lain yang berkaitan di dalam membina stesen minyak tersebut. Pihak pengusaha terbabit juga diarah untuk melakukan audit keselamatan jalan raya pada peringkat reka bentuk dan semasa peringkat pra pembukaan oleh juru audit berdaftar bagi memastikan kesemua ciri-ciri keselamatan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (b), untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua stesen minyak Esso di km 19.8 dan km.20.3., kedua-dua arah lebuhraya Cheras-Kajang, Grand Saga telah diluluskan berdasarkan kedudukannya yang telah mematuhi syarat pembinaan seperti mana yang telah di nyatakan sebentar tadi. Selanjutnya, pihak pemaju juga dikehendaki mematuhi perkara berikut untuk memastikan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan yang dipatuhi:

- (i) melaksanakan semua pembaikan yang dicadangkan oleh pihak konsultan dan Audit Keselamatan pakar yang bertauliah yang telah dilaksanakan. Audit Keselamatan jalan keluar masuk kedua-dua stesen minyak tersebut dan disahkan oleh Jurutera profesional;
- (ii) pihak LLM, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memantau dan memastikan pembinaan jalan keluar masuk tersebut berjalan lancar dan menepati spesifikasi yang ditetapkan;
- (iii) pihak LLM akan memastikan kesemua cadangan penambahbaikan dari laporan audit keselamatan jalan yang dikemukakan oleh *auditor* terbabit dipatuhi sebelum ia dibuka kepada pengguna; dan
- (iv) stesen minyak hanya akan dibenarkan dibuka setelah semua ciri keselamatan dan keselesaan menepati piawaian.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perniagaan bahan bakar ini adalah satu jenis perniagaan yang cukup berbahaya kerana ia mudah terbakar dan ia berada di pinggir lebuhraya di mana kenderaan akan bergerak dengan lajunya. Terdapat beberapa peristiwa Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemalangan-kemalangan yang tidak diingini. Baru-baru ini, dalam bulan puasa seorang lelaki yang sedang tidur di atas katilnya dalam bilik, meninggal

dunia akibat sebuah kereta yang terbabas dan melanggar rumahnya, dan meninggal dunia di Kuala Pilah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan di stesen Esso.?

Tuan Markiman bin Kobiran: Bukan, 20 meter jauhnya daripada jalan dan kemalangan-kemalangan lain berlaku akibat daripada kecuaiannya pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Menteri, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan syarat pembinaan stesen minyak sebegini, tetapi jawapan Menteri tidak menyatakan berapakah jauh *setback* yang perlu ada bagi setiap perniagaan sebegini di sepanjang lebuh raya, *setback* langsung tak ada. Petronas *setback* di sebelah Esso, 50 meter di belakang.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyatakan, daripada gambar-gambar yang saya ambil [*Menunjukkan gambar-gambar*] di kedua-dua petrol stesen Esso ini, stesen ini telah di bina di atas *road table* yang tidak jauh daripada jalan raya dan telah mengganggu laluan untuk ke persimpangan ke Putrajaya dan teknikal-teknikal Yang Berhormat Menteri sebut tadi langsung tidak ada terpakai kepada petrol stesen ini. Apakah ini tidak membahayakan kepada lalu lintas terutama sekali kepada pengunjung-pengunjung petrol stesen ini yang salah satunya akan menyebabkan berlaku kemalangan bukan sahaja di jalan malah kepada pengguna-pengguna petrol stesen itu sendiri.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin bertanya, adakah pembinaan petrol stesen sebagai tempat perniagaan bertentangan dengan peruntukan Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah, yang hanya membenarkan pengambilan tanah ini dibuat untuk tujuan *public purposes*, yang ini adalah untuk tujuan *private purposes* atau *commercial purposes*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar penjelasan dari Yang Berhormat tadi. Penjelasan yang saya dapat daripada pegawai-pegawai saya, semua syarat-syarat telah dipatuhi. Jadi, jikalau kita mahu juga mengenakan syarat iaitu 150 meter daripada jalan, apabila ada tanah 150 meter, ada juga kawasan-kawasan di dalam bandar dan di kawasan-kawasan di mana kita tidak boleh mengadakan 150 meter *setback* oleh kerana pengambilan tanah di kawasan-kawasan ini bukanlah satu masalah yang paling mudah, ini ada juga berbagai-bagai masalah.

Jadi, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kemalangan yang berlaku iaitu tidak ada kaitan dengan stesen minyak, [*Disampuk*] itu tidak ada kaitan dengan stesen minyak. Kami sudah tahu berapa banyak Lebuh Raya Utara-Selatan, kita ada juga lebih kurang 40 stesen minyak, sampai sekarang kita tidak dapat apa-apa aduan berkenaan dengan masalah kemalangan oleh kerana stesen minyak itu. Jadi, walau bagaimana pun untuk memberi lebih gambaran kepada Yang Berhormat, saya boleh minta menyiasat tetapi kami tidak mempunyai kuasa untuk menghapuskan stesen itu, tidak, kami tidak, tidak, tidak, oleh kerana jika saya ambil satu tindakan seperti itu, kerajaan akan kena bayar berjuta-juta ringgit kepada mereka.

[Soalan No. 4 - Yang Berhormat Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) tidak hadir].

5. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sampai bilakah negara kita akan bergantung kepada pengimportan buah-buahan daripada negara asing seperti limau sunkist, epal, anggur dan sebagainya. Apakah kita hanya melihat pengimportan ini lebih menjimatkan daripada kita sendiri mengusahakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pengimportan buah-buahan iklim sederhana seperti limau *sunkist*, epal, anggur dan sebagainya telah meningkat dapat RM 235.1 juta pada tahun 2003 kepada RM250.3 juta pada tahun 2004. Kerajaan

sememangnya tidak berhasrat untuk melihat jumlah import buah-buah ini terus meningkat. Namun demikian, pengimportan limau *sunkist*, epal dan anggur tidak dapat diberhentikan selagi terdapat permintaan daripada rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pengimportannya boleh dikurangkan sekiranya cita rasa pengguna tempatan dapat diubah dengan memakan lebih banyak buah-buahan tempatan.

Dari segi nilai pemakanan, buah-buah tempatan adalah setara dan sesetengahnya lebih baik berbanding buah-buahan import. Buah-buahan iklim sederhana tidak dapat dikeluarkan di Malaysia secara kos efektif disebabkan faktor iklim. Beberapa kajian dan percubaan penanaman telah dibuat di negara ini, tetapi disebabkan faktor iklim, hasil dan kualiti pengeluarannya tidak dapat menandingi buah-buah yang diimport. Walau pun Malaysia mempunyai kawasan tanah tinggi yang mempunyai iklim yang sesuai seperti di Cameron Highlands, namun kawasan yang ada sangat terhad untuk ditanam dengan buah-buahan tersebut secara besar-besaran.

Oleh yang demikian, adalah lebih menjimatkan kos jika buah-buahan tersebut terus diimport. Kos import hanya boleh dikurangkan sekiranya penduduk tempatan beralih cita rasa dengan memakan buah-buahan tempatan tertentu sebagai pengganti buah-buahan import. Sebagai contoh, negara boleh mengurangkan kos import limau *sunkist* jika rakyat bersedia memakan limau madu sebagai pengganti. Perkara ini perlu dihebahkan menerusi promosi dan kempen yang intensif mengenai pemakanan buah-buahan tempatan menerusi media cetak, media elektronik dan juga pendidikan. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang diberikan. Masalah kita sekarang ialah tentang begitu banyak buah-buahan yang kita import. Kita tidak nafikan selera masing-masing. Saya semalam, Tuan Yang Di-Pertua, makan pisang di hotel, pisang import, saya terkejut.

Seorang Ahli: Import dari mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bila saya tanya kepada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pisang jenis apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Receptionist* hotel, ia diimport daripada Filipina. Jadi, kalau kita semua import buah-buahan tempatan - pisang, betik, mempelam, bagaimana petani-petani kita yang ribu-ribu orang ini mendapat hasil titik peluh mereka di pasaran di luar negara? Jadi, apakah kementerian melihat kalau tak ada tanah, bagaimana kita nak mengatasi tanah bagi petani-petani kita supaya dapat mengusahakan secara komersial.

Pemasaran kita, FAMA, tak taulah kalau FAMA minta supaya ia diswastakan dari segi pemasaran. Kalau kata kempen, kita tidak nampak kempen yang bersungguh-sungguh. Kalau ada kempen makan buah-buahan tempatan, kena kencing manis, kalau makan terlebih banyak, cempedak kena lelah, angin, kata Sri Gading dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah kempen, kalau dulu kepala muda. Apabila kementerian buat kempen kelapa muda, ramai orang tertarik untuk minum kelapa muda. Hari ini dah tak ada, macam hangat-hangat tahi ayam. Jadi dari segi pemasaran, kempen ini biarlah berlebihan, gunakan televisyen kita, TV3 ada, RTM ada, ASTRO ada, papan-papan iklan...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, Menteri jawab

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan saya, itulah soalan saya, bila buah-buahan tempatan kita akan menembusi pasaran Eropah, di Amerika di benua-benua yang lain, kerana pada hari ini, petani-petani kita dah letih menunggu di atas pemasaran itu. Jadi, minta Yang Berhormat dapat penjelasan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya perlu mendapat fakta lebih lanjut lagi daripada Yang Berhormat mengenai pisang ini sebab dalam senarai kita tidak mengimport pisang. Sebab pisang kita banyak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, yang ini boleh, sebab semalam saya makan memang betul. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta kawalan, sekarang buah-buahan tidak ada kawalan. Buah-buahan import tidak ada kawalan, apa salahnya kita kawal buah-buahan daripada luar negara ini untuk memberi peluang kepada buah-buahan tempatan kita dapat dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dah habis jawab?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Belum-belum

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ya, jawab

Datuk Bung Moktar bin raden: Saya ingat itu pisang seludup datang ke sini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab kita tak import pisang. Pisang di negara kita memang banyak. Yang Berhormat mengenai pemasaran, memang, insya-Allah kita sentiasa menjalankan kempen-kempen memakan buah-buahan, tetapi Yang Berhormat sebutkan tadi, ini adalah sesuatu yang telah kita bawa, kita cerita, kalau kita makan buah ni kencing manis dan sebagainya dan sebenarnya Yang Berhormat..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, doktor mana cakap kalau makan nangka, lelah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tak ada, jadi berbalik kita ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang buah-buahan import ini pula macam melambangkan *style* kehidupan, seakan-akan buah import ini menunjukkan kita adalah dalam kelas yang *elite*. Kalau pergi ke hospital, kalau melawat, bawa anggur, bawa apel apa salahnya bawak buah betik, pisang, durian tak payahlah, durian tidak dibenarkan masuk hospital agaknya, bawaklah limau madu, jambu dan bermacam-macam jambu bermacam-macam, ada jambu batu, jambu air, jambu madu. Jadi saya rasa yang ini, kia seharusnya bermula dengan kita sendiri, kita bermula sebab buah-buahan tempatan ini memang berkhasiat dan kita memang ada juga dalam iklan-iklan menonjolkan dari segi buah-buahan tempatan ini.

Berbalik kepada - tadi mengatakan macam mana kita pula hendak mengeksport buah-buahan kita. Memang itu kita tengah sarankan melalui *attaché* pertanian kita untuk mendapatkan satu ruang buka pintu untuk kita membawa buah-buahan kita sebab mereka ini banyak sekatan *non tariff*, di mana kita sekarang dalam proses mengadakan perbincangan secara baik supaya buah kita dapat menembusi pasaran mereka. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia orang tidak tahu saya seorang petani.

Soalan tambahan, bolehkah saya dapat tahu pengimportan buah-buahan dari luar negara. Apakah mengenai kawalan mutunya dan juga penggunaan *pesticide*, yang saya difahamkan buah-buahan sewenang-wenangnya boleh datang import di negara ini dan ia sangat tahan lama. Buah epal boleh tahan lama, selama 14 hingga 28 hari. Ini sangat unik. Saya difahamkan ia menggunakan terlampau banyak *pesticide* dan apakah galakan yang diberi kepada petani-petani negara ini untuk melabur dalam arena organik supaya pengeluaran - macam hari tu Setiausaha Parlimen beri kita makan *dragon fruit*. Saya difahamkan setiap petani diberikan sebanyak RM5,000 untuk mereka yang terlibat dalam *organic farming*. Sejauh manakah ini telah *success*?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat terima kasihlah banyak atas membawa isu pengimportan buah-buahan ini yang mungkin mereka juga menggunakan bahan-bahan *residue* atau kimia yang tinggi. Inilah sebabnya kita telah membawa ke Dewan yang mulia ini supaya kita hendak mengimplementkan dari segi *traceability* buah-buahan yang masuk dan insya-Allah kita juga akan mewujudkan *Malaysian Quarantine and Inspection Centre* supaya semua buah-buahan atau barangan yang diimport melalui *Inspection Centre* ini dan kita juga akan *reject* yang mana mempunyai *residue level* yang tinggi. Jadi terima kasihlah. Bermakna kita sekarang selari juga dengan negara-negara yang lain sebab negara Australia dan Singapore jiran terdekat pun memang mereka banyak menggunakan langkah-langkah *none*

tariff, sebab kalau jenis tarif WTO tidak boleh dah. Kita semua *subscribe to WTO*, jadi itulah kita tidak mahu agar tempat kita ini menjadi lambakan buah-buahan yang masuk.

Mengenai dari segi organik tadi – memang, jadi kalau dapat Yang Berhormat hubungilah Jabatan Pertanian yang terdekat untuk mendapatkan berbagai-bagai kemudahan yang diberikan kepada petani. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya memang bersetuju kita tidak mahu negara kita menjadi lambakan buah-buahan import dan juga kita tidak mahu negara kita menjadi lambakan buah-buahan tempatan kita yang tidak boleh dipasarkan.

Persoalannya apakah langkah-langkah kementerian ambil untuk mendekati pihak perhotelan, untuk mendekati negara-negara maju dan sebagainya bagi mengeksport buah-buahan tempatan. Di hotel kita nampak epal dan *strawberry*. Mengapa tidak buah manggis ke, jambu ke, bermakna tidak ada kerja dan usaha yang dilaksanakan oleh agensi pelaksanaan ini Tuan Yang di-Pertua. Ini yang kita persoalkan. Macam pisang seperti Larut cakap, pisang dari Filipina sedangkan dari Sabah dan Sarawak contohnya 'pisang keling' pun buruk sudah tidak boleh dijual. Jadi ini menjadi masalah. Seharusnya

Seorang Ahli: Pisang apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin: 'Pisang keling'. Seharusnya telah boleh dijual di hotel-hotel, jadi bermakna lemah pemasaran kita dalam negara oleh agensi kerajaan yang sedia ada. Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya FAMA telah mendekati semua hotel di negara kita dan kita juga telah mengadakan perbincangan bersama dengan Kementerian Pelancongan. Tetapi yang menentukan sama ada buah ini, yang akan membeli buah-buahan tempatan ini adalah *the buying officer* lah pegawai yang membeli....

Tuan Yang di-Pertua: *Buyer*.

Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:pegawai perolehan. Jadi digalakkan. Kadang-kadang ada masa dia dapat, sebab dia kata dari segi *supply* tidak konsisten, tetapi insya-Allah yang itu kita boleh buat. Jadi FAMA sekarang ini pergi kepada semua hotel dan dari segi pembekalan insya-Allah kita melalui LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) kita boleh menentukan bahawa tawaran itu memang konsisten. Terima kasih.

6. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa peratuskah penghidap HIV yang diberi rawatan HAART (Highly Active Antiretroviral Therapy) dan adakah rawatan tersebut diberi percuma di hospital kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua berdasarkan maklumat terdapat seramai 3,500 orang penghidap HIV/AIDS yang telah diberi rawatan HAART (Highly Active Antiretroviral Therapy) di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara yang mana meliputi lebih 40% daripada penghidap HIV/AIDS yang memerlukan rawatan berkenaan.

Kementerian Kesihatan telah mengambil berbagai-bagai langkah bagi memastikan sasaran bagi memberikan rawatan HAART kepada 4,000 penghidap HIV/AIDS yang layak akan tercapai pada akhir tahun 2005 ini. Rawatan HAART mengandungi 3 jenis ubat-ubatan *Antiretroviral* yang berlainan. Kerajaan menyediakan subsidi dengan memberikan 2 jenis ubat ARV secara percuma. Walau bagaimanapun, rawatan ketiga-tiga jenis ARV diberikan secara percuma kepada kumpulan-kumpulan pesakit berikut:

- (i) Ibu-ibu mengandung dan bayi mereka yang dikesan HIV positif melalui program pencegahan transmisi HIV ibu ke anak di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (ii) Penghidap HIV/AIDS di kalangan kanak-kanak.

- (iii) Penghidap HIV/AIDS yang mendapat jangkitan melalui pemindahan darah dan produk darah yang tercemar.
- (iv) Anggota kesihatan yang dijangkiti HIV semasa bertugas atau *occupational exposure*.
- (v) Penghidap HIV/AIDS di kalangan kakitangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat bahawa *Antiretroviral Therapy* ini bukanlah satu jalan untuk merawat penyakit AIDS ini. Kita tahu *Antiretroviral Therapy* ini cuma boleh memanjangkan umur penghidap tersebut dan juga boleh memberikan sedikit kualiti hidup yang lebih baik kepada penghidap-penghidap tersebut. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa kos pengobatannya memang tinggi dan sungguh membebankan kerajaan. Tetapi daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi saya tidak jelas, apakah kriteria yang digunakan selain daripada mereka yang disenaraikan tadi.

Kita tahu bahawa kebanyakan penghidap AIDS di Malaysia adalah mereka yang menagih dadah ataupun mengambil suntikan dadah. Jadi saya dapati bahawa mereka ini tidak dimasukkan dalam mereka yang menerima rawatan HAART ini. Jadi pada saya mengapa golongan ini tidak dimasukkan dan adakah pemantauan dibuat kepada mereka yang diberi ubat-ubatan ini supaya mereka ini betul-betul makan ubat ini. Kerana kita tahu ubat ini memang harganya mahal dan boleh membebankan kerajaan dari segi kosnya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya hari ini adalah Hari AIDS Sedunia, di mana kita telah mengadakan satu tema untuk tahun ini iaitu 'Cegah AIDS Tunaikan Janji', iaitu kerajaan mesti tunaikan janji kita supaya kita kena merawat pesakit-pesakit HIV/AIDS ini.

Bagi kita di Kementerian Kesihatan, kita memang ada kriteria untuk memberi ubat-ubatan ini kepada pesakit HIV/AIDS. Kriteria adalah seperti yang saya katakan tadi, iaitu kelima-lima kumpulan ini. Bagi mereka yang tidak dalam lingkungan kelima-lima kriteria ini mereka diberi *Antiretroviral* ini, dua ini adalah percuma untuk mereka. Dan pada masa sekarang kerajaan sedang mengambil tindakan supaya kita dapat mengimport ubat-ubatan generik yang ketiga. Kalau kita berjaya untuk mengimport ubat-ubat generik ini kita harap kerajaan akan *subsidize* ubat ketiga ini. Ini bermakna untuk ketiga-tiga ubat-ubatan ini akan diberi percuma kepada semua penghidap HIV/Aids yang akan datang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua - memang doktor. Kalau bukan doktor macam mana dia tahu. Kalau setakat Jerai macam mana dia tahu. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order. [Ketawa]* Menghina seorang Ahli Parlimen yang berwibawa. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik dengan kriteria yang digunakan dan juga slogan 'Cegah AIDS dan Tunaikan Janji'. Saya harap semua janji dapat dikotakan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat sebutkan angka yang terkini insiden AIDS dan pembawa HIV, dan juga bagi setiap orang yang diketahui berapa orang lagi yang kita tidak tahu, dan apakah unjuran pihak kementerian bagi AIDS misalnya pada tahun 2010, apakah insiden AIDS dan pembawa HIV di Malaysia ini? Dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan untuk HAART ini, apakah kos yang sebenar bagi setiap pesakit? Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Jikalau kita tidak berjaga-jaga pada tahun 2015 kita akan mempunyai lebih kurang 300,000 penghidap HIV/AIDS di negara kita. Dan untuk masa sekarang kita mempunyai lebih kurang 65,000 penghidap HIV/AIDS, 7,500 penghidap sudah meninggal dunia dan setiap hari kita akan mendapati 18 orang penghidap HIV/AIDS yang baru. Ini adalah statistik kita. Bagi kos *Antiretroviral* ini pada masa dahulu, ketiga-tiga jenis ini jumlahnya adalah lebih daripada RM1,000 dan pada

masa sekarang kerajaan telah subsidi 2 percuma. Yang kena beli yang ketiga itu adalah lebih kurang RM180 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: RM180 satu pil?

Dato' Lee Kah Choon: RM180 untuk satu bulan. Terima kasih.

7. **Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah kemungkinan pihak kementerian akan mengambil peluang terhadap fenomena kemarau 100 hari di Perlis yang unik dan berlaku pada setiap tahun dengan menubuhkan Pusat Pengeluaran Benih Tanaman (Tumbuhan) Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan Pusat Pengeluaran Benih Negara adalah satu cadangan yang baik, yang mana pada masa ini penubuhan pusat berkenaan adalah di dalam kajian pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat Menteri juga telah memberi persetujuan dan menyokong penuh cadangan daripada Yang Berhormat Arau itu.

Penubuhan Pusat Pengeluaran Benih Negara memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai faktor penting seperti sumber air, kesesuaian tanah dan tanaman, lokasi kawasan yang sesuai atau strategik dan pembangunan R&D dan sebagainya. Namun begitu pengeluaran biji benih beberapa komoditi seperti kenaf, pastura dan beberapa kekacang adalah sesuai bagi zon yang mengalami kemarau lebih dari tiga bulan seperti di negeri Perlis dan utara Kedah. Beberapa pusat pengeluaran benih seperti Kompleks Pertanian Bukit Temiang di Perlis dan stesen MARDI di Bukit Tangga di Kedah boleh dimanfaatkan untuk tujuan ini.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Cadangan saya untuk menubuhkan Pusat Pengeluaran Benih Tanaman Negara di Perlis ini berasaskan yang diambil kira dari segi keunikan cuaca di Perlis dan juga atas sains tanaman. Saya harap oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adalah yang datang dari Batang Lupar jangan pusat ini pergi ke Batang Lupar pula.

Juga pusat ini saya kata boleh menghidupkan sektor pertanian negara kita untuk bersaing di arena pertanian di antarabangsa. Saya rasa pusat ini begitu penting untuk masa depan pertanian dan masa depan petani-petani kita. Jadi saya harap walau pun perkara ini sudah lambat tapi saya percaya perlu diambil tindakan serta-merta untuk pertanian negara kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada pepatah bahasa Inggeris '*Better late than never*' [Ketawa]. Yang Berhormat jangan susah hati, Batang Lupar itu kita buat untuk benda-benda yang lain, sebab Batang Lupar itu keistimewaannya buaya dan ikan. Jadi, kita khususkan. Tetapi Yang Berhormat memang kita akui sangat apa-apa dari segi industri pembangunan pertanian bijih benih inilah yang penting, sebab tanpa biji benih dan untuk makluman, memang sekarang ini kebanyakan benih-benih ini kita import dan import ini dari segi kualiti dari segi juga macam keselamatan makanan sebab kalau negara yang kita import ini *suddenly* dia memberhentikan pembekalan kepada kita memang akan menimbulkan masalah.

Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kita memang bekerjasama rapat bersama dengan Yang Berhormat khasnya melalui Yayasan Tuanku Syed Sirajuddin, di mana berhasrat menubuhkan institut penyelidikan pengeluaran benih padi hybrid. Jadi, di situ kita memang bekerjasama rapat khasnya Jabatan Pertanian Tambun Tulang, Perlis bagi tujuan R&D dan di mana yayasan ini juga telah menandatangani MOU bersama dengan MARDI untuk kita sama-sama menjalankan satu usaha sama penyelidikan. MARDI juga telah memohon peruntukan di bawah IRPA di mana telah diluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk tempoh lima tahun di mana yayasan pula akan mendapatkan

pakar padi hybrid dari negeri China. Jadi, bermakna kita terbuka, Yang Berhormat dan Insya-Allah apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu tercapai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi pepatah bahasa Inggeris, yang ini lagu bahasa Inggeris '*Don't Forget to Remember Me*' tapi Yang Berhormat bagi Arau kata, '*Don't Forget to Remember Arau.*'

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat sejarah, getah berasal dari Brazil dan hari ini kita menanam getah dan kita mengeksport getah. Kelapa sawit berasal dari Afrika dan kita buat kajian, kita perbesar dan kitalah pengedar minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Jadi, apabila benih-benih ini dibuat kajian (*research*) di Malaysia, apakah kerajaan juga akan mengadakan sesuatu yang dipanggil - bukan kita nak cemburu tapi kita nak kawal supaya benih-benih yang kita buat kajian ini dapat dikawal supaya tidak keluar negara, dijual di luar negara dan akhirnya kita akan menerima kerugian dari segi *research* dari segi tanamannya.

Jadi, apakah pihak kerajaan juga apabila pusat-pusat ini dibangunkan akan memastikan bahawa barang-barang yang kita cipta ini tidak terlepas seperti kelapa sawit yang terlepas ke Malaysia satu ketika dahulu. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu saya nak mintak supaya benih-benih ini hendaklah diuruskan oleh kerajaan, bukan diswastakan atau diberi kepada syarikat kerana syarikat akan dia nak *bottom line*, dia kira nak untung dan benda ini akan terkeluar. Jadi, saya mintak jangan kerajaan tak lama lagi bagi orang swasta buat benda-benda benih macam ini. Kerana benih ini bukan mudah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas kebimbangan Yang Berhormat itu dan memang kita juga mengambil sikap yang sama dan kita memang telah meluluskan di dalam Dewan ini untuk memelihara supaya segala penemuan-penemuan kita ini hak cipta kita terpelihara. Kita tidak mahu sebelum akta itu diluluskan tempoh hari di Dewan yang mulia, siapa-siapa saja boleh membawa macam Tongkat Ali, sebenarnya Tongkat Ali kita yang mulakan tapi sekarang ini mana-mana, rata-rata orang semua dah memakai Tongkat Ali.

Jadi, samalah seperti Yang Berhormat hasratkan dan memang lebih baik sebab apa-apa penyelidikan dan apa-apa juga dari segi kita hendak menubuhkan pusat benih negara ini rasanya memang elok kerajaan yang mempunyai hak mutlak (*absolutely*)

Sebab apa? Dari segi kualiti, dari segi perbelanjaan *reaserch* dan sebagainya kalau G to G itu mudah lagi *government* sebab bila kita hendak menubuhkan pusat pengeluaran benih ini, kita akan menggunakan kepakaran-kepakaran dari negara-negara yang lain yang mana memang sudah terbukti mereka telah banyak membuat penyelidikan-penyelidikan mengenai benih-benih ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja sesi soal Jawab Lisan pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keenam belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.48 [Jadual]

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Santubong nak berucap? Tidak? Baik, Kepong, ya.

11.08 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, mengenai Pembangunan Wanita - 2020000 dan Pengurusan dan Perancangan Dasar - 010000 dan juga 704000 - Kebajikan Masyarakat. Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya hendak pihak kementerian mengkaji undang-undang untuk semua orang termasuk wanita, termasuklah Perlembagaan.

Perkara 8(1): "*All person are equal before the law and entitle to equal protection*", Tuan Pengerusi. Tapi, Perkara 8(2) menyatakan: *....Except as expressly authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, or place of birth, in any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or the establishing or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment.*"

Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya kita nampak Perlembagaan Persekutuan pun tidak begitu jelas mengenai penjagaan hak-hak dan kebebasan wanita. Sebab itulah saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji sebagai seorang peguam juga macam mana kita dapat memperbetulkan keadaan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini memang satu yang perkara penting sebab saya nampak Yang Berhormat Menteri pun sangat lantanglah mengenai peranannya untuk memelihara hak-hak dan kebebasan wanita.

Tapi, satu perkara Tuan Pengerusi iaitu mengenai Mahkamah Syariah. Saya tidak nampak ada hakim wanita. Memang ini mempunyai satu perkara yang sangat rumit. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri sentiasa menekankan dengan begitu giat, rajin dan gigih memapar dan mengetengahkan hak-hak dan kebebasan wanita, malah mengenai masalah penceraian, perkahwinan dan sebagainya pun beliau sangat memberi perhatian. Kalau itulah yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat Menteri, saya berharap beliau dapat mengambil tindakan yang tegas mengenai pelantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai SECDO iaitu satu ketetapan untuk mencegah diskriminasi terhadap wanita. Di dalam pengurusan dan perancangan dasarnya saya diberitahu oleh Yang Berhormat bahawa beliau yang mengambil berat mengenai SECDO tetapi setakat ini kita hendak tahu sama ada beliau sanggup mengemukakan satu

laporan mengenai kejayaan ataupun kegagalan kementerianannya untuk menguatkuasakan apa yang terkandung di dalam SECDO itu.

Tuan Pengerusi, di sini memang kita merasa gembira kerana di institusi-institusi pengajian tinggi sekarang kita ada 17 dan tidak lama lagi 18 universiti awam. Di universiti, dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini kita nampak puratanya wanita ada 60% atau lebih dan kadangkala 70%, manakala lelaki 40% dan kadangkala 30% sahaja di dalam universiti kita ini. Kita kagum kepada kejayaan wanita yang lebih mengatasi lelaki.

Tetapi kita pun minta tolong kepada Yang Berhormat Menteri ini, bagaimana kita boleh meningkatkan bilangan lelaki sebanyak 50% di institusi-institusi pengajian dan universiti. Ini kita hendak minta tolonglah. Sekarang ini kita hendak tolong dia dari segi aspek yang lain, tetapi dia hendaklah tolong kita juga bagaimana kita boleh menambahkan bilangan lelaki di universiti kita. Ini penting, memang penting kerana apabila wanita yang lepasan universiti itu kadangkala susah juga hendak cari suami, semakin hari semakin susah. Kita mesti menyelesaikan masalah seumpama ini.

Kerana tidak cukup masa, kita tidak dapat bincangkan kerana ini adalah satu perkara yang mengambil masa untuk dibincangkan. Saya takutlah seperti dalam profesion perguruan kita ini kadangkala 90% wanita sebagai guru ataupun melebihi 90%. Ini memang satu trend yang saya bimbang dan saya berharap diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, bagaimana beliau dapat memainkan peranan untuk menolong lelaki juga dari segi perguruan dan universiti kita ini.

Akhir sekali mengenai kebajikan kita ini. Memang pada tempoh hari dalam bajet pun kita sudah meningkatkan elaun kepada warga tua dan sebagainya adalah satu langkah yang betul. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, di sekitar Malaysia ini terutama di sekitar bandar Kuala Lumpur ini, kita nampak sindiket untuk pengemis di mana tindakan dan kawalan yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat ini tidak mencukupi mungkin kerana kekurangan kakitangan ataupun bidang penguatkuasaan tidak cukup berkesan. Kita nampak ada sindiket. Tiap-tiap berapa bulan pengemis-pengemis itu bertukar wajahnya dan kebanyakannya diimport. Sindiket untuk mengimport pengemis, bukan untuk mengimport buah-buahan sahaja, pengemis pun hendak diimport. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang berkesan untuk mencegah sindiket yang menjaga pengemis ini.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada rakan saya Ahli Parlimen bagi Kepong. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di kawasan segi tiga bandar raya Kuala Lumpur ini ramai pengemis dari luar negeri yang bergerak di tempat-tempat pelancong. Inilah yang akan *mentarnishkan* imej negara kita. Saya ingin mencadangkan di sini dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat haruslah mengambil tindakan yang tegas untuk membanteras masalah ini kerana imej negara kita akan terjejas disebabkan pengemis-pengemis asing di kawasan ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Kita tidak boleh bertolak ansur dengan hal ini dan Tuan Pengerusi pun ada nampak, mesti ada nampak.

Tuan Pengerusi: Ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Tiap-tiap berapa bulan ada wajah baru dan dia berbaring di situ ataupun separuh lumpuh dan sebagainya. Kita nampak itulah yang menarik kemurahan hati orang Malaysia kerana di Malaysia ini orang pun murah hati, Tuan Pengerusi. Di pusat-pusat yang sibuk ini, dia boleh mendapat satu bulan beberapa ribu ringgit sebagai pengemis. Sebab itulah kita mesti adakan satu sistem yang lebih berkesan untuk mencegah semua ini. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Terperanjat] Ohh... [Ketawa]

Seorang Ahli: Wah, ramai yang bangun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Titiwangsa.

Beberapa Ahli: [*Masih berdiri dan Dewan riuh seketika kerana masing-masing hendak berucap*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ganggu saya, ya? [*Ketawa*]

11.13 pagi

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dewan ini telah banyak membincangkan masalah gejala sosial, penagihan, bohsia, anak bermasalah, orang tidak berbudi bahasa yang telah melibatkan banyak agensi-agensi dan kementerian seperti ADK, KDN, Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sebagainya. Ini seolah-olah kita ini hanya ada perancangan yang teratur untuk menyelesaikan benda yang sudah bermasalah. Kita buat pusat serenti, dan kalau kita kaji bajet untuk kementerian ini juga sebanyak RM197 juta disediakan untuk hal ehwal pemulihan. Nampaknya kita hanya hendak membetulkan apa yang *nasi sudah menjadi bubur. We try to be a warden to the whole country.* Saya rasa ini satu perkara yang agak berat sedikit dan saya rasa lebih baik kita buat pendekatan pencegahan daripada kita hendak buat pemulihan.

Kementerian ini pada asalnya dinamakan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Selepas itu ditambah pula "Wanita" dan sekarang ditambah lagi satu nama di situ iaitu "Keluarga". Sebenarnya dalam era globalisasi dan liberalisasi ini, keluarga inilah saya rasa adalah benteng yang terakhir untuk kita menghadapi cabaran pada masa depan. Seelok-eloknya keluarga inilah terlibat dalam kita hendak menghadapi segala masalah ini dan kalau boleh kita hendak mulakan dengan secepat mungkin iaitu keluarga ini apabila seorang pasangan itu berkahwin dan apabila mempunyai cahaya mata.

Jadi, kita eloklah bermula dengan secepat mungkin. Kalau ada eloklah juga kementerian ini mengadakan lebih peruntukan untuk menguatkan institusi keluarga kerana saya telah perhatikan dalam banyak-banyak saya buat perasmian PIBG ada satu trend di mana pada asalnya kalau kita tengok di tadika, ibu dan bapa rajin datang mengiringi anak untuk aktiviti sekolah. Tetapi apabila sudah sampai ke sekolah menengah, selalunya ibu sudah tinggal seorang, bapa entah ke mana.

Jadi *effectively many families are now single parents families*, dengan izin. Dengan itu, saya ingin mengesyorkan supaya seperti juga dalam sekolah, kalau kita menghantar sesiapa ke sekolah dengan harapan akhirnya dia dapat membaca dan menulis.

Jadi, di sini saya rasa elok juga kementerian ini menggubal satu dasar untuk memastikan tiap-tiap pasangan yang berkahwin itu mempunyai kemahiran asas seperti kenapa kita pergi ke sekolah untuk membaca dan mengira, mesti ada kemahiran keibubapaan yang merangkumi *skills* seperti psikologi, ekonomi, kesihatan, *mentoring*, agama dan sebagainya.

Di sini saya rasa eloklah kementerian ini yang sudah dapat nama "keluarga" sekali, memainkan peranan yang lebih berat dan bajetnya sekurang-kurangnya mencerminkan pencegahan daripada pemulihan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar, sila.

11.16 pagi

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sama-sama terlibat dalam membicarakan B.48 dan P.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, khusus kepada golongan kurang upaya, di mana satu pencapaian perubahan minda yang berlaku secara evolusi, secara perlahan yang mana dahulunya kita memanggil orang yang cacat ini, hari ini kita panggil golongan istimewa.

Dengan berubahnya perkataan golongan istimewa itu, maka rakyat hari ini sayang kepada orang yang kurang upaya ini.

Walau bagaimanapun, kita agak gusar dengan sambutan di kalangan masyarakat ataupun korporat yang tidak menyediakan kemudahan kepada golongan orang kurang upaya ini, walaupun kita dapati 2.8 juta rakyat kita tergolong dalam golongan orang kurang upaya. 2.8 juta ini adalah satu jumlah yang besar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Razali bin Ibrahim: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Dia minta 'tangga batu', Yang Berhormat bagi Larut. [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Muar menyebut tentang perhatian oleh pihak korporat ataupun pihak swasta tentang golongan orang kurang upaya ini, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa bangunan Parlimen kita ini pun sebenarnya dari segi konteks memberikan perhatian kepada golongan orang kurang upaya adalah tidak kelihatan. Umpamanya pintu masuk kita, tidak menyediakan ruang itu walaupun kita mempunyai tandas untuk golongan orang kurang upaya. Begitu juga di galeri awam ini, kita tidak mempunyai ruang untuk golongan orang kurang upaya dan kita juga tidak mempunyai ruang untuk golongan orang kurang upaya di dalam ruang Parlimen ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Razali bin Ibrahim: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, dia jawab sekali. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang korporat yang boleh dikatakan sepatutnya mereka melakukan *social obligation* yang lebih hebat sebagai menghargai keuntungan yang telah mereka perolehi. Apakah Yang Berhormat melihat dengan tidak adanya kepentingan orang kurang upaya ini atau orang istimewa ini dari kalangan yang berada, sekurang-kurangnya kita boleh mengurangkan bebanan kerajaan, ia akan mengheret mereka ini kepada sindiket-sindiket yang boleh menjuruskan mereka ini seperti meminta sedekah sampai tengah malam di restoran-restoran.

Apakah Yang Berhormat melihat perkara ini sebagai satu perkara yang seharusnya kita sama-sama membantu untuk mengurangkannya. Kalau tidak ada mereka ini tampil ke hadapan, sudah tentu akan ada orang yang mengambil kesempatan dengan sindiket-sindiket untuk menggunakan mereka ini untuk mengaut keuntungan bagi tujuan mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya amat bersetuju. Sebab itulah mereka yang kurang upaya ini sebenarnya mempunyai satu perasaan yang sensitif, kerisauan masyarakat yang normal memandang rendah kepada mereka. Jadi kita kena beri satu sokongan dan dorongan yang kuat supaya gejala-gejala seperti ini tidak berlaku kepada mereka yang kita kategorikan sebagai golongan orang kurang upaya ataupun istimewa.

Begitu juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Kalau kita pergi ke negara lain, negara mahu, di pusat membeli-belah di mana juga tempat akan disediakan satu mesin atau jentera khusus, yang mana orang kurang upaya yang menggunakan kerusi akan dapat menekan *button* itu, kemudian dapat menggunakan terus tanpa ada perbezaan di antara mereka yang kurang upaya ataupun yang normal. Sebab itu saya percaya kementerian bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk menaikkan taraf

golongan istimewa ini setaraf dengan kita yang normal. Tetapi tanpa sambutan, tanpa penguatkuasaan yang sepenuhnya, maka masyarakat masih lagi melihat kegagalan kementerian walaupun...

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: ...kekurangan itu berlaku...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Tuan Razali bin Ibrahim: Ya.

Dato' Razali bin Ismail: Oh, dia ada pergi banyak bercakap kot. Saya rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan banyak cakap, badan tidak sihat.

Dato' Razali bin Ismail: Okey, okey. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tanggungjawab.

Dato' Razali bin Ismail: Saya ingat ada pergi ceramah di....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Harap Yang Berhormat tolonglah.

Dato' Razali bin Ismail: Ingat ada pergi ceramah Pengkalan Pasir punya orang. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak pergi.

Dato' Razali bin Ismail: Tadi saya rasa ada sedikit pertukaran istilah. Ada disebut orang istimewa, keluarga istimewa, emas dan kemudian kurang upaya. Saya rasa perkataan "kurang" ini pun, saya rasa ada *negative connotation*. Saya rasa ada membawa stigma kepada orang yang dipanggil "kurang upaya". Apa pandangan Yang Berhormat kalau dicadangkan "kurang upaya" itu kita kata "berlainan upaya" atau "kelainan upaya" misalnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bolehlah.

Dato' Razali bin Ismail: Bolehlah. Sebab itu tidak membawa kepada stigma. *Because* saya lihat orang-orang ini sebenarnya ada keupayaan yang istimewa kepada diri mereka itu. Kita lihat daripada perspektif lainlah. Sebab tadi Yang Berhormat di peringkat pendahuluan ada sebut supaya kita hendak mengelakkan sensitiviti kepada mereka, *low self image* dan macam-macam lagi. Kalau diubah sedikit istilah itu, OKU – orang kelainan upaya.

Tuan Razali bin Ibrahim: Pada saya elok kita panggil "kelebihan upaya" sebab kalau kita, contohnya hendak melukis dengan menggunakan kaki, kita tidak boleh buat tetapi orang ini boleh buat. Dia ada lebih daripada kita sebenarnya pada saya. Sebab itu saya lebih suka kita panggil dia golongan istimewa sebab perubahan pandangan masyarakat kepada golongan ini sebenarnya sudah meningkat. Mereka ini cukup istimewa. Mereka ini mempunyai kelebihan yang cukup banyak berbanding dengan kita yang normal. Kita boleh melihat, kita mungkin tidak dapat bermain muzik. Tetapi mereka yang tidak pernah melihat alatan muzik tetapi boleh bermain muzik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya tambah sedikit lagi?

Tuan Razali bin Ibrahim: Ya, saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selain daripada itu, kerajaan melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri ada memberi pelepasan cukai kepada mereka yang tidak mampu kepada anak-anak mereka melanjutkan pelajaran. Jadi, apakah Yang

Berhormat melihat supaya sesiapa juga yang membantu orang istimewa ini atau orang kurang upaya ini dengan apa cara sekalipun dikecualikan daripada membayar cukai. Jadi apa pandangan Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan lebih banyak lagi sumbangan daripada tokoh-tokoh korporat atau individu-individu yang membantu sebagai membantu kerajaan kepada mereka yang tidak upaya ini, yang istimewa ini, dikecualikan dengan pembayaran cukai. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim: Setuju sebab kalau ikut statistik, kita ada lebih kurang 5,900 orang kurang upaya atau orang istimewa ini yang bekerja dengan pihak swasta. Jadi satu galakan insentif perlu diberikan kepada syarikat-syarikat swasta ini yang sanggup menggaji orang istimewa ini bekerja supaya ia dapat memberi galakan kepada mereka, berdiri sama tinggi dengan yang normal.

Cuma saya hendak ambil satu contoh, mereka ini pun tidak suka sangat dibantu. Saya ada seorang kenalan memakai tongkat, kaki satu, kalau hendak melintas longkang, saya hendak tolong, dia marah saya, dia tidak mahu. Dia rasa dia pun sama dengan kita yang normal. Ada juga golongan mereka ini yang tidak mahu kita bantu terlalu lebih sebab mereka rasa mereka juga berkeupayaan. Sebab itu saya ingin minta kerajaan untuk memberi penekanan kepada pihak korporat dan swasta ini menjalankan tanggungjawab supaya mereka ini tidak perasan bantuan yang kita hulurkan. Sebab kalau sudah berkerusi roda, ada tangga, macam mana hendak naik?

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]* Kasihan Tuan Pengerusi, minta cutilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kasihan, ikutlah perintah saya nanti.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]* Ya, ya, ya.

Tuan Tan Kok Wai: Speaker jadi orang kurang upaya pagi ini. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Ya, ya, ya. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Muar, saya rasa walaupun *intention* adalah baik bagaimana kita hendak panggil. Tetapi itu adalah suatu hakikat bahawa berbanding dengan kita yang *able*, mereka memang kekurangan dari segi kemudahan, dari segi dasar kerajaan.

Saya rasa kita tidak boleh selalu mengatakan bahawa korporat mesti menjalankan tugas mereka. Ya, korporat mesti menjalankan tugas mereka tetapi saya rasa yang lebih penting ialah dari dasar dalam membekalkan infrastruktur supaya membolehkan mereka juga bergerak sendiri di dalam masyarakat kita. Kita tidak ada bas yang boleh dinaiki oleh mereka yang tercabar fizikal. Kita tidak ada kemudahan pendidikan yang baik.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup.

Puan Chong Eng: ... untuk momentum otak mereka. Saya rasa ini lebih penting kepada saya. Dasar adalah lebih penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Sebab itu saya tidak sempat menyemak sama ada, kita ada garis panduan atau tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: Masa cukup. Kepada orang kurang upaya ini saya ingin meminta kerajaan menyediakan garis panduan untuk mana-mana bangunan baru, untuk mana-mana bangunan sedia ada untuk dipertingkatkan.

Penguatkuasaan perlu dilaksanakan supaya perkara ini dapat kita selesaikan. Ini bukan perkara baru dan sudah pun dibangkitkan banyak kali. Sebelum saya duduk, saya

hendak sebut satu lagi tentang warga emas. Dia ada kuota yang disediakan, separuh harga kalau kita warga emas cuma masalahnya sekali lagi dari segi penguatkuasaan, pihak kerajaan kena tengok perkara ini.

Bila kita pergi tempat-tempat sebegitu sebagai seorang warga emas, tunjuk IC tidak memadai. Dia hendakkan pas menunjukkan orang ini warga emas. IC bila kita tengok ada tahun lahir, jadi kita tahulah dia ini umurnya berapa. Tetapi apa yang berlaku kadangkala dari segi operasinya contohnya kalau kapal terbang, dia minta pula satu pas yang menunjukkan dia ini warga emas. Ini suatu perkara yang menyusahkan. Saya rasa perkara ini dapat kita perbaiki pada masa hadapan dan pihak kerajaan perlu lihat.

Begitu juga disediakan kuota untuk warga emas. Dia bayar separuh harga bukan kerana ada kuota yang ditetapkan, asalkan dia warga emas, ini keputusan yang telah kita capai. Dari segi penguatkuasaan, perkara ini perlu kita laksana supaya apa yang kita katakan dapat kita kotakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

11.32 pagi

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya sebutkan Butiran 01001 – Pembinaan Pusat Jagaan Harian Warga Tua. Diikuti laporan pada tahun 2001 hingga 2004 yang telah dibelanjakan RM11 juta untuk membina pusat jagaan harian warga tua..

Dengan demikian saya minta penjelasan daripada kementerian berapa jumlah unit pusat itu telah dibina dan di mana letaknya cara mana untuk menguruskan selepas pembinaan siap. Aktiviti-aktiviti pusat itu cara mana dijalankan. Minta penjelasan supaya pihak orang ramai akan faham apa sebenarnya berlaku dan tugas serta tanggungjawabnya pusat penjagaan harian warga tua yang dijalankan sepanjang masa ini di mana saya difahamkan bahawa pusat ini akan memberi manfaat kepada orang-orang tua tetapi apa bezanya di antara pusat ini dengan rumah orang-orang tua. Apa bezanya? Saya minta penjelasan.

Saya difahamkan bahawa kementerian telah menubuhkan Panel Penasihat Warga Emas sepanjang masa ini untuk memberi perangsang kepada warga emas di seluruh negara agar mereka aktif semula dalam aktiviti kebajikan dan sosial di tempat-tempat tertentu. Apakah fungsi dan tanggungjawab sepanjang masa ini Panel Penasihat telah memberi kepada persatuan-persatuan warga emas sepanjang masa ini cara mana untuk memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan warga emas yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan supaya pertubuhan-pertubuhan NGO ini dapat berjalan dengan aktif. Tanpa bantuan kewangan daripada pihak kerajaan mungkin akan menjejaskan aktiviti-aktiviti sosial dan aktiviti-aktiviti kebajikan sepanjang masa dilancarkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 01002 – Pembaikan dan Pembelian Peralatan Rumah Warga Tua. Saya difahamkan tahun hadapan tiada peruntukan disediakan. Apa yang disebabkan tiada peruntukan untuk memberi peruntukan kepada rumah-rumah orang tua yang diwujudkan di seluruh negara kita ini dan juga keadaan serta kedudukan rumah-rumah orang tua yang diselenggarakan sepanjang masa ini masih dalam keadaan tidak baik. Keadaan rumah warga tua di seluruh negara memang memerlukan bantuan kewangan dari pihak kementerian untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas.

Dengan tiadanya peruntukan tahun hadapan, ini bermakna Rancangan Malaysia Kesembilan tidak lagi memberi peruntukan sebagai bantuan kepada rumah-rumah orang tua di negara kita ini. Adakah ini benar atau tidak. Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Kalau peruntukan tidak diberikan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dilancarkan pada tahun hadapan ini, adakah ini sebagai suatu keputusan pihak kementerian tidak akan memberi bantuan kewangan kepada rumah-rumah orang tua bagi meningkatkan lagi kemudahan asas yang dalam keadaan uzur itu.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya minta kementerian supaya memberi bantuan kepada Persatuan Orang-orang Cacat Cina Malaysia. Persatuan Orang-orang Cacat Cina

Malaysia ini didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh lebih 2,000 orang di seluruh tanah air kita ini.

Saya sebagai penasihat kepada persatuan ini telah mendapat peruntukan tapak seluas empat ekar untuk membina pusat latihan orang-orang cacat. Tapak tersebut diluluskan oleh kerajaan negeri Selangor. Pusat latihan ini boleh melatih berdikari orang-orang cacat yang berdaftar. Dengan latihan tertentu yang diperolehi di pusat ini, kehidupan mereka akan terjamin.

Cadangan untuk membina pusat latihan bagi orang-orang cacat di kawasan Puchong ini saya rasa bantuan daripada pihak kementerian amat perlu. Sehingga kini, kutipan daripada orang ramai untuk membina pusat latihan orang-orang cacat di atas tapak yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri ini masih tidak mencukupi. Bolehkah pihak kementerian menghulurkan tangan supaya bantuan kewangan untuk menjayakan pusat latihan orang-orang cacat ini tanpa mengira kaum akan dapat memberi peluang-peluang pekerjaan supaya mereka dapat mencari nafkah tidak semat-mata bergantung kepada sedekah orang ramai.

Saya minta pandangan dan ulasan daripada pihak kementerian bolehkah pihak kementerian memberi bantuan kewangan dan memberi nasihat supaya Persatuan Orang-orang Cacat Cina Malaysia dapat mendirikan pusat latihannya sendiri demi kepentingan orang-orang cacat di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

11.38 pagi

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Orang kurang upaya (OKU) ataupun orang kelainan upaya seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, pada saya sebenarnya mereka mungkin kurang upaya dalam keadaan fizikal tetapi dari segi mental, kekuatan rohaninya mereka ini adalah golongan yang melebihi segala-galanya daripada kita di dalam Dewan ini. Kekuatan mental mereka melebihi kita dalam keadaan yang serba kekurangan, mereka boleh untuk menyamakan taraf kehidupan mereka dengan kita semua.

Tuan Pengerusi, Dewan ini menjadi saksi saya sampai pukul 10.30 malam tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Butiran 010300 – Dasar Wanita dan Keluarga serta beberapa butiran yang berkaitan dengan Parlimen Tangga Batu 00503 – Rumah Sri Kenangan, 00701 – Sekolah Tunas Bakti.

Tuan Pengerusi, sejarah pentadbiran dan pengurusan MAS hari ini mungkin terukir dengan wajah baru apabila seorang yang berkongsi nama dengan saya 'Idris' akan mengetuai MAS untuk meneroka cabaran di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, dahulu saya menyebut tentang pakaian pramugari MAS yang mungkin kurang sopan, tetapi pada niat saya adalah untuk membela kaum wanita dan saya tetap begitu, hari ini juga hendak membela kaum wanita yang berkhidmat dengan syarikat penerbangan negara ini.

Lebih kurang 12 tahun yang lalu, seorang pramugari bernama Beatrice Fernandez yang telah dibuang kerja oleh syarikat pengurusan ini. Alhamdulillah, hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun hendak berjumpa dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Syarikat Penerbangan ini untuk mendengar masalah mereka secara hadapan.

Beatrice ini, Tuan Pengerusi, adalah mangsa kepada peraturan yang mungkin tidak memihak kepada kaum wanita. Kita tahu kebanggaan MAS ialah pramugari mereka yang cantik dan lawa. Beatrice Fernandez ini dibuang kerja kerana pada ketika itu beliau melanggar peraturan mengandungkan anak pertama serta melahirkannya. Dan, akhirnya kes ini dibawa ke mahkamah dan Beatrice telah hilang, telah kalah di dalam perbicaraan di mahkamah yang mana keputusan memihak kepada pengurusan MAS.

Tuan Pengerusi, saya pohon di bawah Butiran 010300 ini, dasar ini, supaya pihak kementerian mengadakan rundingan dua hala bersama dengan pihak Kementerian Sumber Manusia bagaimana kes ini boleh dijadikan satu contoh yang sebenarnya, peraturan yang ada dalam syarikat-syarikat kebanggaan negara ini tidak memihak kepada kaum wanita. Saya berdiri hari ini, Tuan Pengerusi, untuk membela kaum wanita yang sudah tentu melahirkan saya. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah tentang Rumah Sri Kenangan. Di Tangga Batu kita ada sebuah Rumah Sri Kenangan yang menempatkan lebih kurang 84 orang warga tua. Dan, rumah ini pun umurnya lebih kurang sama dengan warga tua yang mendiaminya.

Tuan Pengerusi, dari pemantauan saya secara rapat pada Rumah Sri Kenangan ini, saya dapati warga tua yang berada di dalam rumah kenangan ini tidak lari dari penyakit-penyakit kronik yang sentiasa dihadapi oleh orang-orang yang berumur sebegini. Penyakitnya darah tinggi, kencing manis dan sudah tentu orang ini juga akan mengidap penyakit-penyakit lain yang berkaitan dengan kedua-dua penyakit tadi.

Tuan Pengerusi, harapan saya adalah di bawah peruntukan ini supaya kementerian melihat bagaimana kita boleh memastikan, sudahlah orang tua ini sakit dan bagaimana kita boleh memastikan bahawa mereka sekurang-kurangnya memperoleh rawatan secara berterusan. Tidak perlu kita mengangkut mereka ke hospital kerajaan...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Itulah yang saya sebut semasa membincangkan Kementerian Kesihatan. Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai salah satu negara yang termaju dalam soal penjagaan kesihatan masyarakat di negara ini. Tetapi kelemahan pada pandangan oleh pihak penilai ini ialah penjagaan kesihatan orang tua-tua masih jauh di belakang kalau dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain.

Jadi, sepatutnya benda ini bukan sahaja Kementerian Kesihatan melihat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini juga patut melihat dan membuat saranan kepada kerajaan supaya warga tua ini diambil tindakan yang khusus untuk menjaga kesihatan mereka menjadi manusia yang sihat, menjadi hamba Allah yang berguna pada masa akan datang selepas mereka berhenti kerja. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya memang amat bersetuju, serupa juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pontian atau Yang Berhormat bagi Muar sebentar tadi, yang kita perlu bertindak secara proaktif, bagaimana kita boleh mencegah daripada mengubati.

Kalau orang-orang tua ini di peringkat umur 70 atau 80 tahun, jika kita ingin nasihatkan mereka supaya menjaga kesihatan diri, penampilan diri mungkin ia sudah terlambat. Jadi, kita perlu menasihatkan mereka ketika umur mereka masih muda.

Tuan Loh Seng Kok : *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, kita ada peminat lagi satu. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, silakan.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang begitu prihatin kepada warga tua atau warga emas. Sebenarnya bukan semua warga emas yang lemah, tidak boleh bekerja tetapi tidak aktif. Walaupun di pihak kementerian ada wujudkan pusat jagaan harian untuk warga emas, tetapi saya cadangkan adakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu bersetuju, di mana kawasan yang kepadatan penduduk adalah tinggi dan bilangan warga emas adalah ramai, kita tubuhkan pusat aktiviti warga emas.

Seperti di kawasan Kelana Jaya, ramai warga emas datang jumpa saya minta kawasan untuk adakan pusat bagi aktiviti tetapi tidak ada tempat hendak pergi. Adakah bersetuju dengan pandangan saya supaya ditubuhkan pusat aktiviti warga emas kerana mereka masih aktif dan kuat lagi? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, kerana kita memang disarankan dalam apa juga kepercayaan untuk kita memuliakan orang-orang tua ini ataupun warga emas ini.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara yang sama, saya memohon supaya pihak kementerian melihat rumah kawasan kita untuk kita membela warga emas ini perlulah diletakkan dalam keadaan *next to heaven*. Kalau kita perhati di negara-negara Barat, Rumah Sri Kenangan ini dibina dengan begitu lengkap sekali prasarananya. Landskapnya melambangkan ketenangan jiwa dan fikiran.

Hari ini kalau kita masuk ke Rumah Sri Kenangan Cheng ini, mereka adalah umpama penjara yang dijadikan Rumah Sri Kenangan, Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat bangunan yang ada pada ketika ini, benar-benar kalau tidak menyihatkan orang tua ini, rumah ini akan memendekkan lagi umur orang-orang tua yang tinggal di dalam rumah ini.

Jadi, saya pohon kepada pihak kementerian supaya melihat dari segi sudut yang terperinci apakah bentuk *house keeping*, apakah bentuk *premises and house keeping* yang perlu disediakan dalam memastikan orang-orang tua ini sentiasa selamat dan keadaan yang *conducive* ini sentiasa menyelamatkan orang-orang tua. Umpamanya, bilik-bilik air yang sesuai dan *conducive* untuk mereka ini melaksanakan aktiviti harian mereka.

Saya juga pohon supaya kalau kerajaan mempunyai peruntukan yang lebih di bawah butiran ini untuk membina sebuah Rumah Sri Kenangan yang baru umpamanya di tepi laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Oh, saya ada satu lagi, Tuan Pengerusi – di tepi laut, di Pantai Puteri dan juga di Pantai Kundur untuk kita mempertingkatkan lagi perkhidmatan kita kepada warga emas ini.

Sebelum saya duduk, Tuan Pengerusi, Parlimen Tangga Batu juga mempunyai sebuah Sekolah Tunas Bakti dan saya percaya sekolah ini benar-benar melunaskan bakti kepada ahli-ahlinya yang terdiri daripada anak-anak muda, pemudi, perempuan yang telah melakukan kesalahan, melanggar undang-undang dan peraturan negara.

Kebimbangan saya ialah wujudnya satu kawasan belukar yang memisahkan Sekolah Tunas Bakti ini dengan masyarakat di kampung persekitarannya. Jadi, saya pohon pihak kementerian supaya memperuntukkan sejumlah wang bagaimana kita boleh menebas belukar ini, menyumbang kepada orang-orang kampung di persekitarannya supaya dengan tujuan ini kita tidak membina suatu tembok fizikal, mahupun mental anak-anak mudi ini tidak dipisahkan daripada masyarakat tempatan.

Supaya kita dapat memasyarakatkan ahli-ahli Sekolah Tunas Bakti ini. Inilah niat kita sebenarnya untuk menjadikan mereka sebahagian daripada masyarakat apabila mereka *graduate* daripada Sekolah Tunas Bakti ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

11.45 pagi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Harap saya punya rakan sebelah sini juga diberi peluang sebab semua ini tunggu sampai 10.30 semalam.

Saya ingin rujuk kepada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua tunggulah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Sebelah sana saya ada nampak semalam lebih kurang 10 lebih pun tidak ada di sini. *[Disampuk]* Batang hidung pun tidak nampak.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala Butiran 040300 – Perkaunselan dan 040600 – Perundangan dan Advokasi. Saya ingin merujuk khasnya dengan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 – Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976.

Kalau kita meneliti Akta ini ada seksyen yang memperuntukkan bahawa jika ada satu permohonan penceraian daripada satu pihak sahaja, sebagai contoh suami saja atau isteri saja, pihak yang lain perlu pergi melalui satu proses iaitu memfailkan permohonan ke Tribunal Perdamaian kononnya tribunal ini adalah untuk membantu pihak-pihak yang berniat untuk menceraikan agar mereka boleh tengok apakah ada harapan agar mereka boleh didamaikan semula.

Tapi saya terima banyak maklum balas daripada peguam-peguam yang mendapati Tribunal Pendamaian ini kononnya tidak memainkan peranan langsung. Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, kalau suami telah menghilangkan diri, isteri nak memfailkan perceraian, nak pergi mana cari suami tu untuk hadir untuk tribunal pendamaian. Lebih-lebih lagi kes yang sudah sampai ke tahap yang sangat serius sudah, ahli keluarga telah menasihatkan tapi berjaya juga, ada suami hati sudah bertukar, nak cari yang lain, apakah peranan tribunal pendamaian? Boleh main. Biasanya apabila salah satu pihak tidak hadir untuk tiga kali untuk proses pendengaran di hadapan tribunal pendamaian sijil akan diberikan.

Saya rasa pihak Kementerian patutlah meneliti semula peranan yang dimainkan oleh tribunal pendamaian ini. Dan saya juga ingin tahu berapakah kes yang dirujuk kepada tribunal pendamaian ini yang berjaya mendamaikan semula kedua-dua pihak dan berjaya menasihatkan mereka agar tidak bercerai. Saya pohon satu angka statistik kejayaan tribunal pendamaian ini.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan Akta ini juga selepas kalau saya tak silap 1982 perkahwinan perlu didaftarkan di bawah Akta ini. Tapi kesannya ada sesetengah pihak yang masih tidak mendaftarkan perkahwinan mereka walaupun selepas tarikh penguatkuasaan ini dan hanya melalui cara perkahwinan tradisional. Ekoran daripada itu, apabila perkahwinan mereka timbul masalah, mereka datang cari peguam meminta nasihat untuk cerai. Peguam juga terperangkap, cerai ke tak cerai? Perlu ke tak perlu pergi mahkamah?

Kalau menurut Akta, kalau tak daftar tidak diakui tetapi mereka telah melalui proses perkahwinan tradisional tapi yang aneh ialah apabila pihak sebagai contoh kes yang pernah saya terima. Perempuan ini, wanita ini kata perkahwinan saya tidak didaftar, dan saya telah melalui perkahwinan cara tradisional tapi peguam kata tak perlu cerai sebab diakui bawah Akta ini tapi saya nak daftar untuk kahwin dengan lelaki yang kedua ini.

Jabatan Pendaftaran Perkahwinan kata, tak boleh. Kalau tak ada rekod bahawa mereka telah kahwin, wanita ini telah kahwin, mengapa pula sekarang dia nak kahwin dengan mengikut undang-undang untuk pendaftaran tidak boleh. Kononnya saya diberitahu oleh, saya hubungi jabatan kerana wanita ini telah mempunyai anak dan nama bapa bahawa nama wanita ini dengan seorang lelaki telah ada seorang anak. Melalui rekod bahawa mereka telah beranak bersama, jadi wanita ini tidak boleh mendaftar perkahwinan dengan lelaki kedua kerana ada anak di mana nama wanita dengan lelaki yang lain.

Ini timbul pelbagai masalah dan apabila wanita ini ada satu kes lagi, wanita dia hendak pohon nafkah. Saya kata kahwin tak daftar, bagaimana nak pohon nafkah? Jadi berbagai masalah, dan juga menimbulkan banyak kesulitan kepada kaum wanita. Ipoh Barat nak penjelasan? *[Ketawa]*. Seputeh.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Tahu kah Yang Berhormat Batu Gajah di Kuala Lumpur misalnya, ibu tunggal yang tidak

mendaftarkan perkahwinannya dan tidak ada surat perceraian. Bila mereka memohon rumah kos rendah, permohonan mereka selalu ditolak dengan alasan bahawa mereka tidak berkahwin secara rasmi dan mengikut undang-undang. Bukankah ini juga satu bentuk diskriminasi terhadap wanita yang miskin dan juga tidak berupaya.

Cik Fong Po Kuan: Oleh itu saya haraplah pihak Kementerian boleh meneliti apa yang telah kami bangkitkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup masa.

Cik Fong Po Kuan: ...dan telah menimbulkan, Tuan Pengerusi, saya ada dua *point*, sangat pendek sahaja. Yang berkenaan nafkah, ramai Ahli-ahli ini membangkitkan isu nafkah dan baru-baru ini Kementerian Yang Berhormat telah Yang Berhormat Kementerian Perumahan telah menimbulkan, memberi cadangan bahawa mungkin suami-suami yang gagal membayar nafkah kepada bekas isteri mereka, mereka tidak akan dibenarkan membaharui lesen memandu, *road tax*, pendaftaran perniagaan dan pendaftaran syarikat mereka.

Tapi saya ada timbulkan, saya mempersoalkan apakah ini efektif untuk memaksa ini *measurer to put the husband into a miserable situation*. Apakah dengan cara ini lesen tak boleh memperbaharui, *road tax* tak boleh kerana mereka akan terus pergi bayar. Sebab saya dapat tahu yang lesen ini kita memperbaharui satu tahun, dua tahun, tiga tahun atau lima tahun. Bagaimana boleh menyekatnya, kenderaan suami ini boleh tukar milik kepada nama pihak yang lain. Syarikat perniagaan boleh atas nama pihak yang lain, kalau dia boleh elak cara ini suami yang tidak bertanggungjawab boleh elak cara ini. Isteri-isteri ini akhirnya juga tinggal tak ada bantuan kewangan.

Pihak kami ingin mencadangkan agar pihak Kementerian boleh mempertimbangkan penubuhan satu dana, apabila suami-suami ini gagal membayar, dana ini akan membantu mereka dan pihak Kementerian pergi mengejar suami-suami yang tidak bertanggungjawab ini untuk membayar kepada menyumbang kepada dana sedemikian agar isu-isu ini tidak perlu pergi lari ke mahkamah apabila suami gagal membayar nafkah mereka. Saya haraplah pihak Kementerian boleh memberi perhatian perkara ini.

Akhir sekali, berkenaan golongan kurang upaya dan permohonan dan rayuan bagi golongan kurang upaya ini adalah sangat ringkas dan akan ada satu kempen perarakan aman suara, suara hati golongan OKU dan ini adalah daripada gabungan inisiatif kehidupan berdikari Malaysia. Golongan OKU ini hanya pohon apa? Mereka hanya pohon satu peluang untuk bagi mereka berdikari, mereka pohon bas yang mempunyai kemudahan OKU berkerusi roda, mereka memohon pengangkutan kereta api yang sempurna untuk OKU berkerusi roda, mereka memohon lorong-lorong dan jalan kaki lima yang lebih sempurna untuk OKU berkerusi roda, mereka memohon bangunan-bangunan mempunyai kemudahan untuk OKU berkerusi roda.

Ini sahaja permohonan mereka agar mereka boleh berdikari, mereka tak minta banyak-banyak wang, bukan macam sesetengah Barisan Nasional sana.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Untuk projek ini, projek itu, untuk dia punya kroni-kroni.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan: Mereka hanya pohon kemudahan asas sahaja jadi saya haraplah semua Ahli-ahli boleh menyokong perarakan mereka dan bersama-sama menyuarakan suara hati golongan OKU ini. Sekian terima kasih [Disorak].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Pasir Puteh.

11.58 pagi

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullah, selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun peluang yang diberi ini adalah cukup berharga bagi saya untuk

memperkirakan, membincangkan Butiran B.48, P.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya anggap bahawa wanita adalah kelompok kedua terpenting dalam dunia. Orang lelaki yang pertama, jangan kecil hati Batu Gajah, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ayoi, ayoi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Orang lelaki yang pertama kelompok yang terpenting tetapi yang kedua terpenting ialah wanita. Sebab itu kalau kita tengok hari ini 40% wanita telah diberi peluang untuk mentadbir negara. Saya pernah pada satu ketika dulu Tuan Pengerusi, Peguam Negara pun terdiri daripada wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Butiran, minta maaf.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: 04000 dan 060400, jadi kalau kita melihat wanita ini adalah penting diberi tugas sebagai Peguam Negara, diberi tugas menjaga kewangan, diberi tugas menjaga MITI negara, MITI itu Kementerian Perdagangan lah.

Seorang Ahli: *AP free [Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:dan dijaga AP dengan baik walaupun kita melihat hari ini ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, ini penting.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak minta penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Seputeh hendak minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat bagi pasir Puteh, Yang Berhormat tadi kata wanita itu kedua terpenting di dunia tetapi golongan kedua yang terpenting di dunia ini melahirkan golongan yang terpenting di dunia. Jadi ini bermaksud, wanitalah yang sebenarnya adalah terpenting di dunia, kalau tidak ada wanita, golongan lelaki tidak akan wujud juga.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Sebenarnya kalau tidak ada lelaki, tidak ada wanita. Kerana saya hendak bawa sedikit, Tuan Pengerusi, kerana masa terhad ini Adam lahir, baru lahir Hawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau semua orang ikut Yang Berhormat bagi Seputeh, tidak ada lelaki.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, kalau ikut Yang Berhormat bagi Seputeh, tidak ada lelaki, sebab dia tidak ada benih. Minta maaf.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta ringkas ya, masa...

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi pasir Puteh, pernahkah Yang Berhormat dengar, syurga di bawah kaki ibu. Jadi ini menunjukkan betapa penting Islam memandang wanita, jadi adalah saya rasa Islam juga menekankan bahawa wanita dan lelaki adalah sama. Jadi kenyataan Yang Berhormat mengatakan bahawa wanita kedua penting, itu saya rasa tidak betul...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan: ...dan ini tidak sejajar dengan Islam Hadhari. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua dasar, tidak payah bangkit.

Cik Fong Po Kuan: Kita tidak pernah dengar...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, itu dasar.

Cik Fong Po Kuan: ...Syurga di bawah tapak kaki lelaki atau bapa? Tetapi kita ada syurga di bawah kaki ibu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Betul, disebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] tetapi kita tidak bincang dasar kerana syurga di bawah tapak kaki ibu, kalau gali di bawah tapak kaki ibu, tidak akan jumpa syurga. Ertinya ibu mendidik, ibu membimbing. Kalau kita tengok ibu yang handal membimbing, anak menjadi anak yang baik. Sebab itu saya kata peguam negara anak perempuan kerana ibunya mendidik dengan baik, barulah lahir syurga di bawah tapak kaki ibu. Kalau gali hari ini pun tidak akan jumpa. Maka saya akan balik kepada Butiran Tuan Pengerusi. Lari banyak sangat.

Cemerlang, gemilang, terbilang - kalau kita melihat hari ini, kita hendak kepada satu *database* yang lengkap, kita ada *computerize*, kita ada ICT. Begitu banyak kita membelanjakan wang negara, kenapa kita tidak mempunyai *database*? Kita minta supaya kementerian bercadang untuk adakan *database*.

OKU, *database* wanita yang menjadikan diri dia sebagai *guest relation officer* (GRO), kita ada tidak *database*? Ini semua ini adalah penting untuk kita analisis, kita membangunkan wanita. Apa erti bangun? Bangun bererti maju. Wanita sudah bangun, yang tidur pun dia bangun, sampai masanya. Tetapi ertinya wanita yang maju yang boleh setanding dengan lelaki, walaupun dalam Quran mengatakan lelaki lebih kuat daripada wanita. [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Kita kena terima hakikat ini. Maka dengan sebab itu bagi saya bukan hendak bincang syurga, bukan hendak bincang kuat, tetapi kita hendak supaya negara kita Malaysia ini maju dengan wujudnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita hendak lahirkan keluarga yang bahagia, masyarakat yang maju. Kita tidak hendak masyarakat kucar-kacir.

Macam di Barat, kita tengok lima anak, baru hendak kahwin bulan depan. Kalau kita di Malaysia juga ada dua anak baru hendak kahwin, apa jadi pada orang yang tidak kahwin? Kita akan ada benih. Sedangkan nabi kata, saya suka umat yang ramai, maka ramai mesti kahwin. Minta maaf, jangan kecil hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini tidak berkaitan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad Ada sedikit berkaitan dengan wanita. Maka dengan sebab itulah orang lelaki melahirkan benih yang baik, lahirnya wanita, maka wanita ini pula akan beranak-pinak. Maka dia akan membina masyarakat yang lebih kuat, yang lebih maju. Hari ini Tuan Pengerusi, Malaysia disegani di arena antarabangsa kerana adanya wanita-wanita yang telah memberi sumbangan yang besar kepada negara. Maka dengan sebab itulah, bagi saya kena ada *database*, kena buat perancangan ikut apa objektif, apa strategik.

Kita mesti, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mempunyai daya kreatif. Inovatif positif dalam membina wanita-wanita ini kerana kita tidak mahu wanita melacur diri. Kalau kita lihat di lorong-lorong Haji Taib - minta maaf Tuan Pengerusi, - Lorong Haji Hussein, cukup baik Lorong Haji Taib, tetapi melakukan zina-zina di lorong itu tidak baik, satu tanggungjawab. Saya selaku Pengarah Jabatan Agama banyak menangkap khalwat. Kita tahu kerana ini dilakukan oleh wanita-wanita kerana desakan hidup. Lain pada GRO, dia juga sanggup menjual diri dengan harga yang murah. Maka, dengan sebab itulah kita hendak supaya Kementerian Pembangunan Wanita cuba *create* kan satu ekonomi dalam bentuk komersial. Kenapa kita tidak boleh *coordinate* kan di antara kraf-kraf tangan yang ada, kebajikan-kebajikan yang ada, buat bentuk ekonomi untuk membina wanita. Jangan dia bekerja di luar-luar yang jauh.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Pendek ya, saya hendak berhenti.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat mestilah cadang agar membawa wanita ke depan lagi maju. Bukan kata bagi mereka sokongan untuk buat kraf-kraf tangan itu sahaja. Apakah pihak Yang Berhormat akan mencadangkan agar mungkin UMNO atau Barisan Nasional boleh tambah memainkan satu peranan yang penting melibatkan lebih kaum wanita dalam Kabinet. Sekarang Barisan Nasional ada hanya tiga wanita daripada 32. Jadi kalau hendak ke depan, mestilah melibatkan lebih kaum wanita *in the decision making*, dengan izin.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]

Cik Fong Po Kuan: Mungkin salah seorang Timbalan atau Speaker wanita. Jangan kata kita sudah ada Peguam Negarakah, itu ini wanita, itu tidak memadai, itu baik, tetapi tidak mencukupi. Mengapa tidak mula di Parlimen? Jadi saya pohonlah penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bersemangat. Sebenarnya UMNO ialah parti terbesar dalam negara, tulang belakang kepada kepimpinan negara. Dalam Barisan Nasional kita ada 110...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Kita ada 199, terima kasih Tuan Pengerusi fasal baru masuk, saya baru berucap. [Ketawa] Jadi dalam UMNO dia tidak ada ialah dinamakan kerajaan, kerajaan Barisan Nasional tidak ada diskriminasi. Soal wanita yang layak, kita tengok pencatat kita setiausaha di Dewan Rakyat, wanita.

Cik Fong Po Kuan: Setiausaha selalu bagi wanitalah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Banyak wanita, jadi semua ini adalah kita lihat kepada kebolehan. Kalau wanita yang berkebolehan dia hendak jadi hakim pun, hakim wanita pun ada.

Cik Fong Po Kuan: Mahkamah Syariah ada hakim wanita?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Mahkamah Syariah pun tidak salah, kita boleh lantik hakim wanita.

Cik Fong Po Kuan: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tetapi, belum sampai masanya, kita tunggu.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bila?

Cik Fong Po Kuan: Bila?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: ...Era perubahan pembangunan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa-masa.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya bagi *last, last chances* kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, pendek.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau Yang Berhormat bagi Pasir Puteh begitu menghormati wanita, jadi sebelum Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mengangkat sumpah di Dewan yang mulia ini, kerusi Yang Berhormat Pasir Puteh dijawab oleh wanita. Tetapi kenapa Yang Berhormat bagi Pasir Puteh giat menentangnya dan menggantikan jawatannya sehingga Parlimen kita kurang seorang Ahli Parlimen wanita.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak kena mengena Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Sebenarnya tidak kena mengena.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak kena mengena, kerana dia lemah, saya kuat, saya kena naiklah. Sebab itu orang perempuan kuat mana pun dia di bawah, dia tidak duduk di atas. Jadi dengan sebab itu saya hendak seimbangkan antara Kementerian Wanita ini supaya benar-benar berperanan, berkongsi dengan baik supaya kita dapat memberikan kementerian ini ialah membangun benar-benar wanita keluarga dan masyarakat. Dengan ini Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ampang. Buat apa banyak-banyak hal wanita ini. Bagi wanita bercakaplah. *[Ketawa]*

12.08 tgh.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjurus ke Butiran 070400 mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak. Tuan Pengerusi, memang benar Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil kira keselamatan dan kepentingan anak-anak kita di taman asuhan dan dengan adanya Akta Taska 1984 dan juga Akta Pusat Jagaan Anak-anak 1993. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya sentiasa memantau dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan tentang pusat-pusat taman asuhan kanak-kanak ini. Kita dapati bahawa setengah-setengah itu TASKA ada kalanya mengambil masuk anak-anak yang melebihi daripada hadnya. Dengan ini juga kadang-kadang mereka membuat *extention* dengan izin meletakkan anak-anak di dalam kabin yang tidak sesuai, walaupun ini sangat berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan, saya berharap JKM sentiasa memantau dan bekerjasama dengan PBT. Kita juga tahu - saya sendiri secara peribadi tahu bahawa ada TASKA ini oleh kerana terlalu ramai anak-anak yang nak dijaga, maka dianya tidak dijaga dengan sempurna. Ada anak-anak ataupun bayi yang dimandikan dengan meletakkan sahaja di atas lantai bilik air dan dijirus. Ini bukan tuduhan melulu malah saya ada bukti tentang perkara ini.

Jadi saya harap walaupun kita ada berbagai-bagai akta, pihak kementerian haruslah dari masa ke semasa bersama dengan agensi pemantau untuk memeriksa taska-taska ini dan juga saya ingat bulan lepas kita ada mendapat satu berita di surat khabar tentang seorang kanak-kanak di taska swasta yang mana buaian itu putus kerana menggunakan tali *nylon* dan kanak-kanak itu berada di dalam keadaan koma. Menyentuh tentang pusat jagaan anak-anak ini juga, saya ingin bertanya setakat manakah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pihak kementerian memberikan tekanan dan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia tentang mengadakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja ataupun berdekatan dengan tempat kerja.

Saya ingin bertanya apakah yang telah berlaku dan apakah hasil daripada perbincangan dengan MEF ataupun Persatuan Majikan-majikan Malaysia pada 4 Ogos 2005 bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak majikan bagi menggalakkan penubuhan taska dan pusat jagaan anak-anak di tempat kerja. Jadi, saya ingin tahu dari pihak kementerian apakah hasil rundingan tersebut dan apakah masalah-masalah dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh kementerian untuk mengatasi ini.

Saya mendapat jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia bahawa setakat ini di jabatan kerajaan ataupun badan-badan berkanun hanya ada 31 sahaja tempat jagaan kanak-kanak. Begitu juga di pihak swasta hanya ada 26 sahaja taska yang dibuat di tempat kerja. Jadi perkara ini agak merunsingkan kerana kita tahu fenomena ataupun dilema wanita bekerja sekarang amat hebat sekali. Saya membaca surat khabar hari ini menyatakan bahawa 70% wanita profesional tidak mahu berkahwin kerana dilema jika mereka berkeluarga, jadi pilihan di antara keluarga dan kerjaya. Walaupun secara peribadinya saya agak skeptikal tentang angka ini dan juga sampel yang digunakan oleh

penyelidik ini tetapi ia memberikan satu signal bahawa pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja ini merupakan satu yang cukup penting dan merupakan satu yang boleh memberi kesan kepada institusi keluarga di negara kita...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: ...dan juga dilema wanita-wanita sekarang di mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Ampang?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat Ampang, saya tertarik tadi apabila wanita-wanita diberi jawatan tinggi banyak tidak hendak kahwin. Saya tahu bertaraf KSU pun tidak hendak kahwin, apakah tidak boleh beri jawatan tinggi-tinggi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bersorak]*

Dr. Rozaidah binti Talib: Masalahnya saya rasa lelaki lebih memilih kepada wanita yang berkelulusan lebih rendah kerana lelaki sentiasa ingin merasakan mereka berada di tempat lebih atas. Sebagaimana...

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dr. Rozaidah binti Talib: *[Ketawa]* ...itu masalahnya. Saya tahu naluri seorang wanita ...memang siapa yang tidak ingin berpasangan dan berkeluarga. Ini memang naluri kita, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Sekarang ini Tuan Pengerusi, lebih 60% pelajar-pelajar di IPT adalah wanita. Mereka ini akan keluar bekerja, berkeluarga dan sebagainya, jadi biarlah *feminization of workplace*, dengan izin, menjadi satu realiti pada waktu yang terdekat ini.

Saya juga ingin bertanya apakah kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk meningkatkan publisiti atau kesedaran mengenai skim galakan cukai yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menggalakkan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja ataupun sekurang-kurangnya berdekatan tempat kerja. Apakah inisiatif yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi memperkenalkan skim galakan cukai ini yang mana ianya sangat menarik, sepatutnya pihak majikan mengambil peluang daripada skim galakan cukai ini di mana mereka akan mendapat potongan cukai di atas perbelanjaan yang digunakan bagi menyelia dan menyelenggarakan pusat kanak-kanak dan sebagainya. Jadi, adakah perkara ini turut dibincangkan di dalam mesyuarat dengan MEF yang saya sebut dalam awal ucapan saya tadi.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 010700 iaitu Pengurusan Teknologi Maklumat. Perkara ini sebenarnya agak baru di dalam pengetahuan saya, jadi saya ingin tahu apakah program-program ataupun pengisian maklumat yang terdapat di dalam sistem berkomputer ini. Saya difahamkan ianya ada isu sosial, ada laman *web* telesosial dan telekaunseling. Jadi, berapakah kawasan liputan, apakah kawasan-kawasan yang terlibat untuk mendapat *access* kepada sistem ini. Saya ingin bertanya apakah telekaunseling ini mendapat sambutan yang baik dan adakah kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan kemudahan ini pada kawasan-kawasan di luar bandar juga. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, bagi wanita dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagus!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak lebih 5 minit Yang Berhormat ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti tidak ada hendak berucaplah nanti.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak lebih 5 minit ya?

12.16 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar dan 040000 – Kebajikan Masyarakat.

Pertama sekali saya ingin memberi beberapa pujian kepada kementerian kerana yang nombor satu ialah kementerian telah mengadakan kursus kaunseling sebelum kahwin.

Kursus ini memanglah tepat dan juga amat diperlukan oleh kalangan pemuda pemudi kita supaya mereka jangan senang-senang kahwin lepas itu cerai, jadi ibu tunggal lagi susah hidup mereka. Jadi, saya hanya memberi cadangan supaya kementerian memberi lebih publisiti dan juga galakan dibuat di tempat-tempat awam, khususnya di kawasan kampus universiti dan kolej supaya lebih orang muda tahu tentang program seperti ini dan menyertai program ini.

Yang kedua ialah saya juga ingin memuji bahawa Yang Berhormat Menteri kementerian ini telah pun membuat kenyataan yang kritikal terhadap *strip search* dalam balai polis kita yang mana mengehendaki suspek wanita yang dibawa masuk ke balai polis untuk berbogel badan membuat ketuk ketampi. Ini adalah kenyataan yang amat tepat dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal wanita, keluarga dan juga masyarakat.

Walau bagaimanapun saya juga merasa kesal bahawa dalam isu pramugari MAS, syarikat penerbangan negara kita ini yang masih mengehadkan umur kerja pramugari kita ini sehingga umur 40 tahun sahaja yang mana *supervisor* hanya dibenarkan untuk berkhidmat hingga 45 tahun. Manakala pramugara dibenarkan untuk berkhidmat sehingga umur 55 tahun. Pada mulanya Yang Berhormat Menteri pernah membuat kenyataan yang kritikal terhadap dasar perubahan MAS ini, tetapi selepas MAS membuat perjanjian baru dengan pihak kesatuan sekerjanya yang mana telah membenarkan pramugari MAS mempunyai satu anak lagi. Selepas itu Yang Berhormat Menteri pun dilihat membuat kenyataannya menyokong dasar MAS.

Tuan Pengerusi, kita harus ingat bila pramugari MAS kita hamil sehingga bulan kedua, mereka pun dipaksa berhenti kerja tanpa gaji sehingga anak mereka dilahirkan. Ini bermaksud mereka sebenarnya kalau ingin beranak mereka memang mengalami kehilangan wang ringgit yang banyak. Selain itu, perjanjian yang baru itu sebenarnya tidak ada apa-apa perkara baru. Jadi kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini sebenarnya menyebabkan banyak NGO wanita negara ini membidas kementerian kerana pendirian pihak menteri ini.

Satu isu lagi yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi isu mengenai dengan Beatrice Fernandez yang mana merupakan pramugari pertama yang dipecat kerana mempunyai anak. Walaupun beliau kalah di mahkamah, saya juga hendak mintalah bantuan daripada pihak kementerian untuk meminta dan berunding dengan MAS supaya jangan mengenakan kos mahkamah terhadap beliau kerana perjuangan beliau ini adalah merupakan perjuangan golongan wanita di seluruh negeri dan kesnya memang mendapat banyak sokongan dan simpati daripada ramai rakyat di Malaysia termasuk kaum lelaki dan juga wakil rakyat lelaki di Dewan yang mulia ini.

Kita lihat muka pertama *New Straits Times* yang menunjukkan MAS telah mengalami kerugian sebanyak RM367.7 juta dalam kuota yang kedua yang mana sekarang ini MD MAS juga menghadapi kesakitan kepalalah. Jadi kalau kita tengok ...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa kena mengena dengan wanita Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada kena mengena kerana bila kita...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini tidak kena Tuan Pengerusi, kerana bila kita selalu tukar ganti pramugari, bila mereka sampai umur 40, disuruh keluar, disuruh berhenti kerja, jadi MAS selalu mesti ada latihan baru terhadap pramugari yang baru. Sebenarnya

pramugari yang telah berkhidmat lama, mereka mempunyai lebih pengalaman. Yang ini sebenarnya akan membantu MAS untuk menjimatkan kosnya. Ini adalah satu perkara yang mana sebenarnya MAS haruslah belajar dari Air Asia. Air Asia satu penerbangan yang begitu singkat usianya tetapi mereka mencapai keuntungan yang begitu banyak. Lihatlah cara Air Asia mengubah pramugarinya. Umur perkhidmatan mereka adalah sampai umur 55 tahun. Jadi,...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... kenapakah pihak MAS tidak boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya ada beberapa soalan lagi, saya singkatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin tanya apakah peranan kementerian dalam pusat kajian dan pembangunan gender enam yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Mesyuarat Negara-negara Berkecuali (NAM) di Putrajaya ini. Jadi apakah peranan kementerian dalam segi ini. Bilakah pusat ini ditubuhkan? Saya juga menyeru kementerian supaya memberi lebih peruntukan kepada pusat kaunseling yang didirikan oleh NGO dan pelbagai kaum dan pelbagai bahasa. Saya juga ingin meminta pihak kementerian menubuhkan lebih pusat perlindungan dan juga *base care center* untuk orang tua dan juga kanak-kanak dan juga pusat krisis bagi mangsa keganasan rumah tangga dan juga rogol. Saya juga minta dan pohon elaun yang lebih tinggi diberi kepada orang yang kurang bernasib dan juga keluarga yang miskin haruslah ditambahkan.

Akhir sekali ialah golongan mak nyah ataupun *transsexual*. Mereka selalu dilihat sebagai golongan yang tidak diingini oleh masyarakat. Tetapi ini memang satu gejala sosial yang harus diambil perhatian oleh kita. Apakah bantuan yang boleh dihulurkan oleh pihak kementerian dalam isu ini supaya golongan *transsexual* ini juga boleh diterima semula sebagai orang yang dihormati dalam masyarakat kita dan di pelbagai sektor.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, baik Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petra Jaya.

12.22 tgh.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mungkin nama saya macam nama wanita, saya diberi peluang jugalah. *[Ketawa]* Sebab nama Fadillah ini kan. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada Awang Yang Berhormat, ada Awang di depan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Saya akan menyentuh dua butiran, 040300 dan juga 040500. Jadi berkaitan dengan Butiran 040300 – Perkaunselan. Jadi kalau kita lihat pelanggan yang diobjektifkan dari kementerian ini ialah kumpulan sasaran wanita, kanak-kanak, remaja, juvana, orang kurang upaya, orang papa, warga tua dan keluarga dan juga komuniti. Strategi yang hendak dilaksanakan ialah pertama hendak memastikan perspektif gender, keluarga dan kumpulan sasar dapat diintegrasikan dalam penggubalan dasar, perancangan serta pelaksanaan program. Jadi kalau kita lihat sekarang dalam konteks negara kita, saya melihat gender ini ada tiga. Pertama lelaki, kedua wanita dan ketiga ialah kumpulan yang kita tidak pasti, khunsa.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Sekarang ini kalau kita melihat ada peningkatan kadar *transex* ini makin meningkat secara rambang. Jadi apakah sebenarnya dasar kerajaan kita? Adakah perspektif tertentu akan diberi kepada golongan

ini? Saya ingin tahu berapakah jumlah khunsa yang ada sekarang ini di dalam negara kita dan daripada jumlah tersebut berapa orangkah yang tergolong dalam khunsa musykil?

Kalau kita lihat pelbagai gejala yang meningkat ini, ada yang positif dan ada negatifnya. Kalau kita lihat dari segi perspektif NGOs atau badan-badan agama, banyak kini telah menyuarakan kerunsingan, kerisauan mereka berkaitan dengan peningkatan golongan ini. Jadi ada yang terjebak dalam kes-kes yang negatif dan yang paling mutakhir ialah perkahwinan di antara seseorang yang telah menukarkan jantina mereka. Ini telah menyebabkan kerisauan yang amat besar di kalangan kumpulan agama yang ada di negara kita, sebab ia bercanggah dengan pegangan agama dan moral negara kita.

Yang ketiganya, adakah tindakan kementerian secara proaktif untuk mendekati golongan ini...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Pasir Puteh?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tanya Yang Berhormat bagi Petra Jaya, apakah bersetuju kita adakan satu undang-undanglah, oleh kerana khunsa itu saya tidak khuatir. Ini yang lelaki berlagak hendak jadi perempuan, hendak tukar jantina. Apakah kita boleh ada undang-undang? Kalau yang lebih kepada perempuan, tidak apalah dia hendak buat jantina perempuan. Tetapi ini yang lebih lelaki hendak jadi perempuan. Bolehkah tidak, kita setujukah tidak adakan satu undang-undang?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Berkaitan dengan sama ada perlunya undang-undang, saya akan serahkan kepada kementerian. Tetapi pada pandangan saya, yang lebih utama sekarang ialah untuk kita yang pertama membuat kajian terperinci. Sebab itu saya bertanya tadi, berkaitan dengan jumlah mereka dan daripada jumlah ini, berapa yang tergolong dalam khunsa musykil dan supaya kita akan dapat mendekati mereka. Yang lebih penting sekarang ialah apakah tindakan daripada pihak kementerian, secara proaktif untuk mendekati golongan ini, untuk memahami mereka, untuk membuat kajian terperinci supaya kita dapat lakukan tindakan secara proaktif dan tindakan pencegahan dapat dilakukan di peringkat awal lagi sebab ini perlu melibatkan ibu bapa mereka dan sebagainya.

Jadi, sama ada undang-undang akan dijalankan, diadakan saya serahkan kepada pihak kementerian untuk memikirkan. Soalan seterusnya yang saya ingin tanya kementerian ialah berapa ramai atau berapa banyak kaunselor yang telah ada di pihak kementerian dan berapa orang yang mahir dalam setiap bidang. Maknanya bidang untuk mendekati para khunsa, untuk mendekati remaja, untuk mendekati ibu tunggal dan sebagainya. Saya ingin tahu data-data ini sebab nampaknya bila program, misal kata oleh lembaga wanita, kependudukan bila menjalankan program bila kita hendak membawa program-program motivasi dan sebagainya kita mempunyai masalah untuk mempunyai kaunselor yang berkualiti memberi motivasi ke bawah sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sikit lagi Tuan Pengerusi, saya minta. Setakat mana usaha kita untuk memantapkan pangkalan data sosial yang komprehensif dan bersepadu telah dicapai. Jadi, ini penting sebab tanpa data yang muktamad, yang mutakhir, mungkin perancangan kita tidak akan tercapai. Jadi yang sedikit lagi saya ingin sentuh Tuan Pengerusi, dengan izin, ialah 040500 sedikit sahaja, berkaitan dengan perundangan dan khidmat masyarakat. Kalau kita melihat kepada sasaran ataupun objektif kementerian ialah untuk menggalakkan penglibatan dan sumbangan masyarakat dalam khidmat kebajikan sukarela.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kita sekarang ini mempunyai satu badan khas yang membuat promosi menggalakkan masyarakat menjadi sukarelawan. Kalau ada, saya ingin mengetahui pangkalan data ini, berapa orang sukarelawan dan bidang-bidang yang mereka minati. Saya berkesempatan mewakili Parlimen bersama dengan Tan Sri Datuk Speaker dalam program *social service* di South Korea di mana kita telah melawat. Di *South Korea* atau Korea Selatan, mereka mempunyai satu badan khusus untuk menyimpan pangkalan data berkaitan dengan sukarelawan dan

bidang-bidang yang mereka ceburi. Kita telah melawat satu rumah di mana kita dapat melihat dalam kumpulan orang kurang upaya, tentera, askar, polis dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ... *university student* terlibat sama dan mereka bila berlaku kecemasan, mereka akan tahu daripada pangkalan data ini, siapa yang pakar untuk pergi mengikuti program-program sukarelawan ini. Untuk itu, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

12.29 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian kepada Butiran 010200 - Dasar Pembangunan Masyarakat dan yang satu lagi ialah 040000 - Kebajikan Masyarakat. Saya rasa kementerian ini adalah satu kementerian yang cukup prihatin iaitu penuh dengan rasa ke penyayangan menuju, membawa kita kepada pendekatan yang cukup *humanistic*.

Dalam konteks ini saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha dan inisiatif kementerian ini mewujudkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang) yang baru-baru ini telah dilancarkan, tahniah. Dan, diberi juga kuasa kepada semua Ahli-ahli Parlimen untuk menjadi pengerusi kepada jawatankuasa majlis kebajikan ini untuk kita sama-sama menggerakkan usaha kepada kerja secara sukarela, membina dan menyedarkan masyarakat di akar umbi supaya lebih prihatin dan penyayang kepada orang-orang yang tidak berupaya dan juga yang mempunyai kelainan upaya itu.

Satu perkara yang hendak saya timbulkan di sini ialah supaya kita hilangkan stigma terhadap orang-orang yang dikatakan sebagai kelainan keupayaan ini supaya setiap seorang daripada insan yang dilahirkan itu mempunyai hak dan tempat sendiri di dunia ini. Dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya dilaksanakan satu program yang disebutkan sebagai *disability equality training*. Ini adalah untuk menyedarkan masyarakat kita supaya mereka lebih bersimpati untuk memberi latihan-latihan dan juga kepada pihak-pihak yang tidak beruntung ini mendapat haknya dalam pelbagai bidang kehidupan sama ada dalam bentuk kerjaya atau pun dalam aktiviti-aktiviti lain dan juga boleh merombak dasar kita daripada yang bersifat exclusive terhadap orang-orang kurang upaya ini menjadi yang bersifat inclusive. Ertinya kita selalu mendekatkan mereka dan mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat. Ini merupakan satu yang penting supaya setiap seorang daripada mereka ini yang kurang beruntung dan daif sosio-budaya ini mendapat aksesnya mendapat ekuiti dan juga dalam masa yang sama kita beri latihan-latihan ini supaya mereka juga boleh menjadi orang-orang yang berkualiti. Dalam hal ini maka saya cadangkan satu kurikulum yang bersepadu, dari segi contentnya, dari segi kemahirannya dan dari segi membina sikap self-esteem yang baik perlu dibuat.

Saya juga mengambil kesempatan ini supaya kementerian ini memberi rangsangan-rangsangan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya memberi insentif, dapat ditubuhkan seperti yang terdapat di Terengganu dan juga di Johor sekarang ini kalau tidak silap saya iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga. Sebab institusi serupa ini akan memperkukuhkan lagi kesedaran di peringkat akar umbi dan saya melihat Yayasan Pembangunan Keluarga yang telah diwujudkan di Terengganu hampir 15 tahun ini sudah memainkan peranannya.

Saya juga mencadangkan supaya keprihatinan kementerian memberi *grant* kepada yayasan-yayasan serupa ini sebab ia amat membantu. Saya juga mencadangkan supaya membantu satu institusi pendidikan yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin oleh orang-orang kurang upaya di Terengganu dalam konteks ini iaitu persatuan anak-anak yatim yang telah berjaya menubuhkan satu institusi IPTS yang dikenali sebagai Kolej Teknologi Bestari yakni memberi peluang kepada anak-anak yang tidak beruntung, anak-anak yatim, anak-anak yang cacat dan saya mencadangkan kementerian lebih prihatin untuk menyediakan *grant* kepada kejayaan ini.

Kolej Teknologi Bestari yang berada di Parlimen Setiu sekarang ini sedang memiliki dan mengendalikan kursus-kursus profesional yang memuatkan hampir 1,000 orang pelajar-pelajar. Maka dalam konteks ini saya kira *grant* tertentu boleh diberikan dan diperturunkan kepada agensi-agensi kerajaan yang telah melakukan usaha ini dengan sebaik mungkin untuk sama-sama kita merealisasikan satu konsep yang disebut sebagai masyarakat penyayang ataupun caring society yang bersifat humanistik itu, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran.

12.33 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan belanjawan Kementerian Wanita ini. Saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang kementerian ini yang pertamanya ialah butiran 040000 - kebajikan masyarakat dan saya hendak dikhususkan kepada 040100 urusan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kita tahu bahawa jabatan ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memainkan banyak peranan dalam membantu orang-orang terutamanya orang kurang upaya dan sebagainya. Kita perhatikan bahawa warga emas, orang kurang upaya dan berbagai-bagai lagi golongan masyarakat yang malang ini menjadi tanggungjawab di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tetapi saya mendapat maklumat bahawa kebanyakan Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat negeri khususnya di peringkat daerah menghadapi kekurangan kaki tangan.

Saya juga difahamkan bahawa permohonan telah dibuat kepada pihak kerajaan terutamanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam di mana mereka telah memohon supaya kakitangan sama ada di peringkat atasan dan juga bawahan sokongan ditambah bagi membolehkan program-program yang dilaksanakan dan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dapat dilaksanakan dengan licin.

Saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius kerana kerajaan telah mengeluarkan banyak peruntukan bagi membantu mereka ini dan kita harap supaya kakitangan ini ditambah dengan segera. Saya juga mencadangkan supaya taraf jawatan Pengarah-pengarah Negeri dan juga Pegawai-pegawai Kebajikan di peringkat daerah dinaikkan ke jawatan yang lebih baik dan lebih tinggi supaya mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan lebih baik dalam menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat.

Saya sekali lagi mendesak supaya Jabatan Perkhidmatan Awam walaupun telah tahu maklumat ini untuk menyegerakan pengisian penaiktarafan jawatan-jawatan di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah tentang butiran 040500 - Perundingan dan Perkhidmatan Masyarakat. Yang saya hendak fokuskan kepada penubuhan, program pemulihan dalam komoditi iaitu khusus kepada golongan kurang upaya. Baru-baru ini kita telah dihebohkan, diperkenalkan dan diberikan sokongan yang padu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dalam melancarkan program ini. Kalau tidak silap saya di Kuala Terengganu dan program ini amat besar dan amat baik kepada golongan kurang upaya ini. Seperti disebutkan oleh sahabat-sahabat kita dalam dewan ini tadi bahawa walaupun kita tahu orang kurang upaya ini tidak upaya dari segi fizikalnya tetapi sebenarnya dari segi hati dan budinya amat mulia kepada kita semua.

Tuan Pengerusi, saya perhatikan bahawa keperluan bagi mewujudkan PDK ini lebih banyak. Saya difahamkan juga banyak negeri telah memohon supaya ditambahkan pusat PDK (Pemulihan Dalam Komoditi) ini dan setakat ini masih banyak belum diluluskan. Di Pahang umpamanya sejumlah 4 permohonan bagi mendirikan pusat ini telah dipohon tetapi setakat ini belum diluluskan oleh kerajaan.

Saya berharap supaya kementerian memberikan perhatian serius kepada perkara ini dan dapat menyegerakan penubuhan pusat-pusat baru ini. Saya hendak menarikkan

perkara ini kepada kawasan saya sendiri di Maran, dahulu di Parlimen Maran ada sebuah PDK iaitu di Jengka 21 tetapi apabila persempadanan semula di buat dalam pilihan raya yang lepas Jengka 21 ini telah dipindahkan kepada kawasan Kuala Krau. Ini bermakna Maran tidak lagi mempunyai satu kawasan pusat PDK ini dan saya minta kepada kerajaan atau kementerian ini khususnya dapat menubuhkan sebuah pusat PDK di kawasan parlimen Maran kerana saya perhatikan ramai juga terdapat orang-orang kurang upaya yang perlu diberikan perhatian dan diberikan bantuan kepada

mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah butiran umum kementerian. Saya perhatikan kementerian ini menjalankan kerja-kerja yang berat dalam menangani berbagai-bagai isu yang berkaitan dengan masalah kemiskinan orang susah dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah perancangan ataupun program khusus yang dibuat oleh kementerian ini bagi menentukan bahawa mereka yang susah ini dan yang mendapat bantuan kerajaan ini mendapat sumbangan kewangannya dan sebagainya. Dari segi mentaliti mereka dan dari segi sikap mereka tidak semakin menurun kerana saya perhatikan dalam penglibatan saya di peringkat daerah, mereka yang mendapatkan sumbangan daripada kebajikan, mendapat sumbangan di bawah program PPRT. Mereka ini sebenarnya lebih rela menjadi miskin semata-mata untuk mendapatkan kewangan daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya harap supaya kerajaan merancang satu program yang lebih khusus bagi membina semula semangat atau *spirit* masyarakat yang terlibat seperti ini supaya mereka tidak luntur dari segi semangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, terima kasih. Sila, Tuaran.

12.39 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan. Saya terus ke maksud B48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat butiran 010000 Pengurusan dan Perancangan dasar dan butiran 00200 Penyelidikan dan Hal Ehwal Wanita.

Tuan Pengerusi, dalam butiran penyelidikan Hal Ehwal Wanita, saya hairan kenapa peruntukan diberikan hanya tidak ada peruntukan, dia kosong. Saya hairan kenapa tidak dapat peruntukan dan saya ingin bertanya apakah pihak kementerian tidak membuat apa-apa penyelidikan tentang Hal Ehwal Wanita. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya pihak kementerian membuat penyelidikan tentang kemungkinan ke Amanah Ikhtiar Malaysia didatangkan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah meletakkan sasaran tahun 2009 sebagai tahun untuk menurunkan kadar kemiskinan ke tahap 0.5 peratus bagi negara ini. Sebab kerajaan telah, kita telah gagal untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun ini iaitu tahun 2005. Tuan Pengerusi, sebenarnya Amanah Ikhtiar Malaysia sudah terbukti dalam usahanya, dalam programnya untuk menurunkan kadar kemiskinan bagi negara kita. Tetapi apa yang menyedihkan ialah setakat ini kita dengar bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia ini menghadapi pelbagai masalah dan kita tidak tahu siapa lagi, siapa punya *baby* ini Amanah Ikhtiar Malaysia ini.

Saya ingin juga mencadangkan supaya pihak kementerian menggerakkan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat kawasan Parlimen ini supaya melihat pergerakan Amanah Ikhtiar Malaysia ini bagaimana pergerakannya dan masalah-masalah dihubungi ditemui. Tuan Pengerusi, Amanah Ikhtiar Malaysia ini adalah satu pendekatan di

mana kita telah mengambil pendekatan Grameen Bank daripada Bangladesh di mana sudah terbukti bahawa tidak perlu lagi kita membuang masa untuk memberi pinjaman itu kepada pihak lelaki tetapi hanya untuk wanita.

Di negeri Sabah kita sudah juga tubuhkan satu agensi seperti ini iaitu Yayasan Usaha Maju dan sudah terbukti amat berkesan untuk wanita dan saya juga ingin mencadangkan adalah dalam apa jua keadaan pihak kerajaan dan kementerian ini mencadangkan memberi sokongan penuh kepada kerajaan supaya memberi peruntukan daripada kerajaan yang lebih kepada Amanah Ikhtiar ini atau mana-mana pertubuhan yang menganjurkan pinjaman yang mengambil pendekatan Grameen Bank termasuklah Yayasan Usaha Maju Negeri Sabah.

Di negeri Sabah Yayasan Usaha Maju kita telah meminta pihak Kerajaan Persekutuan supaya juga memberi peruntukan sebagai satu pembelaan kepada wanita yang setakat ini hanya kerajaan negeri Sabah memberi peruntukan sebanyak RM20 juta untuk sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan dan RM20 juta ini kalau kita bagikan tahunan tidak pun sampai RM5 juta dan peruntukan ini begitu sedikit untuk wanita dalam pandangan saya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat dan Butiran 040200 - Perancangan dan Sistem Maklumat.

Tuan Pengerusi dalam bajet diperuntukkan untuk Perancangan dan Sistem Maklumat ini juga begitu sedikit hanya RM300,198,800. Saya hairan kenapa peruntukan begitu rendah sebab amat penting bagi kita untuk mendapatkan maklumat tentang orang-orang yang perlu dibantu ini. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, sering kali kita melihat di TV3 satu program dikatakan di nama Bersamamu dan kita sebagai wakil rakyat sentiasa. Saya bagi duit saya sendiri, saya jika sekiranya ada terkeluar di kaca TV program ataupun orang yang dikatakan kononnya bermasalah ini dia daripada kawasan saya.

Persoalannya di sini ialah apakah pihak kementerian telah membuat satu perancangan mendapatkan maklumat yang komprehensif tentang orang-orang yang perlu dibantu ini dan begitu juga bila kita masuk kawasan, ramai yang datang pada kita. Oleh sebab itu, kita perlukan peruntukan supaya di setiap daerah, di setiap daerah diperkukuhkan sistem maklumat ini supaya kita tahu siapa-siapa orang-orang perlu bantuan ini termasuklah orang-orang tua, orang-orang kurang upaya dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Dan saya juga ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat daripada Maran, tentang PDK ini di kawasan saya baru satu iaitu PDK Tamparuli dan saya ingin memohon supaya juga dibuat PDK di Tuaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Dan akhir sekali, akhir sekali Tuan Pengerusi, saya telah mencadangkan supaya PDK Tamparuli diberi peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebab di kawasan saya semakin hari apabila mereka tahu adanya PDK ini lebih ramai ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya tampil ke hadapan untuk mengambil peluang ini. Sekian. terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk membolehkan semua berucap saya ingat sepatutnya saya dah tutup tetapi saya beri peluang. Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat kalau boleh jangan lebih daripada lima minit, tiga ke lima minit.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan Pembangunan P.48 ini yang pertama saya nak bercakap tentang Butiran 00100 - Pusat Khidmat Wanita. Semasa saya dipilih menjadi wakil rakyat pada tahun 2004 dulu antara perkara pertama yang dibincangkan oleh Tuan Pegawai Daerah Lipis dengan saya ialah pembinaan sebuah Rumah Nur di kawasan Parlimen Lipis. Pada masa itu beliau mengatakan ada peruntukan yang telah diberi kepada pihak pejabat daerah untuk membina Rumah Nur ini dan saya juga telah pernah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai dengan pembinaan Rumah Nur ini.

Bagaimanapun sehingga hari ini pembinaan ini belum lagi nampak dan ada, jadi saya nak minta penjelasanlah mengenai status perkara ini kerana bila saya tengok pada Butiran Pusat Khidmat Wanita bagi tahun 2006 dari segi pembangunannya kosong, tak ada apa-apa, kosong. Jadi saya minta penjelasan sama ada Rumah Nur ini akan diteruskan atau sebaliknya. Itu yang pertama.

Yang keduanya Butiran 010200 dari segi Dasar Pembangunan Masyarakat. Jadi kalau kita lihat rasa saya kementerian ini ada tiga fungsi yang penting pertama ialah pembangunan wanita, kedua pembangunan keluarga, dan ketiganya pembangunan masyarakat.

Jadi ada kepala butiran mengenai pembangunan keluarga tetapi tak ada kepala dari segi pembangunan masyarakat. Jadi yang ada dari segi kebajikan masyarakat sahaja. Bagi saya suka hendak mencadangkan supaya butiran-butiran khusus mengenai pembangunan masyarakat ini ialah pencegahan gejala-gejala sosial yang banyak berlaku dalam masyarakat sekarang. Jadi dengan adanya pula penubuhan tadi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat majlis itu dapat membantulah dapat membantu, tetapi butiran khusus kerana rasa saya dengan adanya butiran khusus ini pelaksanaan mengenai dengan program-program pembangunan masyarakat dapat dilakukan sekarang ini tak ada, mungkin dia buat secara *ad hoc* sahaja. Jadi setakat itu dahulu terima kasih kerana nak pendek sahaja. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang.

12.48 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hendak cakap tentang Butiran 01030 – Dasar Wanita dan Keluarga, 040000 – Kebajikan Masyarakat dan 01001 – Pembinaan Pusat Jagaan Harian Warga Tua. Kita tahu keharmonian sebuah negara itu bergantung pada keharmonian sebuah keluarga dan pembentukan sebuah keluarga itu mestilah berdasarkan kepada suami dan juga isteri yang sama-sama faham.

Apa yang menjadi masalah pada masa ini adalah tentang apabila sesuatu perceraian berlaku. Wanita sering diabaikan. Maknanya walaupun mahkamah telah pun menentukan bahawa nafkah seorang wanita yang diceraikan itu ditentukan oleh mahkamah dan bekas suami terpaksa memberi nafkah tetapi ini sering terjadi di mana wanita tetap diabaikan walaupun mahkamah telah menetapkan. Jadi saya harap pihak kementerian perlu memberi perhatian kepada perkara ini kerana apabila mahkamah telah menetapkan bahawasanya bekas suami terpaksa memberi tetapi suami ini memang dia lebih cerdiklah dia cari apa juga jalan dan cara untuk tidak memberikan nafkah kepada bekas isterinya. Ini melibatkan isteri, anak-anak itu terabai. Jadi saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tanya Yang Berhormat ialah mengenai suami yang enggan membayar nafkah. Salah satu cadangannya ialah jika suami adalah seorang ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, boleh tak kita minta kementerian bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memotong simpanan suami dia membayar sebagai nafkah kepada isteri dia. Mungkin cara kita boleh buat ialah memotong *lump sum* atau tiap-tiap bulan potong gaji daripada suaminya untuk membayar kepada isterinya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Gelang Patah. Itu mungkin termasuk dalam sebahagian daripada ucapan saya ini kerana saya telah memasukkan perkara itu ke dalam draf ucapan. Jadi saya rasa ini salah satu daripada cara yang boleh diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Jadi saya harap perkara-perkara seperti ini perlu diberi perhatian kerana setakat peraturan yang dibuat di mahkamah sekarang ini memang banyak wanita yang terabai dan

juga anak-anak yang ditinggalkan oleh suami tersebut tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Eh, baru satu,. Yang kedua tentang anak-anak yatim. Kita sering mendapat gambaran di dalam akhbar tentang permohonan derma ataupun bantuan untuk memelihara anak-anak yatim di rumah-rumah anak yatim, jadi saya harap ini juga perlu diberi perhatian oleh kementerian tentang bantuan kepada rumah anak yatim dan juga anak-anak yatim. Tidaklah mengharapkan daripada sumbangan orang ramai, tetapi perlu sumbangan daripada kementerian sendiri.

Yang kedua tentang Butiran 04000 - Kebajikan Masyarakat. Walaupun kita nampak Bersamamu telah menunjukkan berbagai-bagai penderitaan yang ditanggung oleh masyarakat, tetapi benda ini tidak akan berakhir sebenarnya kerana kemiskinan ini berada di mana-mana.

Jadi saya harap perkara ini seterusnya dapat perhatian daripada kementerian kerana saya ada satu masalah tentang kemiskinan berhubung dengan orang kurang upaya ini. Saya telah membuat permohonan melalui pejabat kebajikan di Pendang, seorang yang tidak mempunyai kaki tidak mempunyai tangan, tetapi ianya berkemampuan untuk membawa motosikal. Masalah dia untuk mendapat lesen motosikal untuk mendapat bantuan kebajikan, sehingga beberapa kali memohon tetapi masih lagi ditolak oleh kebajikan. Walaupun dia tidak mampu tidak mempunyai tangan dan kaki tetapi anak ada enam orang, itu yang berlaku. Kemudian diharap kepada syarikat-syarikat korporat misalnya PLUS. Mereka yang sebegini boleh diberi pekerjaan misalnya memberi tiket transit di dalam tol-tol PLUS itu.

Yang Ketiga tentang Butiran 010001 – Pembinaan Pusat Jagaan Harian Warga Tua. Saya ingin tahu di Kedah selain daripada Bidung dan juga Jitra, di manakah lagi terdapat Pusat Jagaan Orang Tua, kerana saya telah membuat permohonan kepada seorang warga tua mualaf untuk duduk di sini. Apa yang menjadi masalah beliau adalah memang apabila diletakkan di bawah Pusat Jagaan Orang Tua ini bantuan bulanan tidak diberikan lagi, apakah ini benar seperti mana yang didakwa oleh orang berkenaan. Sekian terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pensiangan lepas itu Ipoh Barat lepas itu Tanjong, kementerian menjawab.

12.53 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi hanya dua perkara sahaja. Butiran 01100 di bawah Pembangunan 48 dan 01200 - Pengkomputeran KPWK. Sebagaimana yang saya lihat di dalam butiran tersebut anggaran tahun 2006 saya lihat ketidakseriusan, tidak begitu serius kementerian dalam menyediakan anggaran-anggaran yang perlu disediakan. Kalau kita lihat di sini adalah kosong bajetnya.

Saya rasa sudahkah kita puas hati ataupun sudahkah kita mencapai matlamat kita dalam membuat penyelidikan-penyelidikan sains sosial ini sehinggakan kita tidak lagi menyediakan sembarang peruntukan untuk 2006 ini. Saya melihat - minta penjelasan daripada kementerian, kenapa ini berlaku sedangkan sains sosial ini di mana kita memainkan peranan kita untuk meningkatkan lagi tugas dan tanggungjawab kita dalam pembangunan masyarakat khususnya kaum wanita di luar bandar. Peranan wanita dalam pembangunan ICT pun kita tidak lihat, ini di antara lain faktor-faktor saya rasa adalah penyelidikan sains sosial ini yang perlu kita tekankan. Jadi saya ingin penjelasan daripada

kementerian kenapa ini tidak ada sedikit peruntukan pun yang diperuntukkan di bawah Butiran 01100 - Penyelidikan Sains Sosial.

Yang kedua pula Butiran 01200, ini saya juga lihat dalam pengkomputeran kementerian ini yang tidak juga dapat anggaran mana-mana anggaran ini kosong juga. Kalau ada token itu saya percayalah, ini langsung tidak ada. Macam mana kita hendak selaraskan dengan agenda IT negara ini kalau kita tidak mempunyai satu penyelidikan ataupun satu persiapan dan persediaan kita untuk menangani era globalisasi ini, sedangkan yang ini pun kita tidak dapat sediakan. Ini nampaknya kementerian tidak begitu serius dalam menangani isu-isu pengkomputeran ataupun dalam era ICT ini. Jadi saya mintalah supaya kementerian ini mengambil berat tentang soal-soal yang ini supaya kita dapat menyelaraskan di mana kementerian-kementerian yang lain umpamanya Kementerian Luar Bandar telah menyediakan pusat-pusat sumber dan pusat-pusat IT dan sebagainya. Tetapi dalam hal ini kementerian tidak begitu serius dalam soal ini, jadi saya minta penjelasan daripada kementerian di manakah arah tuju kementerian ini dalam persoalan pengkomputeran KPWK ini di bawah Butiran 01200. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

12.56 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Butiran 040600 iaitu mengenai tribunal penceraian. Tuan Pengerusi tribunal penceraian nampaknya tidak berfungsi, walaupun kita telah terima pakai apa yang digunakan di England pada tahun 1982 akta tersebut, tetapi *out live as usual*, dengan izin. Saya harap dengan kajian atau bawa satu rang undang-undang untuk mengetepikan atau menghapuskan tribunal tersebut.

Saya ada banyak kes di mana tribunal penceraian menjalankan satu fungsi *standardize*, di mana pihak-pihak yang ingin mendapat penceraian hanya membuang masa pergi sana walhal panel-panel yang duduk di sana tidak faham adat dan istiadat warga-warga Cina dan India. Di mana ramai di antara yang mendengar perkara itu tidak ingin tahu, tidak tahu apa itu makna "thali" kepada seorang masyarakat perempuan India apabila terjadi satu hal dalam perkahwinan dan penceraian. Dan ini juga bila kita membuat penelitian di England di mana kita guna pakai akta tersebut ia telah dihapuskan, tidak diguna pakai dan harap kerajaan atau kementerian akan kenal pasti dan ambil tindakan supaya kalau bolehlah hapuskan dengan seberapa segera yang boleh.

Nombor dua adalah mengenai kes mahkamah keluarga. Dikatakan di Kuala Lumpur ia akan disediakan, tetapi hingga sekarang belum lagi berfungsi dengan penuh. Macam mana di seluruh negara, adakah kes-kes penceraian yang dirujuk kepada mahkamah keluarga akan disiapkan, akan ditubuhkan di setiap negeri. Macam di Ipoh kes-kes yang difailkan lima tahun, enam tahun dahulu lagi belum didengar di Mahkamah Tinggi kerana Mahkamah Tinggi mengadakan kuasa eksklusif dalam kes-kes penceraian. Dan kes-kes ini terlampau lambat didengar dan diselesaikan di Mahkamah Tinggi. Dan kerap kali ada kes-kes yang lebih *priority* kes-kes *criminal* yang diberi *priority* bukan kes-kes penceraian.

Saya sendiri mengendalikan beberapa kes di mana saya rasa tidak ada keadilan, di mana walaupun ada perintah dari mahkamah mengatakan *custody* kepada ibu, suami tidak ingin memberi atau mengelaknya. Sistem yang kita ada ini nampaknya memberi kelonggaran yang terlampau. Saya rasa akta penceraian dan perkahwinan perlu *has to be reviewed in the full sense* supaya lebih adil kepada suami dan isteri.

Dan lagi satu perkara kepada masyarakat India, Cina dan masyarakat minoriti *live-in partners*. Akta itu tidak mengambil kira langsung bila satu kemalangan terjadi kepada suami, isteri tidak boleh membawa kes di mahkamah untuk mendapat pampasan. Walaupun dari semua aspek dia adalah isteri dari segi undang-undang, tetapi tidak diiktiraf oleh mahkamah dan ini menyusahkan bukan sahaja dia tetapi kepada anak-anak mereka. Akta ini macam *there is no life in this act*, kementerian perlu mengambil perhatian. Dan lagi satu adalah Butiran 04000 mengenai Kebajikan Masyarakat. Di Ipoh baru-baru ini saya sendiri telah merujuk satu kes pada bulan Jun Tuan Pengerusi, di mana seorang yang tidak

mempunyai satu kaki dan tangan untuk mendapat apa dikatakan elaun bantuan am RM130. Walaupun telah diluluskan pada bulan Ogos sampai sekarang wang itu tidak diberi.

Saya hari ini memanggil pejabat kebajikan masyarakat mengatakan dalam proses memberi wang tersebut. *Why the delay?* Saya sendiri telah pergi ke pejabat tersebut mengatakan bahawa ini adalah proses. Saya khuatir bila wang itu akan di terima kepada penerima ini, saya rasa mungkin dia akan meninggal dunia dalam proses ini. Dia adalah *acute diabetes*...

Akhir sekali saya hendak kata mengenai ibu tunggal. Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena di negara ini, ada lebih kurang lebih dari 700,000 ibu tunggal. Saya harap tindakan akan diambil mengenai perkara ini. Akhir sekali masyarakat India Tuan Pengerusi adalah *highest alcoholic rate* dalam negara ini, *highest drop out rate*, *highest unemployment rate*, apakah yang dibuat kementerian ini untuk menolong mereka khasnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tanjong kemudian kementerian jawab.

1.00 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ambil sedikit masa untuk menanya beberapa soalan, pertamanya apakah kemajuan terkini berhubung dengan satu draf Akta Orang Kurang Upaya ataupun kelainan upaya yang diserahkan oleh satu *coalition* yang terdiri dari *society for person with disability* dan juga NGO-NGO yang lain di negeri Pulau Pinang pada tahun 2003 untuk menggubal satu akta untuk menjadikan asas bagi penyamaan peluang kepada orang kurang upaya dan untuk mengelakkan diskriminasi serta gangguan. Saya rasa selain daripada gabungan NGO di negeri Pulau Pinang pertubuhan-pertubuhan lain juga ada menyerahkan memorandum ataupun draf Akta Orang Kurang Upaya kepada kementerian.

Saya ingin dapat satu jawapan dari kementerian, apakah kementerian sudah kaji draf-draf ini dan pada satu ketika dikatakan sudah sampai ke Jabatan Peguam Negara, apakah kedudukan pada masa ini? Dan saya ingin tahu sama ada selama ini kementerian memainkan satu peranan untuk memantau apa yang berlaku di dalam kementerian yang lain sama ada mereka ada ambil tindakan untuk mengadakan penyamaan peluang dan penyertaan penuh oleh orang kurang upaya dalam segala aspek yang membabitkan kementerian-kementerian mereka. Misalnya Kementerian Kesihatan sama ada dapat memastikan semua kakitangan kesihatan di pusat rawatan mempunyai latihan dan kelengkapan yang secukupnya untuk OKU. Dan mungkin dalam Kementerian Penerangan sama ada diadakan kempen kesedaran mengenai kecacatan serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil dan sebagainya melalui media massa, televisyen radio dan lain. Contoh lain mungkin dari segi pendidikan sama ada Kementerian Pendidikan ada memastikan pendidikan berkualiti dapat dinikmati oleh semua OKU.

Dan Kementerian Sumber Manusia sama ada akan menggalakkan sektor awam dan swasta untuk menggalakkan pengajian OKU melalui dasar-dasar seperti memberi insentif cukai, dan penghargaan kepada majikan yang menggaji OKU atau memberi peralatan atau mengubahsuaikan tempat kerja untuk menjadi OKU *friendly*. Dan isu *accessibility* saya nampak kementerian boleh memainkan peranan untuk memastikan PBT-PBT dalam negara ini melaksanakan polisi berhubung dengan *accessibility*.

Saya nampak atau perhatikan bahawa ada juga sedikit sebanyak kemajuan dalam segi ini misalnya di R&R Lebuhraya Utara-Selatan, misalnya di Tapah ada disediakan tempat letak kereta kepada OKU, di Parlimen ini pun ada tandas OKU. Tetapi masalahnya Yang Berhormat dari kementerian ini ada salah guna oleh orang ramai yang normal memakai *facility* yang dikhaskan untuk OKU seperti di R&R Tapah, tempat letak kereta yang dikhaskan kepada OKU digunakan oleh orang-orang yang lain. Di tandas di Parlimen ini saya pun perhatikan tandas OKU selalu dikunjungi oleh Yang Berhormat Larut, [Ketawa] saya tidak tahu apa kurang upaya dialah untuk pakai tandas itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dalaman Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dalam tidak nampak.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa kementerian dari segi ini boleh menganjurkan kempen-kempen kesedaran kepada orang-orang lain untuk menghormati hak OKU...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: ...khususnya bermula di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow: Akhirnya saya juga memerhatikan bahawa seperti Pensiangan dan ahli-ahli yang lain perhatikan bahawa dalam Maksud Pembangunan 48 kementerian ini mendapati 26 butiran, tetapi apakah seriusnya 15 butiran tidak ada peruntukan langsung. Ini satu perkara yang harus dijelaskan oleh kementerian sebab ini tidak membayangkan seriusnya kementerian ini untuk memajukan wanita, keluarga dan masyarakat. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian sila mula jawapan.

1.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya bermula jawapan saya, saya ingin menyampaikan salam Yang Berhormat Menteri dan mohon maaf bagi pihak Yang Berhormat Menteri kerana tidak dapat jawab sendiri atas sebab terpaksa menerima lawatan rasmi Menteri Pemberdayaan Perempuan Indonesia Puan Yang Terutama Dr. Meutia Farida Hatta Swasono, maka dengan itu saya diminta menjawab bagi pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat jawab petang ya. Dewan bersidang semua sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila sambung jawapan.

2.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyentuh isu kepentingan Kursus Pra Perkahwinan dan menunjukkan kebimbangan beliau ke atas peningkatan kes penceraian. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu mewujudkan Kursus Pra Perkahwinan adalah salah satu cara yang berkesan untuk menyediakan bakal pengantin dan mengukuhkan kesejahteraan keluarga.

Oleh itu, kementerian melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara telah memanjangkan usaha untuk melaksanakan Kursus Pra Perkahwinan bagi bakal pengantin dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan supaya memantapkan penyaluran maklumat kekeluargaan kepada masyarakat khususnya dalam bantuan membina keluarga yang *resilient*.

Kementerian akan menjalankan satu projek perintis di seluruh negara dengan mewujudkan 150 kursus Pra Perkahwinan di bawah kerjasama NGO-NGO yang berkenaan. Modul bahtera kasih yang telah diwujudkan semenjak tahun 1997 juga telah digabungkan dengan buku bantuan untuk pengantin baru yang dikenali sebagai *smart start* disemak dan dikemaskinikan semula, ditambahbaikkkan dan diterjemahkan dalam empat bahasa iaitu bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Pada masa yang sama buku bantuan untuk pengantin baru iaitu *smart start* yang telah diterbitkan pada tahun 2003 juga akan dipasarkan dengan secara meluas tidak lama lagi. Lebih kurang 200 orang fasilitator telah dipilih dan akan diberi latihan yang mantap supaya mereka dapat memberikan persembahan serta penyampaian maklumat modul dengan menarik dan berkesan.

Mengenai isu si suami tidak membayar nafkah semasa kes penceraian dalam proses dan setelah mahkamah menjatuhkan perintah mahkamah. Terdapat beberapa akta khusus untuk melindungi isteri-isteri yang terpaksa menanggung nafkah hidup semasa proses penceraian iaitu Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 dan *Children and Wife Maintenance Act* dengan izin untuk warga bukan Islam dan Enakmen keluarga Islam untuk warga beragama Islam.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan kebajikan isteri dan anak dapat dijamin kementerian sedang bercadang meminda kedua-dua akta untuk warga bukan Islam dan melalui Enakmen Keluarga Islam. Majikan boleh memotong gaji suami untuk membayar nafkah kepada isteri. Di samping itu, buat masa ini Bahagian Penggubalan dan Semakan, Jabatan Peguam Negara telah menubuhkan satu ahli jawatankuasa yang melibatkan kementerian kami dan juga Biro Bantuan Guaman, Persatuan Peguam-peguam Wanita Selangor dan Wilayah Persekutuan, Majlis Peguam Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk menyemak dan meninjau semula hampir semua seksyen dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Penceraian) 1976.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam minta kementerian mendakwa si bapa yang tidak menanggung nafkah hidup anak-anak dengan menggunakan Akta Kanak-kanak 2001. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam akta ini ialah untuk memberi perlindungan (*protection*) dengan izin, untuk kanak-kanak dan dakwaan adalah di bawah kuasa pihak polis mengikut keputusan siasatan.

Mengenai kes ugutan oleh suami, tindakan boleh diambil melalui peruntukan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Isteri boleh membuat permohonan sendiri atau dengan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan perintah permohonan sementara (IPO). Yang Berhormat bagi Jerai membangkitkan isu bantuan kepada warga emas diberhentikan dengan alasan ada anak. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan orang tua dipertimbangkan kepada warga tua yang berumur 60 ke atas yang tidak berkemampuan dan tidak ada saudara-mara yang menyaranya.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Puan Chew Mei Fun: Bagi warga emas yang masih tidak berkemampuan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Hendak bagi jalan?

Puan Chew Mei Fun: Habiskan ini dahulu, ya. Bagi warga tua yang masih tidak berkemampuan akan diteruskan bantuan bulanan mereka. Kini penerima bantuan orang tua ialah seramai 23,334 orang dengan kadar RM135 yang akan dinaikkan ke RM200 sebulan mulai tahun 2006. Silakan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya memang faham bahawa kementerian ini tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa suami

yang tidak menanggung nafkah anak-anak. Tapi saya rasa ini adalah satu tanggungjawab kementerian ini. Kalau tidak ada kuasa pun saya rasa di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat kita harus melindungi hak kanak-kanak ini.

Di sinilah saya rasa kementerian ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat harus bekerjasama dengan pihak polis ataupun mencari jalan untuk menolong kanak-kanak ini kerana ibu yang dibebankan dengan anak-anak ini memang mereka tidak ada tempat untuk pergi dan mereka juga tidak tahu bagaimana hendak ambil tindakan mahkamah. Jadi saya rasa di sini kita perlu ada satu mekanisme untuk mengadakan satu mekanisme, satu sistem untuk membantu wanita, ibu dan juga anak-anak yang dalam keadaan ini. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat telah juga diambil perhatian dan apa yang kita biasa kita buat adalah kita beri pandangan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada pihak polis dan kita akan berbincang masalah ini dengan pihak polis.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Puan Chew Mei Fun: Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Silakan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kenaikan bantuan untuk warga tua dari RM135 hingga RM200 ini adalah satu angka yang tidak cukup untuk dibelanjakan khususnya di Kuala Lumpur ini. Di Kuala Lumpur sekurang-kurangnya RM150 untuk sewa rumah dan tinggal RM50 untuk belanja. Adakah kementerian Yang Berhormat berhasrat untuk menaikkan sekurang-kurangnya hingga RM250 untuk warga tua di Kuala Lumpur ini dan juga untuk keluarga dinaikkan dari RM350 hingga RM450. Sekian.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih. Kita di kementerian faham walaupun kadar ini telah dinaikkan tapi masih kurang. Tetapi apa yang kita boleh buat ialah kita akan terus memohon dan kita akan mengkaji dari masa ke semasa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk mengubal akta untuk diwajibkan anak jaga ibu bapa. Buat masa ini kementerian belum bercadang untuk mengadakan akta tetapi mengadakan program galakan untuk anak-anak menjaga ibu bapa mereka seperti mengadakan perkhidmatan sokongan dalam masyarakat seperti menubuhkan pusat jagaan harian warga tua dan khidmat jagaan komuniti.

Cadangan Yang Berhormat bagi Jerai mengenai menyediakan seminar supaya anak-anak menyara ibu bapa telah pun dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara melalui kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Satu modul kekeluargaan iaitu *Parenting at Work* yang dalam perancangan dilaksanakan tidak lama lagi dan modul untuk meningkatkan keberkesanan modul-modul yang sedia ada seperti Modul Mutiara Kasih untuk keibubapaan, Pancaran Kasih untuk kebapaan, Permata Kasih untuk remaja dan juga belaian kasih yang sedia ada yang telah kita jalankan.

Yang Berhormat bagi Jerai juga meminta ibu tunggal diberi peluang menjalankan perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat ibu tunggal dalam kategori yang kurang berkemampuan diberikan bantuan bulanan iaitu bantuan penyaraan anak-anak dengan kadar maksimum RM350 buat masa kini dan akan dinaikkan kepada RM450 sebulan mulai tahun 2006. Penerima bantuan penyaraan anak-anak bulanan kami kini ialah 17,232 keluarga. Bagi mereka yang berpotensi berkemahiran akan diberi geran pelancaran sebanyak RM2,700 sekali gus sekiranya memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Di samping itu, untuk membantu golongan ibu tunggal hidup secara berdikari Jabatan Pembangunan Wanita di bawah kementerian telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan keupayaan mereka melalui pelaksanaan program-program latihan pembangunan wanita dan keluarga sama ada secara sendiri atau secara kerjasama

dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri di kawasan Parlimen atau dengan NGO.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Puan Chew Mei Fun: Program-program yang dibiayai melalui skim...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Puan Chew Mei Fun: Ya, silakan.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan. Saya hendak tanya program-program kepada ibu tunggal ini saya nampak walaupun ada keseriusan dalam kementerian tetapi *downline* kepada *on the ground* tidak sampai kepada mereka, itu satu. Kedua, ramai di antara ibu tunggal itu tidak tahu langsung bahawa ada satu kementerian yang akan memberi manfaat-manfaat tersebut. Bolehkah kita ada satu sistem di mana kementerian akan turun padang jumpa mereka. *Go and find them and assist them* dengan izin. Kami tahu sebagai wakil rakyat kita pun boleh buat tetapi ada ramai di antaranya di kampung-kampung luar bandar, di estet-estet yang tidak tahu.

Saya sendiri tahu di Selama baru-baru ini bila saya pergi, saya nampak satu ibu tunggal dengan tujuh anak tidak dapat apa-apa bantuan langsung. Dia tidak tahu bahawa dia layak untuk mendapatkannya. Saya menolong beliau dan hingga hari ini belum mendapat apa-apa bantuan. Tapi ini adalah di antara ramai orang saya pernah jumpa, saya rasa ini adalah perkara yang biasa. Bolehkah apa-apa pemantauan dan tindakan tegas diambil.

Puan Chew Mei Fun: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk mengatasi masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kita telah mewujudkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat di setiap kawasan Parlimen yang dipengerusikan oleh orang yang berkecualan atau Ahli Parlimen. Dan dengan kewujudan majlis ini, kita dapat menjemput semua warga-warga penduduk yang sukarela untuk menjalankan program kebajikan bersama dan kita merancang program untuk mereka. Untuk Ahli-ahli Parlimen, kita di sini menyerulah kerjasama dari semua Ahli Parlimen, kalau kita dapat tahu ada ibu-ibu tunggal yang tidak dapat ambil bahagian dalam program-program yang telah disediakan, sila hubungi dengan kementerian kita dan kita akan beri kaunseling atau kita akan beritahu bila kita ada kursus yang seperti ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat. Sikit Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bolehkah kita menolong kementerian, maknanya Ahli-ahli Parlimen kita kutip senarai-senarai ibu tunggal, senarai-senarai fakir miskin yang ada dalam kawasan Parlimen dan kita kemukakan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat di daerah-daerah supaya mereka membuat susulan untuk memastikan apa yang kita kemukakan itu memerlukan bantuan. Jadi ini mungkin memudahkan lagi pihak kementerian dan juga jabatan untuk menyalurkan bantuan-bantuan. Saya ingat sebagai wakil rakyat, kita memang seronok hendak tolong. Jadi kalau boleh pihak kementerian boleh menerima cadangan yang saya kira memudahkan kementerian dan menyenangkan wakil rakyat. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Okay, cadangan Yang Berhormat bagi Jerai ini adalah satu cadangan yang baik. Sebenarnya kita telah mengedarkan borang ibu tunggal kepada semua melalui Majlis Pembangunan Wanita di kawasan Parlimen supaya kita dapat kutip semua maklumat atau data ibu-ibu tunggal. Oleh itu cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi dialu-alukan dan sila ambil tindakan dengan kemukakan semua senarai ini kepada jabatan kebajikan kita. Kita akan cuba sedaya upaya untuk beri bantuan, ya. Kalau Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dapat pun, kita akan melalui Jabatan Pembangunan Wanita merancang program melalui NGO supaya kita dapat menjaga....

Puan Lim Bee Kau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak cadangkan kepada pihak kementerian kalau boleh berikan kuasa ini kepada pegawai kebajikan daerah. Kita dapati apa yang berlaku ialah walaupun kita senaraikan senarai kepada pegawai kebajikan di peringkat daerah, mereka terpaksa mengemukakan kepada negeri dan kadang-kadang ini memakan masa dan melambatkan proses ini.

Saya hendak cadang kepada kementerian supaya memberi peruntukan dalam bentuk satu jumlah ataupun kuasa untuk pegawai di peringkat daerah itu terus menerus boleh meluluskan dan juga membayar melalui kelulusan di peringkat daerah dan mungkin state sahaja *endorsed*. Sekarang apa yang berlaku dia terpaksa pergi kepada negeri dan ini kadang-kadang tersangkut di negeri itu. Sebab itu kes yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat itu mungkin kes birokrasi ini. Jadi saya minta kalau boleh ada satu kemas kini ataupun satu kaedah yang lebih efisien dalam hal ini. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Cadangan ini telah dibincangkan di dalam kementerian dan kita tengah mengkaji adakah kita boleh menurunkan kuasa untuk kelulusan bantuan bulanan ini dari pengarah negeri ke pengarah daerah supaya kita dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan kita dapat mempercepatkan lagi bantuan disampaikan kepada golongan yang memerlukan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bagan, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya pernah menemui satu kes seorang bapa tunggal, bukan ibu tunggal, isterinya telah mati setelah bersalin di Hospital Seberang Jaya dan beliau meninggalkan, dua orang anak atau bayi. Suami ini, dia kurang pembelajaran, dia cuma mendapat pendapatan mungkin RM700 atau RM800 satu bulan. Beliau kena menyewa rumah, kena menyara dua bayi dan beliau sendiri pun kena belanja. Jadi, dia datang kepada saya, saya kata bolehlah pergi jumpa dengan Pejabat Kebajikan Butterworth. Selepas dua, tiga minggu, dia balik memberitahu saya bahawa permohonan dia telah ditolak. Saya minta Yang Berhormat mengkaji sama ada kes seperti ini juga boleh mendapat bantuan dari pihak kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Kalau mengikut apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat, kes ini biasanya boleh diberi bantuan penyaraan anak-anak kerana buat masa kini, kalau pendapatan keluarga itu di bawah RM800 di dalam bandar, biasanya kita akan mempertimbangkan. Oleh itu, saya tidak faham atau saya tidak pasti mengapa ia ditolak. Kalau boleh, Yang Berhormat sila sampaikan permohonan itu kepada saya dan saya akan cuba untuk beri bantuan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan masalah ibu tunggal ini adalah masalah yang tidak boleh kementerian lari daripada tanggungjawab dan kita juga maklum bahawa jangka hayat ataupun *life spend* bagi wanita adalah lebih dua tahun berbanding dengan kaum lelaki – lelaki 70 tahun dan perempuan 72 tahun, ibu tunggal akan bertambah.

Adakah pihak kementerian ingin menggunakan sedikit peruntukan menggunakan cara penyelesaian masalah oleh Wilayah Persekutuan, umpamanya memperkenalkan insentif kepada pasangan yang ingin berkahwin. Jadi kalau ada lelaki yang ingin berkahwin dengan ibu tunggal ini, bolehkah kementerian memperkenalkan insentif kepada lelaki ini? Contohnya wang RM3,000 diberi kalau berkahwin dengan ibu tunggal ini yang ada anak 5 orang atau 6 orang dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini pencilahan sayalah

bagi mendapatkan kepastian bagi tujuan kementerian untuk menyelesaikan masalah ibu tunggal ini. Bila dia kahwin, dia tidak jadi tunggal lagi dah. Dia sudah dwi. *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: Okey. Sebenarnya *life span* lelaki ialah 70 dan wanita ialah 75 iaitu di antaranya *difference* adalah 5 tahun. Tetapi cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi kita tidak sedia untuk mempertimbangkan buat masa kini kerana kalau seorang lelaki nak kahwin dengan seorang perempuan kerana insentif, saya pun khuatirlah apa dia punya *hidden agenda* dan adakah dia akan mendatangkan kebaikan untuk kaum wanita itu. Oleh itu saya tidak rasa cadangan itu adalah boleh dipertimbangkan.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, apa lagi? Berminat ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang? *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Puan Chew Mei Fun: Bolehkah saya teruskan? Ini begitu tebal lagi. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh tidak bagi jalan kalau hendak habiskan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai ibu tunggal, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Kuala Lumpur ini, belanja untuk rumah sewa PPR atau rumah pangsa DBKL ini adalah salah satu cara boleh membantu ibu tunggal. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan bahawa penyewaan haruslah diberi keutamaan kepada mereka untuk menyewa rumah PPR atau rumah pangsa. Ini boleh mengurangkan belanja bulanan untuk mereka. Kalau ya, adakah kementerian berhasrat untuk berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana kementerian yang berkenaan untuk membantu golongan ini? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Okey, untuk maklumat Yang Berhormat, kalau kita ikut ucapan bajet Yang Berhormat Perdana Menteri beberapa tahun yang lalu, sebenarnya golongan ibu tunggal ini harus diberi keutamaan untuk dapatkan *low cost house*, dengan izin. Tetapi bila sampai kepada pihak berkuasa tempatan, kita menghadapi kesulitan juga. Kita akan berbincang dengan DBKL supaya polisi ini akan dapat dijalankan.

Program-program untuk meningkatkan keupayaan ibu tunggal dibiayai melalui skim pembelian bantuan khas Perbendaharaan kepada NGO yang merangkumi latihan peningkatan kemahiran untuk wanita dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi ICT, jahitan kraf tangan, ilmu keibubapaan dan kesihatan reproduktif yang bertujuan mengukuhkan jati diri dan keyakinan wanita termasuk ibu tunggal yang menghadapi masalah kewangan, emosi dan psikologi. Langkah yang diambil ini secara tidak langsung membantu membekalkan golongan ini dengan pelbagai bidang kemahiran dan memberi peluang yang amat cerah untuk mereka yang memerlukan untuk memulakan perniagaan ataupun bekerja dengan mengambil upah.

Selain dari itu, terdapat satu program yang dicadangkan khusus untuk membekal kemahiran kepada golongan ibu tunggal yang dinamakan Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun singkatannya IKIT. Program ini dicadangkan supaya diadakan untuk memberi latihan kemahiran khusus untuk ibu tunggal dalam tiga bidang kemahiran iaitu kursus jahitan, kursus terapi kecantikan dan kursus asas asuhan kanak-kanak. Untuk peringkat permulaan, program ini akan dijalankan secara perintis dengan lima buah kerajaan negeri termasuk Selangor, Pahang, Perak, Melaka dan Kelantan yang akan dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan latih dan bimbing atau *hold my hand*, dengan izin, iaitu peserta akan dilatih dan dibimbing dari peringkat awal mereka menjalani latihan sehingga mereka berjaya mendapat pekerjaan ataupun memulakan perniagaan.

Mengenai pemulihan di institusi bagi kanak-kanak yang bermasalah. Untuk maklumat Yang Berhormat, di institusi pemulihan ini disediakan program dan aktiviti seperti

vokasional termasuk jahitan, kraf tangan, bengkel roti dan lain-lain, akademik, rekreasi, pemulihan rohaniah dan moral dan perkhidmatan kaunseling. Selain daripada itu, pihak kementerian sentiasa mengkaji kurikulum dari semasa ke semasa bagi menentukan ianya relevan untuk pemulihan kanak-kanak. Ini termasuklah ajaran agama, keperluan psikologi dan kaunseling yang diperlukan oleh kanak-kanak.

Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan kementerian memperluaskan pusat jagaan harian warga tua dan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna di pusat jagaan ke seluruh negara. Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang menggalakkan warga emas terus aktif dan kekal dalam masyarakat. Justeru itu, adalah menjadi dasar kementerian bagi mengekalkan mereka untuk terus berada dalam masyarakat.

Oleh itu kerajaan telah merancang memperluaskan pembinaan pusat jagaan harian warga emas di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan termasuklah di Sarawak. Kementerian sentiasa prihatin akan keperluan kemudahan-kemudahan bagi warga emas, khususnya bagi meningkatkan kesihatan warga emas di rumah-rumah kebajikan. Oleh itu, kementerian telah sentiasa bekerjasama dengan NGO dan swasta bagi mempertingkatkan kesedaran bahawa kebajikan adalah tanggungjawab bersama. Kementerian juga mendapatkan kerjasama Kementerian Kesihatan untuk menempatkan kakitangan kesihatan di rumah orang tua dan mendapatkan lawatan pegawai perubatan ke rumah orang tua.

Mengenai isu asuhan kanak-kanak, yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Ampang, kerajaan memang menggalakkan agensi kerajaan dan swasta menubuhkan taska di tempat kerja dan kerajaan telah memberi pelbagai insentif termasuk geran RM50,000 untuk setiap taska yang diwujudkan di setiap jabatan kerajaan dan taska yang diwujudkan di bangunan kerajaan diberi pengecualian yang memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang. Bagi pihak swasta yang menubuhkan taska, diberi pengecualian cukai 10% ke atas kos keseluruhan pembinaan bangunan untuk taska bagi tempoh selama 10 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini terdapat sejumlah 86 buah taksa di tempat kerja di kementerian, jabatan Persekutuan dan jabatan berkanun telah ditubuhkan. Untuk taska di tempat kerja swasta terdapat 26 taksa telah di wujud.

Mengenai pemantauan asuhan kanak-kanak, sebenarnya kita ada pegawai yang bertanggungjawab atas asuhan kanak-kanak dan mereka sentiasa menjalankan pemantauan untuk memastikan kualiti pendidikan yang diberikan. Melalui taska ini kita ada satu kursus asas yang mana sebelum mereka memohon lesen, mereka mesti menyertai kursus asas asuhan kanak-kanak ini.

Untuk bantuan golongan berpendapatan rendah dan untuk menjawab cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mengenai mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak bagi ibu tunggal yang mencari nafkah, kementerian melalui JKM sedang merangka untuk mewujudkan 10 taska komuniti perintis bermula pada tahun depan. Di bawah rancangan ini, kerajaan akan beri subsidi kepada keluarga yang berpendapatan rendah yang menghantar anak-anak mereka ke taska komuniti.

Selain dari itu, pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 sedang dalam proses dan besar kemungkinan akan dibentangkan pada tahun hadapan demi mewujudkan satu akta yang lebih *friendly*, dengan izin, supaya permohonan lesen lebih mudah. Cadangan pindaan termasuk tempoh lesen setahun buat masa ini dipanjangkan kepada 3 tahun dan kelulusan lesen juga akan *dicentralize*, dengan izin, yang mana kuasa meluluskan lesen diturun dari Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Kebangsaan kepada Pengarah Negeri Jabatan Kebajikan.

Mengenai mewujudkan Pusat Kaunseling untuk membantu wanita yang memerlukan perkhidmatan berkenaan, untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 15 Rumah NUR dan 13 Pejabat LPPKN dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan 104 pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara, ada kaunselor dan para kaunselor untuk memberi perkhidmatan kaunseling. Tambahan pula, ada juga banyak NGO-NGO

yang sedang memberi perkhidmatan kaunseling kepada orang awam. Oleh itu, kementerian belum ada cadangan untuk mewujudkan pusat kaunseling pada masa kini.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan isu merealisasikan dasar penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan. Kementerian buat masa kini sedang menyediakan rangka tindakan yang akan diambil untuk melaksanakan dasar penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan strategi mengarusperdanakan *gender*. Strategi ini akan di bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesaksamaan *Gender* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat, untuk memastikan polisi kerajaan ambil kira perspektif *gender*, 39 orang pegawai yang dilantik sebagai *gender focal point* di semua 28 kementerian dan jabatan-jabatan besar kerajaan. *Gender Aggregated Information System* yang telah dijalankan juga merupakan langkah yang telah diambil untuk merealisasikan dasar penyertaan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan.

Yang Berhormat bagi Padang Serai dan Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita di setiap kawasan Parlimen.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Setiausaha Parlimen. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai bagaimana *journal budgeting* atau *journal analysis* telah dibuat dalam ke lima-lima kementerian kerana saya telah mengemukakan soalan ini dan adakah Setiausaha Parlimen ada jawapan.

Puan Chew Mei Fun: Nanti, nanti akan sampai ke isu itu. Okey, bolehkah Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tunggu sekejap, saya akan sampai ke isu yang berkenaan itu.

Yang Berhormat bagi Padang Serai dan Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita di setiap kawasan Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang dalam proses untuk mewujudkan Dewan-dewan NUR di setiap kawasan Parlimen, sama ada secara menyewa, membeli atau membina premis tersebut. Namun begitu, buat masa ini kementerian mempunyai rumah-rumah NUR di setiap negeri yang boleh digunakan sebagai pusat aktiviti dan penyampaian perkhidmatan seperti kaunseling, program motivasi, latihan kemahiran dan sebagainya.

Mengenai peruntukan penyelidikan yang tidak wujud di Bajet 2006 yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, sebenarnya ia berada di bawah Butiran 010000 - Pengurusan dan Perancangan Dasar iaitu ia di bawah butiran ini.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera kerana telah memberi banyak cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan JKM. Mengenai cara menyalurkan bantuan bulanan, untuk makluman Yang Berhormat, bantuan bulanan dibayar melalui Bank Simpanan Nasional hanya kepada penerima-penerima bantuan yang mampu hadir ke Bank Simpanan Nasional sahaja. Bagi mereka yang tidak sesuai untuk hadir mengambil bantuan di BSN, beberapa cara lain bayaran sedang diamalkan termasuk:

- (i) bayaran bantuan di kampung-kampung berhampiran dengan penerima dan di kawasan perumahan oleh Pegawai Jabatan Kebajikan sendiri; dan
- (ii) bayaran rumah ke rumah bagi mereka yang tidak mampu keluar seperti warga emas yang uzur, OKU yang *bedridden* dan sebagainya.

Mengenai Borang JKM 17...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang kalau di bayar rumah ke rumah, itulah yang terbaik. Tapi keadaan sebenar yang berlaku tidak seperti itu, sebab pegawai Kebajikan Masyarakat tak cukup. Di tempat saya sendiri ada 3 orang saja. Pegawai Kebajikan yang tugasnya bukan saja untuk menerima aduan, tapi juga untuk menyiasat ke kawasan kampung tempat pelapor-pelapor tadi, tempat pemohon tadi. Selepas menyiasat, menyediakan dokumen dan sebagainya. Kita simpati kerana pihak Jabatan tidak mempunyai pegawai yang cukup.

Jadi, sebab itulah kadang-kadang kita tidak salahkan pihak pegawai tak mampu nak pergi menghantar wang kerana tak cukup pegawai dan Bera sebesar negeri Melaka besarnya. Jadi, memang tak boleh. Sebab itu saya cadangkan supaya jika boleh, diwujudkan akaun amanah kepada JKK sebab JKK merupakan seolah-olah anggota kerajaan juga yang paling rendah. Jadi, akaun dibuka sebagai akaun amanah JKK dan JKK boleh membantu pihak JKM untuk membahagikan ataupun menyalurkan kewangan tersebut kepada individu-individu tertentu daripada rumah ke rumah.

Puan Chew Mei Fun: Saya tidak dapat menafikan, perlu saya mengakui kerana kita memang ada kekurangan kakitangan. Oleh itu, tak apa, kerana kita sedang buat permohonan untuk menambah lagi kakitangan JKM supaya kita dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan. Dan, cadangan mewujudkan akaun amanah ini biar saya bawa balik untuk perbincangan dan pertimbangan.

Mengenai Borang JKM 17, untuk makluman Yang Berhormat Borang JKM 17 bukan borang permohonan bantuan sebaliknya adalah borang yang digunakan oleh pegawai penyiasat JKM bagi mendapatkan laporan latar belakang pemohon untuk mengesahkan kelayakan seseorang pemohon itu layak dipertimbangkan bantuan atau tidak. Permohonan bantuan boleh dibuat dalam berbagai-bagai cara, sama ada melalui surat, dirujuk atau datang sendiri ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu, surat Yang Berhormat juga boleh dipakai untuk buat permohonan

Mengenai tempat perlindungan bagi kes keganasan rumah tangga terutamanya di Pahang, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini terdapat 31 tempat perlindungan untuk kes keganasan rumah tangga di seluruh negara. Institusi di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini telah diluluskan sebagai tempat perlindungan di seluruh negara di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga NGO.

Institusi di bawah kelolaan JKM telah diluluskan sebagai tempat perlindungan di Pahang ialah Rumah Kanak-kanak Kuantan. Jabatan juga telah mendapat kerjasama dengan pihak NGO untuk tempat perlindungan. Di samping itu, mesyuarat Jawatankuasa Kabinet kesaksamaan *gender* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 6hb Disember 2004, telah memutuskan menubuhkan empat rumah perlindungan keganasan rumah tangga. Kini rumah perlindungan wanita kes keganasan rumah tangga di rumah NOR negeri-negeri Kelantan dan Sabah telah siap dan boleh beroperasi. Manakala di negeri Pahang, kementerian sedang berusaha untuk melengkapkannya dengan sumber tenaga manusia dan keperluan-keperluan lain untuk membolehkannya beroperasi dengan lancar.

Bagi negeri Melaka, kementerian sedang menentukan premis yang bersesuaian yang akan melengkapkan dengan tenaga manusia dan keperluan berkaitan apabila premis telah ditentukan. Mengenai gaji pekerja pusat pemulihan dalam komuniti untuk maklumat Yang Berhormat, guru yang bekerja di PDK adalah secara sukarela. Oleh itu, RM445 yang dibayar kepada mereka adalah elaun dan bukannya gaji. Kini kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM7,122,000 kepada 1,187 orang guru PDK.

Walau bagaimanapun kementerian sedang mengkaji untuk menaikkan elaun pekerja PDK. Untuk makluman Yang Berhormat, OKU yang keluar dari bengkel pemulihan dan pusat latihan akan diselai oleh pegawai JKM daerah dan pegawai JKM juga membantu mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri di bawah bantuan geran pelancaran yang sedia ada.

Oleh itu, buat masa ini kementerian tidak mencadangkan untuk menubuhkan satu panel khusus untuk memantau OKU yang keluar dari bengkel pemulihan atau pusat latihan. Mengenai cadangan menurunkan kuasa keseluruhan bantuan bulanan dari pengarah

negeri ke pegawai daerah, Jabatan Kebajikan Daerah sedang dikaji oleh kementerian sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kerana birokrasi, namun begitu memandangkannya melibatkan kewangan. Kita masih perlu ambil kira peraturan dan arahan kewangan yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan mengenai Akta OKU, untuk maklumat Yang Berhormat, akta ini adalah dalam tindakan kementerian.

Di samping itu kementerian telah mengenal pasti akta-akta yang mempunyai hubung kait dengan OKU yang sedia ada. Sehubungan itu, kementerian sedang mengkaji kelemahan-kelemahan yang sedia ada dalam akta-akta berkenaan untuk ditambah baik demi kepentingan dan kesejahteraan OKU di dalam negara kita.

Mengenai pendaftaran kanak-kanak autistic, buat masa kini, kanak-kanak autistic didaftarkan di bawah kategori masalah pelajaran. JKM sedar akan keperluan mengkaji kesesuaian kategori kurang upaya yang digunakan sekarang. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mengkaji kesesuaian kategori kurang upaya termasuk kategori masalah pembelajaran. Mengenai pendidikan kanak-kanak kurang upaya, untuk kanak-kanak yang tidak dapat mengikut pendidikan di sekolah biasa, digalakkan menghadiri program pendidikan di sekolah di bawah kelolaan NGO dan di pusat pemulihan dalam komuniti. Untuk mengurangkan...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa untuk melaksanakan pendaftaran, mengikut kecacatan itu bukan sulit atau kompleks sangat. Saya tidak lihat mengapa dia ambil masa yang begitu panjang dan dia perlu mengadakan satu jawatankuasa. Saya rasa kita harus melaksanakannya supaya kita boleh dengan lebih cepat lagi dapat mengenal pasti berapa orang kanak-kanak yang berotistik ini. Saya harap, Setiausaha Parlimen akan memberi satu tarikh bilakah dia boleh dilaksanakan. Kita tidak mahu dia dikaji dan dikaji atau diambil perhatian sahaja, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Pengerusi, untuk mendaftarkan OKU ini adalah satu kerja yang senang, tetapi untuk mewujudkan perkhidmatan sokongan itu bukan satu kerja yang senang. Oleh itu kita perlukan masa untuk menjalankan program ini.

Untuk mengurangkan beban keluarga, JKM membeli elaun sebanyak RM25 ribu sebulan kepada kanak-kanak OKU yang bersekolah. Elaun ini sedikit sebanyak akan menggalakkan ibu bapa untuk menghantar anak mereka yang kurang upaya untuk mendapat pendidikan dan seterusnya ke arah integrasi ke dalam masyarakat.

Di samping itu pembayar cukai yang mempunyai anak kurang upaya diberi pelepasan cukai sebanyak RM5 ribu.

Mengenai masalah kekurangan kesedaran *gender*, *sub committee* di bawah jawatankuasa keseksamaan *gender* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat menteri kita sendiri dengan ahli-ahli dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memutuskan untuk menyediakan modul latihan polis yang mana akan melatih polis cara menangani kaum wanita dan kanak-kanak. Pada masa yang sama kursus dan seminar kepekaan *gender* akan terus dianjurkan atas kerjasama NGO melalui bantuan khas Perbendaharaan. Kementerian bersetuju pandangan Yang Berhormat bagi Santubong yang mana bukan sahaja dalam bidang politik, tetapi perlu mempertingkatkan lagi kuasa keputusan wanita di dalam bidang lain, seperti bidang ekonomi dan komersial.

Oleh itu kementerian telah pun mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam isu ini dan akan merancang program yang sesuai. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ingin mengetahui program manakah di bawah lima kementerian perintis. Bajet disediakan mengikut prinsip Bajet *Gender*. Lima kementerian perintis yang diwajibkan untuk menyediakan bajet mengurus bagi program-program tertentu menggunakan pendekatan analisis bajet ialah Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi,

Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Sumber Manusia. Semasa menyediakan Bajet Kementerian Perintis, diminta supaya membuat analisis *gender* berkaitan dengan objektif, analisis keperluan, pelanggan fungsi dan pelan penilaian program. *Specification output* dan petunjuk impak perlu berasaskan data mengikut pecahan *gender*. Kementerian Pelajaran telah melaksanakan analisis Bajet *Gender* bagi bajet mengurus sekolah rendah yang berjumlah enam bilion, enam puluh juta, dua ratus lapan puluh sembilan ribu, sembilan ratus.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu sudah bilion Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Ya, bilion. *Sorry [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau RM6,060,000,000

Puan Chew Mei Fun: Ok, RM6,060,289,900, maklumat berhubung program-program di bawah empat buah kementerian perintis lain akan diberi secara bertulis. Mengenai pelaksanaan Bajet *Gender* dan *Gender mainstreaming*, KBWKM telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan analisis Bajet *Gender* secara lebih menyeluruh. Seperti syarikat yang mengambil anak ibu tunggal sebagai anak angkat dan membiayai kos pendidikan anak tersebut sehingga ke Tingkatan lima akan diberi pelepasan cukai korporat sehingga RM200,000 setahun. KWSP telah memperkenalkan sumbangan atau caruman KWSP oleh suami kepada isteri secara sukarela pada kadar minimum RM50 sebulan. Ini adalah sebagai bekalan hari tua isteri sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas suami. Pendekatan di atas adalah mengambil kira kepentingan, kesaksamaan *gender* yang mana sebahagian daripada dasar analisis Bajet *Gender* dan proses *Gender mainstreaming* yang diberi keutamaan oleh kementerian.

Yang Berhormat bagi Kepong minta mengkaji peruntukan Perlembagaan Persekutuan undang-undang supaya tidak ada peruntukan yang mendiskriminasikan wanita. Kementerian telah menubuhkan panel perunding undang-undang bagi mengkaji peraturan dan peruntukan yang mendiskriminasikan wanita dan bagi melindungi kebajikan dan kepentingan wanita. Buat masa ini maklumat sedang di kumpul mengenai undang-undang dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang mana diskriminasi wanita. Mengenai perlu dipastikan supaya wanita diberi peluang menjadi hakim Mahkamah Syariah, kementerian memang memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan bilangan wanita dalam bidang kehakiman. Bagi hakim Mahkamah Syariah, kementerian ini difahamkan bahawa pada dasarnya tiada apa-apa halangan dalam melantik hakim wanita di Mahkamah Syariah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAKIM dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Yang Berhormat Kepong juga minta kementerian mengeluarkan laporan mengenai kejayaan atau kegagalan melaksanakan peruntukan-peruntukan 'CEDAW'. Untuk maklumat Yang Berhormat, Malaysia telah mengeluarkan laporan kemajuan pelaksanaan 'CEDAW' pertama dan kedua bagi tempoh tahun 1996 ke tahun 2000. Laporan ini telah pun diedarkan kepada berbagai pihak dan telah dipanjangkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kini laporan 'CEDAW' yang ketiga telah siap dan sedang dimuktamadkan, ia merupakan laporan bagi tempoh tahun 2001 ke 2004 dan dijadualkan dapat dikemukakan kepada Pertubuhan PBB pada awal tahun 2006 setelah mendapat kelulusan jemaah menteri.

Laporan 'CEDAW' telah mengutarakan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dalam menghapuskan diskriminasi terhadap wanita. Laporan tersebut menyentuh hak-hak yang dinikmati oleh wanita dalam pendapat pendidikan dan latihan dan juga kehidupan, kesihatan berkualiti terhadap pekerjaan untuk kaum wanita dan hak dalam perkahwinan, hak terhadap harta benda dan lain-lain lagi. Laporan tersebut juga telah mengutarakan beberapa bidang yang masih perlu diperbaiki kan seperti kekurangan wanita di peringkat pembuat keputusan dan kekurangan wanita dalam bidang pekerjaan teknikal tertentu seperti kejuruteraan, saintis dan lain-lainnya. Laporan berkenaan juga telah memaklumkan usaha-usaha yang diambil bagi memperbaiki keadaan seperti memantapkan *mechanism* jentera pembangunan *gender* dan kesaksamaan hak wanita.

Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan lebih ramai wanita di institusi pengajian tinggi awam berbanding dengan lelaki. Yang Berhormat Kepong meminta

supaya KPWKM mengambil langkah supaya lelaki juga ramai masuk ke IPTA bagi mengelakkan wujudnya masalah sosial. KPWKM sedar bahawa lebih ramai wanita berbanding lelaki di IPTA. Kementerian akan berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran supaya jurang *gender* di IPTA dapat dikurangkan melalui kajian dan sebagainya mengapa lelaki kurang berjaya dalam bidang akademik.

Masalah sindiket pengemis di mana tindakan penguatkuasaan dan kawalan kurang berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai masalah pengemisan terutamanya pengemisan sindiket adalah usaha sama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, pihak kuasa tempatan, polis dan juga Jabatan Imigresen. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bertanggungjawab menyelamatkan pengemis tempatan yang memerlukan pemulihan dan perlindungan. Oleh itu untuk penguatkuasaan terhadap pengemis asing atau sindiket ini sebenarnya ia tidak ada di bawah kuasa Kementerian kita tetapi di bawah kuasa Jabatan Imigresen.

Yang Berhormat Titiwangsa membangkitkan masalah gejala sosial perlu diberi tumpuan kepada program-program pencegahan dibandingkan dengan pemulihan. Dasar Sosial Negara telah digubal pada tahun 2003 untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai program-program pembangunan sosial secara bersepadu untuk kesejahteraan masyarakat di negara ini. Pelaksanaan dasar sosial negara adalah mencerminkan program-program yang bercorak pencegahan dan pembangunan berbanding dengan pemulihan. Oleh itu program-program yang bercorak pencegahan akan diberi perhatian yang lebih dengan pelaksanaan dasar sosial negara ini.

Dan program-program yang telah dijalankan dan sedang dijalankan oleh LPPKN melalui kerjasama dengan NGO-NGO juga merupakan program-program pencegahan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Chew Mei Fun: Panjang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh cepatkan.

Puan Chew Mei Fun: Ya saya akan cuba. Isu gejala sosial ditangani secara bersepadu oleh kementerian-kementerian dan agensi berkaitan. Buat masa kini kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan program, latihan dan pendidikan untuk pemantapan perkahwinan seperti kursus 'Smart Start' dan kursus praperkahwinan untuk pasangan bakal melangsungkan perkahwinan.

Yang Berhormat Serdang telah membangkitkan mengenai isu pusat jagaan harian warga tua. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 19 pusat jagaan harian warga tua telah diluluskan dan 15 buah sudah beroperasi, 4 lagi dalam pembinaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, 10 buah lagi dipohon, pengurusanannya dikendalikan oleh NGO yang dikenal pasti dan berkeupayaan. Antara aktiviti yang disediakan adalah rekreasi, keagamaan, kesihatan, pendidikan, aktiviti sosial serta kesukarelaan. Geran tahunan diberi kepada NGO untuk membantu dalam pengurusan pusat. Bezanya dengan rumah orang tua ialah ianya berbentuk harian dan bukan penempatan sepenuh masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih atas penjelasan tadi berkaitan tadi itu, tetapi saya mintalah hanya 19 buah telah diluluskan dan sedang dibina dalam mana untuk menentukan lokasi, adakah setiap kawasan Parlimen akan memiliki sebuah pusat ini untuk menjamin, untuk memberi kemudahan kepada warga tua, sama ada setiap kawasan Parlimen perkara ini akan diadakan?

Puan Chew Mei Fun: Okey, memandangkan projek untuk mengadakan pusat jagaan harian warga tua ini adalah ikut peringkat, oleh itu *sooner or later* okey setiap kawasan Parlimen insya-Allah, akan ada sebuah pusat jagaan harian warga tua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memberi banyak pusat jagaan orang tua tetapi pada masa yang sama saya nak tanya, selain daripada ibu ataupun orang tua yang kehilangan anak dan cucu semua ini, kita mesti jaga tetapi pada masa yang sama, adakah ini satu galakkan - dengan pembinaan rumah-rumah tua ini, adakah satu galakkan kepada anak-anak muda sekarang, generasi muda sekarang dengan senangnya mereka mengetepikan tanggungjawab mereka sebagai penjaga ibu bapa, itu satu.

Yang kedua ialah mengenai apakah program ataupun rancangan, ataupun aktiviti yang ada di bawah Kementerian Yang Berhormat untuk menggalakkan generasi muda sekarang ini supaya penjagaan ataupun *taking care of* generasi yang tua itu adalah satu tanggungjawab kita generasi muda dan ini adalah satu cara untuk memperkukuhkan lagi nilai-nilai ketimuran kita. Apakah pendapat Ahli Yang Berhormat?

Puan Chew Mei Fun: Ok, sebenarnya ada perbezaan di antara Pusat Jagaan Harian Warga Tua dengan Rumah Orang Warga Tua. Rumah Orang Warga Tua ini adalah untuk warga-warga emas yang tidak ada saudara untuk menjaga mereka. Oleh itu dengan kewujudan Pusat Jagaan Harian Warga Tua ini bukan untuk menggalakkan anak-anak hantar ibu bapa mereka ke institusi kerajaan, sebaliknya kewujudan ini adalah untuk memastikan warga tua yang sama duduk dengan anak mereka dapat program-program atau dapat aktiviti-aktiviti semasa anak-anak mereka bekerja. Oleh itu ada perbezaannya. Program-program yang telah dilaksanakan ialah program-program modul Bahtera Kasih, Permata Kasih, Keibubapaan dan lain-lainnya adalah satu program untuk mempromosikan semangat kekeluargaan supaya anak-anak mereka akan turut menjaga ibu bapa mereka.

Yang Berhormat Serdang juga menanya apakah peranan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas? Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas telah ditubuhkan pada tahun 1997. Bagi menyelaraskan dasar program-program dan aktiviti-aktiviti di antara semua pihak iaitu agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO bagi kesejahteraan warga emas. Beberapa Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan bagi meneliti semua aspek iaitu sosial, rekreasi, kesihatan, pengangkutan, perumahan dan persekitaran mesra dan lain-lainnya.

Mengenai latihan bagi orang kurang upaya adalah satu aspek penting dalam menentukan mereka dapat berdikari. Permohonan untuk mendapat bantuan bagi projek Persatuan Orang Cacat China Malaysia boleh diberi pertimbangan melalui Unit Pelaksanaan dan Penyelaras Jabatan Perdana Menteri. Dan kementerian kita akan beri surat sokongan atau kita akan beri bantuan untuk menyampaikan permohonan itu.

Untuk makluman Yang Berhormat mengenai butiran pembaikan dan bagi rumah warga emas tidak diperuntukkan dalam bajet. Sebenarnya kementerian ada menyediakan peruntukan RM3 juta bagi maksud pembaikan dan menaik taraf bangunan termasuk untuk rumah warga emas yang diuruskan oleh NGO. Kalau ada keadaan yang teruk boleh membuat permohonan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Muar membangkitkan kurang sambutan dari beberapa pihak dalam menyediakan kemudahan bagi golongan Orang Kurang Upaya, umpamanya sektor swasta untuk menjalankan tanggungjawabnya menyeru agar penguatkuasaan dapat dipertingkatkan dalam pelaksanaan peraturan dan kemudahan yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan kod amalan pengajian OKU di sektor swasta yang merupakan garis panduan kepada majikan, pertubuhan OKU-OKU sendiri untuk pendaftaran dan penempatan OKU dalam pekerjaan.

Yang Berhormat Tangga Batu membangkitkan sudut terperinci *house keeping* keselamatan dan sesuai, kondusif di institusi warga tua. Rumah Seri Kenangan baru di tepi laut Pantai Puteri. Ok, untuk makluman Yang Berhormat selaras dengan saranan mengenai - *framework of action for people with disability*. Kesedaran tentang ciri-ciri

keselamatan di institusi-institusi warga tua sedang diambil. Melalui usaha naik taraf institusi kemudahan-kemudahan dengan ciri-ciri keselamatan telah disediakan. Cadangan Yang Berhormat berkenaan Rumah Seri Kenangan baru di tepi laut telah diambil perhatian.

Mengenai pramugari MAS, KPWKM sedar bahawa terdapat diskriminasi dalam dasar dan peraturan sumber manusia MAS. Mana-mana pramugari yang hamil sebelum tempoh 7 tahun perkhidmatan dikira melanggar peraturan dan boleh dibuang kerja. Dalam hal ini kementerian telah mengadakan beberapa rundingan dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengangkutan bagi menangani perkara ini. Pihak kementerian mendapat maklum balas bahawa pihak MAS telah mengkaji perkara ini dan penambahbaikan telah diambil supaya lebih adil kepada wanita.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak pengurusan MAS untuk menambahbaikan layanan mereka terhadap pramugari kerana sampai sekarang apa yang kita baca ialah mereka dibenarkan untuk mempunyai seorang anak lagi. Itu sahaja tetapi mereka masih dipaksa berhenti kerja pada umur 40 tahun. Keadaan ini masih tidak bertukar dan kita juga lihat Yang Berhormat Menteri kementerian ini juga telah kelihatan sokong apa yang dilakukan oleh MAS sekarang. Jadi adakah kementerian sekarang berubah pendirian dan sudi membantu pramugari sekarang?

Puan Chew Mei Fun: Okey, untuk menambahbaikan kebajikan pekerja atau pramugari MAS, kita mesti menjalankan usaha ini mengikut peringkat dan ini juga melibatkan kementerian yang lain. Oleh itu apa yang kita boleh jamin di sini ialah kita akan terus memperjuangkan untuk kebajikan kaum wanita.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Kenyataan Yang Berhormat nampaknya menunjukkan keprihatinan terhadap isu berkenaan layanan MAS terhadap pramugari, tetapi kami hendak tengok tindakan *we want to see action* dan bukan sahaja kenyataan yang hanya seronok didengar, tetapi kami wanita-wanita bukan sahaja pramugari sekarang masih menunggu melihat tindakan. Yang Berhormat kata MAS telah mengkaji dan menambah baik, kami hendak tanya sekarang, apakah yang telah ditambah baik? *Don't give us a general statement*. Kata akan berusaha, tetapi kami hendak tengok tindakan. Jadi saya pohonlah penjelasan atas perkara ini.

Puan Chew Mei Fun: Okey, tindakan kita - Kementerian Pembangunan Wanita ini kita tidak berhenti untuk memperjuangkan, untuk kebaikan dan kebajikan kaum wanita. Tetapi tak kan tindakan yang kita ambil selalu saya beri laporan kepada Yang Berhormat. Seperti apa yang telah saya jawab tadi kita akan meneruskan perjuangan ini dan kalau Yang Berhormat minta satu tarikh dan satu keputusan dengan cepat, ini melibatkan pihak yang lain juga bukan hanya pihak kita sendiri. Kalau pihak Kementerian Pembangunan Wanita sendiri kita boleh buat keputusan bila-bila masa sahaja. Oleh itu inilah jawapan yang saya dapat beri buat masa kini.

Yang Berhormat Tangga Batu menyentuh mengenai Rumah Seri Kenangan yang dianggap tidak sesuai dari aspek struktur bangunan seperti bilik air dan persekitarannya. Untuk makluman Yang Berhormat perkara ini dalam perhatian kementerian dan tindakan sedang diambil dalam menentukan persekitaran dan suasana Rumah Seri Kenangan lebih mesra insan. Perkara ini diambil perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Puan Chew Mei Fun: Saya tidak akan beri laluan kalau mengenai masalah atau perkara MAS kerana semalam kita semua berada di sini bersama-sama telah mendengar jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dengan panjang lebar.

Saya ada lagi banyak, ada lagi dua puluh *I think* sekurang-kurangnya 20,000 muka surat perlu dijawab. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Seorang Ahli: Banyaknya Yang Berhormat, 20,000 ya?

Puan Chew Mei Fun: Hah? *[Ketawa]* 20,000 perkataan. Okey, 20 muka surat.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat, saya ingin hendak tahu kementerian Yang Berhormat sangat prihatin tetapi dia tidak dapat dilaksanakan juga kerana ada masalah dengan kementerian yang lain, jadi saya hanya ingin menolong.

Kementerian yang manakah yang bersikap begitu tidak mahu adil kepada wanita dan bukannya ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mempengerusikan *Gender Focal Point*. Itu menunjukkan bahawa kementerian ini mendapat sokongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mengapa ia tidak dapat dilaksanakan lagi? Adakah ia bermasalah dengan kementerian yang lain, menteri-menteri lelaki yang lain ataupun kementerian ini tidak berkemampuan untuk mengelolakan agenda ini? Saya hanya hendak tahulah, saya rasa Dewan ini ada hak untuk tahu dan mungkin setelah kita faham masalah Yang Berhormat kita sama-sama boleh menolong Yang Berhormat untuk mengelolakan agenda ini. Sila beritahu Dewan ini di mana masalahnya, mengapa ia tidak dapat dilaksanakan untuk melaksanakan dasar-dasar yang boleh memberi keadilan kepada kaum wanita.

Puan Chew Mei Fun: Saya mengalu-alukan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat Bukit Mertajam merupakan seorang aktivis wanita yang berpengalaman banyak, oleh itu tidak akan Yang Berhormat tidak faham bila kita menjalankan perjuangan kita perlu ada *patience*. Apa yang penting kita mesti ada ketelusan, okey? Tidak berhenti dan masa akan sampai kita akan dapat apa yang kita minta.

Beberapa Ahli: Ya.

Puan Chew Mei Fun: Okey, Tuan Pengerusi...

Puan Chong Eng: Yang Berhormat tidak memberitahu ke mana masalahnya. Saya tahu kita mesti ada *patience* tetapi pada waktu yang sama kita mahu lihat ada *progress*.

Kita mahu lihat walaupun satu *baby step* pun kita mahu lihat ada *progress* supaya kita ada kepercayaan dan keyakinan kepada kementerian Yang Berhormat supaya di luar sana kaum wanita juga mendapat keyakinan bahawa kita mengadakan menteri dan juga Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen wanita dan kita boleh lihat ada *progress*. Bukan seperti dahulu kerana tidak ada kementerian seperti ini, jadi kita boleh salahkan kerana tidak ada pemimpin wanita tetapi sekarang sudah ada pemimpin wanita dan menteri wanita dan setiausaha wanita untuk menerajui Kementerian Wanita. Di mana kemajuannya, perkembangannya dan di mana masalahnya?

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Puan Chong Eng: Silalah beritahu kita supaya kita lebih faham kerana saya tidak di dalam kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jadi saya tidak faham apakah masalah yang boleh dihadapi oleh Yang Berhormat yang saya lihat juga mahu melakukan sesuatu juga tetapi tidak dapat menjalankan, apakah sebabnya?

Puan Chew Mei Fun: Masalahnya adalah banyak dan *complicated*, okey? Kalau Yang Berhormat hendak tahu selepas ini kita berbincang dekat luar.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Puan Chew Mei Fun: Yang Berhormat Santubong, kementerian...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Ini kita akan lebih lobi

Puan Chong Eng: Yang Berhormat yang lain juga *interested* untuk tahu juga. Memang untuk diketahui.

Cik Fong Po Kuan: Ya!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Speaker pun, semua pun hendak tahu juga.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, isu melibatkan wanita bukan masalah wanita...

Tuan Pengerusi: Okey, berapa banyak Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan: Tetapi masalah masyarakat dan masalah negara.

Puan Chew Mei Fun: Ya saya faham.

Cik Fong Po Kuan: Kena bincang diam-diam dekat luar, mana kita boleh tahu, Kaum lelaki mungkin boleh bantu juga kementerian Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ya!

Tuan Pengerusi: Ya, ya sudahlah.

Cik Fong Po Kuan: Sebab mereka mahu undi wanita juga,

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Jadi tidak bolehlah bisik-bisik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy : Tuan Pengerusi kita tidak bantu wanita kerana undi, kita bantu dengan keikhlasan.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Puan Chew Mei Fun: Kalau bincang tidak boleh diam-diam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila.

Puan Chew Mei Fun: Diam-diam tidak dapat bincang, oleh itu kita boleh bincang dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat, isu Beatrice Fernandez...

Puan Chew Mei Fun: Yang Berhormat Santubong...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu dan saya itu...

Puan Chew Mei Fun: Saya tidak bagi laluan, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beatrice Fernandez itu.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Puan Chew Mei Fun: Teruskan ya, Tuan Pengerusi? Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan isu penjagaan kesihatan warga tua. Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Majlis Kesihatan Kebangsaan sejak tahun 1997 untuk meneliti isu-isu kesihatan warga emas.

Majlis ini amat aktif dalam perancangan perkhidmatan rawatan dan langkah-langkah pencegahan penyakit bagi warga emas, mereka yang bakal tua. Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan mengenai Badan Pemadaian di bawah akta memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian 1976. Untuk maklumat Yang Berhormat akta ini adalah di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan bukannya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seperti apa yang saya telah umumkan tadi, di bawah Jabatan Peguam Negara sekarang telah ada satu jawatankuasa untuk menyemak semua seksyen-seksyen di bawah akta yang berkenaan. Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu membangkitkan isu mengenai OKU tidak suka dibantu, penekanan sosial obligasi pihak *corporate* dan juga garis panduan mengenai *barrier free access* kepada OKU.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia, telah mewujudkan kod amalan pengajian OKU di sektor swasta. Ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya dengan kesedaran tentang obligasi sosial sektor *corperate* dan swasta. Melalui Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, pindaan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang dilaksanakan telah mewajibkan setiap bangunan awam termasuk bangunan kerajaan, premis kerajaan dan sebagainya, menyediakan prasarana mesra insan yang sesuai dengan keperluan OKU dan yang penting ialah kesedaran ke arah penguatkuasaan. Mengenai warga emas di...

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: Ini *By Law* pun telah diluluskan pada 1993 tetapi sampai sekarang kita lihat tidak banyak bangunan yang mempunyai kemudahan untuk OKU, jadi waktu sekarang yang terpenting sekali ialah bagaimana menguatkuasakan *By Law* ini. Apakah peranan kementerian ini?

Saya rasa kalau kementerian ini tidak dapat menasihatkan ataupun menyerulah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menterinya ialah juga dari Presiden MCA, sesama parti. Kalau juga tidak dapat menghasilkan pelaksanaannya, jadi saya hendak tanya apakah Yang Berhormat akan buat untuk kemudahan ini boleh secepat mungkin diadakan supaya kita bukan sahaja kata kita prihatin kepada orang-orang yang kurang upaya tetapi kita melaksanakannya, menunjukkan dengan tindakan, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewujudkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Untuk melaksanakan kalau kita faham struktur kerajaan negara kita ini untuk melaksanakan garis panduan ini adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, apa yang kementerian boleh buat ialah kita terus untuk berbincang dan menyedarkan mereka supaya pihak berkuasa tempatan melaksanakan atau menjalankan penguatkuasaan untuk merealisasikan atau melaksanakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Yang Berhormat bagi Muar bangkit mengenai warga emas diminta untuk menunjukkan kad warga tua. Sebenarnya kita memang tidak ada kad warga emas. Apa yang kita perlu ialah untuk menunjukkan kad pengenalan sahaja, memadai bagi menikmati diskaun-diskaun yang diberikan oleh MAS dan juga KTM. Oleh itu, saya tidak tahu mengapa ada isu yang begini.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu membangkitkan wujudnya kawasan belukar di sekitar Sekolah Tunas Bakti Perempuan. Kewujudan ini telah memisahkan sekolah ini dengan masyarakat di persekitarannya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat prihatin agar setiap program atau aktiviti yang disediakan di institusi ada hubungan kemasyarakatan. Dengan masyarakat setempat, hubungan dua hala ini penting kerana penghuni-penghuninya akan dikembalikan semula kepada masyarakat apabila keluar dari Sekolah Tunas Bakti kelak. Jabatan sedang mengambil perhatian dalam usaha memasyarakatkan institusi kebajikan seperti Sekolah Tunas Bakti dalam usaha mengintegrasikan penghuninya.

Mengenai isu isytihar OKU mendapat sambutan masyarakat, JKMM telah ambil langkah bagi mengkaji semula kesesuaian isytihar dan kategori OKU dengan penglibatan NGO-NGO, OKU sendiri, kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan berkaitan dan orang awam. Pandangan persetujuan semua pihak akan diperolehi sebelum satu keputusan diambil.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan tentang kemudahan asas untuk golongan kurang upaya seperti pengangkutan, bangunan yang mesra insan dan sebagainya perlu disediakan. Penyediaan kemudahan asas untuk golongan kurang upaya memang dianggap sangat penting. Dalam menentukan kesejahteraan hidup golongan ini, kementerian memang komited dalam menentukan kemudahan mesra insan atau *barrier free* disediakan. Perkara dalam penyediaan dasar dan penguatkuasaan akan diberi perhatian.

Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan kemudahan pusat jagaan atau taman asuhan. Saya rasa tadi saya sudah jawab, okey. Menyeru jabatan untuk memantau bersama pihak berkuasa tempatan. Ini saya sudah jawab juga.

Okey, Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan apakah program ICT untuk kaum wanita. Salah satu program ICT untuk kaum wanita ialah 'Portal NuriTA' bagi meningkatkan kapasiti kaum wanita dalam bidang IT. Yang kedua, sebagai satu platform untuk mengiklankan produk-produk. Yang ketiga, mengurangkan jurang digital di kalangan kaum wanita. Projek perintis 'Portal NuriTA' dilaksanakan di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Mengenai adakah program ini akan diperluaskan ke kawasan luar bandar, jawapannya ya, secara berperingkat-peringkat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai publisiti rakan-rakan di IPTA untuk galakkan lebih ramai orang muda sertai program kaunseling sebelum kahwin, program pra-perkahwinan. Kementerian mengambil maklum cadangan ini dan memang program-program kementerian khususnya yang berkaitan pemantapan perkahwinan akan dipanjangkan ke peringkat akar umbi termasuk di IPT.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Mengetuk mikrofon]*

Puan Chew Mei Fun: Mengenai Yang Berhormat bagi Seputeh meminta kementerian mengadakan rundingan dengan MAS supaya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Biar saya habiskan ini dahulu...supaya Puan, nama dia saya fikir...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Chew Mei Fun: Ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beatrice Fernandez.

Puan Chew Mei Fun: Okey, supaya tidak dikendalikan dengan kos mahkamah. Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pengangkutan dan juga MAS mengenai perkara ini supaya MAS menarik balik tuntutan kos mahkamah. *[Tepuk]*

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan isu mengenai *Disability Equality Training* bagi OKU. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dengan sokongan Japan International Corporation Agency telah menjalankan satu bengkel latihan DET bagi NGO, OKU, pegawai-pegawai kebajikan dari semua negeri pada 19 hingga 23 November 2005. Tindakan berterusan akan diambil bagi memperkasakan golongan OKU dalam kehidupan harian ke arah kesamarataan peluang dan penyertaan penuh OKU.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya membangkitkan perkara bilangan kaunselor di kementerian dan berapakah yang mahir dalam bidang *transsexual*. Kaunselor di JKM diwujudkan bagi memenuhi peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 yang dilaksanakan bagi keperluan bengkel interaktif. Walau bagaimanapun, kaunselor-kaunselor ini berkeupayaan untuk membantu kumpulan-kumpulan sasar jabatan. Terdapat seramai 35 jawatan kaunselor di JKM yang ditempatkan di negeri-negeri.

Mengenai kes khunsa dan penukaran jantina, bagi kes khunsa musykil, mereka dibenarkan menukar jantina iaitu memilih salah satu jantina yang lebih dominan. Sehingga kini, KPWK tidak ada data berhubung dengan kes-kes khunsa. Berhubungan dengan kes penukaran jantina yang bukan kes khunsa, kementerian tidak bersetuju dan tidak pernah menyokong mereka yang ingin menukar jantina. Pada masa ini, kementerian sedang menjalankan kajian mengenai golongan mak nyah untuk mengetahui ciri-ciri golongan ini serta mengkaji psikologi dan tingkah laku mereka.

Mengenai cadangan penubuhan badan khas untuk pendaftar sukarelawan, untuk makluman Yang Berhormat..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya membawa isu ini sebab kalau kita melihat dari segi pentadbiran, kalau anak dilahirkan, mereka kena mengisi borang kelahiran. Jadi bila borang kelahiran, hanya dua jantina dicatatkan, lelaki ataupun perempuan. Sepatutnya kita ada satu lagi kategori sebab bila dilahirkan, doktor akan tahu sama ada mereka ini lelaki, perempuan ataupun kategori khunsa musykil yang sepatutnya kita masukkan dalam kategori itu sebab dia akan hanya dapat dikenal pasti dominan jantinya bila dia mencapai umur baligh.

Di situ nanti akan memudahkan untuk mereka mendaftar diri mereka untuk mendapat kad pengenalan. Jadi ini yang menimbulkan masalah sebab di situ catatannya ialah lelaki ataupun wanita. Jadi bila mereka sampai ke tahap untuk membuat kad pengenalan, ini menimbulkan masalah kepada golongan ini. Jadi dengan adanya proses ini, barulah data bank kita akan dapat menjelaskan berapa orang sebenarnya khunsa musykil yang telah dilahirkan sebab itu ada pengesahan daripada doktor. Dengan itu, kita akan dapat kategorikan yang khunsa tadi sebagai satu kumpulan lagi iaitu golongan lelaki yang hendak menjadi perempuan.

Itu yang mungkin tidak tergolong dalam khunsa musykil yang harus kita berikan tumpuan untuk mereka selesaikan dan diberi kaunseling di peringkat awal lagi supaya mereka ini tidak terjerumus kepada golongan apa yang dikatakan *woman's in a man's body*, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Sejauh apa yang saya tahu perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Mengenai mencadangkan penubuhan badan khas untuk mendaftar sukarelawan - melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terdapat program kesukarelaan yang dikenali sebagai Briged Kebajikan Perdana yang sekarang mempunyai keahlian aktif lebih dari 6,000 ahli dengan minat berdasarkan kumpulan sasar jabatan.

Permohonan untuk menjadi ahli boleh dibuat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tindakan sedang diambil untuk mewujudkan pangkalan data Briged Kebajikan Perdana dan membolehkan pendaftaran secara *online*.

Yang Berhormat Maran membangkitkan isu keperluan untuk menambah baik pusat-pusat PDK di seluruh negara umpamanya di Maran. Untuk maklumat Yang Berhormat perkara ini diambil maklum dan kementerian memang bercadang untuk memperluaskan program ini dengan pertambahan 20 pusat PDK baru setiap tahun dengan peruntukan RM465,000.

Mengenai kekurangan kakitangan JKN di peringkat negeri dan daerah dan menaiktarafkan perjawatan pegawai-pegawai di JKN. Penstrukturan organisasi Jabatan Kebajikan Negeri dan pejabat kebajikan masyarakat daerah telah dikemukakan oleh jabatan berkaitan kepada setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dan kelulusan. Mengenai program untuk membina semangat penerima-penerima bantuan supaya lebih produktif dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan berterusan. JKN dalam pendekatannya sekarang ini akan memberi perhatian ke arah produktif *welfare* di kalangan penerima-penerima bantuan bulanan. Ini bermaksud penerima-penerima bantuan yang berpotensi akan digalakkan ke arah berdikari.

Bantuan geran pelancaran dan bimbingan yang bersesuaian dengan keadaan dan projek yang dijalankan dan penerima-penerima bantuan akan terus dipertingkatkan supaya lebih ramai penerima-penerima bantuan bulanan dapat berdikari.

Yang Berhormat Ipoh Barat minta mengkaji akta...

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bawa kepada apa yang dinyatakan tadi dan juga berkaitan dengan isu tadi yang saya hendak bangkitkan iaitu berkaitan dengan mengeratkan jurang digital.

Lebih kurang setahun yang lalu kementerian telah mengatakan bahawa ibu-ibu yang tidak bekerja akan diberi peluang dan dilatih untuk *telekerja* di rumah dan perundangan-perundangan yang tidak memberi kebenaran untuk menggunakan rumah untuk kerja sedang digubal dan dikaji supaya rumah itu boleh digunakan untuk tempat komersial. Sejauh manakah perkembangan perundangan ini dan bilakah reformasi sebegini akan berlaku seluruh Malaysia kerana banyak orang yang ada diploma dan SPM sekarang menjadi suri rumah tangga dan potensi mereka sebagai tenaga kerja wanita yang unggul di Malaysia dapat digemblengkan dan bilakah revolusi ini akan berlaku kerana ini akan menjadi satu potensi yang cukup besar kerana ICT boleh meniti antara bidang kerja dan tanggungan isteri dan juga sebagai ibu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Pihak kementerian kita, sekarang kita telah menyediakan Kertas untuk pelaksanaan pekerja *home office* dan garis panduan juga telah dibincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Satu buku garis panduan juga akan dicetak dan tidak lama lagi kita akan melaksanakan program ini.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Adakah ia perlu kelulusan Dewan yang mulia ini dari segi akta dan sebagainya dan bila akan dibawa ke parlimen?

Puan Chew Mei Fun: Ini tidak melibatkan apa-apa akta, oleh itu ini akan dijalankan dan dilaksanakan melalui kementerian selepas kita dapat mengemaskinikan garis panduan dengan kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Ipoh Barat minta kaji akta untuk memperbaharui undang-undang perkahwinan dan saya rasa ini sudah jawab tadi banyak kali. Bantuan am yang diluluskan lambat diterima oleh *client*. Aduan Yang Berhormat berkaitan kelewatan bayaran bantuan di Ipoh Barat akan diberikan perhatian dan saya minta Yang Berhormat kemukakan kes kelewatan yang disebutkan supaya kita dapat siasat dan beri bantuan dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Pendang, membangkitkan mengenai bantuan kepada rumah anak yatim perlu diberi oleh kerajaan untuk membantu dalam penjagaan anak-anak yatim. Untuk maklumat Yang Berhormat Pendang, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan geran tahunan untuk NGO dalam mengendalikan rumah anak-anak yatim. Bagi tahun 2005 sebanyak 77 NGO kanak-kanak dibantu dengan jumlah geran RM5.6 milion.

Mengenai bantuan tidak diluluskan kepada OKU, bantuan kewangan bulanan kepada semua pemohon-pemohon termasuk OKU akan dipertimbangkan oleh JKN. Walau bagaimana pun setiap permohonan yang diterima oleh JKN perlu dijalankan siasatan bagi mengesahkan bagi setiap pemohon benar-benar layak dipertimbangkan bantuan-bantuan. Aduan Yang Berhormat bahawa ada OKU di Pendang tidak diluluskan bantuan akan disemak untuk mengetahui dasar apakah ia tidak dapat dipertimbangkan. Kalau boleh mintalah Yang Berhormat Pendang mengemukakan *details* kepada kami supaya kami dapat menyiasat.

Mengenai lesen motosikal bagi OKU hendak dan juga kemudahan akses OKU, di bawah bidang kuasa ini adalah di bawah bidang kuasa JPJ. Kementerian melalui majlis penasihat dan perundingan kebangsaan bagi OKU telah menubuhkan jawatankuasa kerja teknikal, kemudahan akses dan komunikasi bagi membentuk pelan tindakan bagi kemudahan akses. Jawatankuasa ini telah menyemak kod-kod amalan sedia ada dan membuat pindaan yang perlu.

Yang Berhormat Kuala Terengganu, mengenai butiran pembangunan yang kosong itu. Butiran yang bertanda *zero* itu sebenarnya projek yang telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sementara menunggu kelulusan peruntukan tersebut pihak perbendaharaan mengekalkan butiran tersebut untuk kemudahan kementerian

manakala butiran yang ditentukan jumlah Ringgit itu adalah bagi projek-projek yang sedang berjalan dan sambungan di mana perlu di bayar pada tahun 2006.

Dengan ini saya telah habis jawab semua soalan yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian dalam perbincangan dan cadangan-cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan dan diutarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat akan diambil perhatian dan akan dipertimbang. Terima kasih, sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM463,735,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM463,735,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM24,100,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM24,100,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.49 [Jadual]

Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala Perbekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas.

4.11 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk kemukakan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan B.49 Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Butiran 10000 - Emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan B.49 Butiran 10000 – Emolumen.

Tuan Pengerusi, inilah kali yang kedua yang berturut-turut di mana saya ada kemukakan satu usul untuk memotong gaji RM10 daripada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan saya tidak rasa selesa, sedap atau suka hati buat begitu tetapi oleh kerana untuk kebaikan negara, rakyat dan generasi akan datang, apa yang tidak *pleasant* pun kita perlulah buat.

Sekurang-kurangnya ada 10 sebab kenapa Parlimen perlulah memotong gaji RM10 daripada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Yang pertama ialah bersangkut paut dengan *Times Higher Education World University Ranking 2005*, yang baru-baru ini ada diisytiharkan, yang menjadi topik hangat masyarakat umum, khasnya di kalangan akademi-akademi dan universiti-universiti.

Dan, saya rujuk dengan spesifiknya kepada masalah jenayah sindrom yang melanda Yang Berhormat Menteri, pegawai-pegawai tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi dan pun *vice cancelor-vice cancelor*, pentadbir-pentadbir di semua universiti-universiti IPTA mengenai perkara ini. Apabila *The Times Higher Education World University Ranking* diumumkan yang kita lihat tempat Universiti Malaya jatuh daripada tahun lalu tempat yang ke-89, jatuh 80 tempat 169 dan Universiti Sains Malaysia 111 tahun lalu jatuh lebih daripada 89 tangga. Keluar langsung daripada *bracket* 200 universiti terbaik sekali di dunia.

Saya bukan seorang Universiti Malaya alumni tetapi sebagai warga negara Malaysia, saya mahu tengok universiti yang *premier* universiti negara kita boleh menikmati terus kedudukan yang unggul dan kita tidak mahu tengok bahawa sistem pengajian tinggi terus merosot sehingga *premier* universiti negara kita dipandang begitu rendah. Oleh kerana daripada segi *excellent*, kualiti dan mutu apabila banding dengan *international peers* dan sebenarnya ini pun saya ada *share* pandangan ini dengan Yang Berhormat Menteri apabila saya dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri pada 14 November, saya ada khuatir, dua perkara saya khuatir.

- (i) bahawa Universiti Malaya akan jatuh keluar daripada *ranking* 200 universiti terbaik di dunia tahun depan atau masa Rancangan Malaysia Kesembilan belum akhiri 2010;
- (ii) bahawa Universiti Malaya akan ditolak oleh rakyat Malaysia yang semacam apa yang berlaku dalam sekolah-sekolah kebangsaan, di mana rakyat Malaysia tidak menjadi *first choice* rakyat Malaysia, sama ada rakyat Malaysia bukan Melayu atau rakyat Malaysia Melayu.

Oleh kerana standard, bukan sahaja rakyat Malaysia Melayu *first choice* ialah Sekolah Rendah Cina tetapi rakyat orang Melayu pun kalau mereka *affordable*, ada dengan *means first choice* mereka bukan *national primary school* tetapi *international school*. Kalau kita tak jaga-jaga Universiti Malaya pun akan menghadapi hakikat itu, oleh kerana kejatuhan mutu dan standard. Ini adalah sangat mustahak kerana kita nampak apa yang baru-baru ini Yang Berhormat Menteri dan *Vice Cancellor University of Malaya*, Profesor Dr R. Hashim Yaacob ambil.

Nampaknya mereka ambil satu pendirian menolak keresahan legitimasi *Times Higher Education supplement ranking* sebagai *irrelevant* bahawa ada kelemahan-kelemahan dan kecacatan apabila tahun lalu *ranking* yang sama ini dipuji sebagai menunjukkan betapa standard yang tinggi dinikmati oleh Universiti Malaya. Dan, kalau tahun lalu boleh menerima sebagai *legitimated*, tahun ini sukarlah kita menerima pandangan bahawa menolak *Times Higher Education Supplement* ini, khasnya pada bulan Jun ini apabila *centennial celebration* 100 tahun untuk Universiti Malaya.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menghadiri dan dalam ucapan beliau dia ada memuji Universiti Malaya oleh kerana ada dapatlah duduk kedudukan 89 dan mencabarkan, ada keluar satu cabaran kepada Universiti Malaya bahawa supaya dalam 2020 boleh di dalam kumpulan 50 universiti terbaik dalam *ranking Times Higher Education Supplement*. Itu menunjukkan bahawa kerajaan menerima *ranking* itu. Tetapi tak sampai dua tiga bulan, kita tengok *ranking* yang baru yang dikeluarkan, di mana Universiti Malaya jatuh begitu serius. Parlimen dan negara kita perlu sedar mengenai masalah ini.

Oleh kerana masalah yang dihadapi bukan sahaja sama ada Universiti Malaya akan jatuh keluar daripada *ranking* 200 buah universiti itu tetapi yang lebih serius ialah standard kedudukan universiti-universiti tempatan, semua IPTA-IPTA kerana masalah ini bukan terhad kepada Universiti Malaya tetapi USM tetapi *afflict* semua IPTA-IPTA di negara kita. Sebenarnya kalau kita lihat, bukan sahaja kita menghadapi masalah *ranking* kita dalam 200 *top universities*, ada satu *ranking* Jiaotong University, Shanghai tiga tahun berturut-turut. Malaysia sebuah universiti pun tak boleh disenaraikan. Jiaotong University, 500 universiti terbaik di dunia, 3 tahun tak boleh masuk.

Bukan sahaja *Jiaotong Shanghai University*, senarai itu tak boleh masuk, ada lagi satu senarai yang *web page*, *top 2000 universiti*, Malaysia satu pun tak masuk. Satu universiti pun tak boleh masuk yang menunjukkan masalah krisis kita. Jangan kata 200 terbaik tak boleh masuk, 500 terbaik tak boleh masuk, 2000 terbaik pun tak boleh masuk. Bukankah ini satu perkara yang serius? Dalam 2000 universiti ini, universiti *Singapura* ada, tangga 176, *Nanyang Technology University Singapore* pun berada di tangga 514 tetapi Malaysia satu pun tak masuk – *top 2000 universities*.

Inilah satu krisis *higher education* yang kita menghadapi dan kita perlu menangani supaya kita boleh memulihkan kedudukan kita. Dan sebenarnya kita perlu banding, perlu

banding dengan Jepun, Australia, China, lagi satu dengan Chow Song Universiti 500 universiti.

Negara	Bil. Universiti
Jepun	33
Australia	13
China	8
Korea Selatan	8
Israel	6
New Zealand	5
Taiwan	5
Hong Kong	4
India	3
Singapura	2
Malaysia	0

Itu 500, 2000 pun serupa. Inilah menunjukkan yang dasar utama apakah kita tengok apa perancangan Kementerian Pengajian Tinggi diadakan. Ada *awareness*, ada *sense of crisis*, tiada. Itulah sebab yang pertama.

Sebab yang kedua kegagalan untuk menunjukkan satu budaya akademik mengenai keunggulan *excellence* dan meritokrasi. Saya rasa bahawa Yang Berhormat Menteri perlu ditegurkan oleh kerana tidak ambil tindakan terhadap *vice chancellor-vice chancellor* yang menamatkan kontrak *academician-academician* yang adalah reputasi antarabangsa. Dan oleh kerana satu tangan dia kata bahawa ada kekurangan pensyarah-pensyarah tetapi di pihak yang lain biarkan pensyarah-pensyarah yang adalah yang masuk di arena *international* tamat kontrak mereka. Satu contoh yang terbaik ialah Prof. Ramasamy, UKM, profesor di Pusat Sejarah, Politik Sains dan Strategik Studies, Faculty of Social Science and Humanities UKM ditamatkan dengan satu bulan notis bermula dengan 26 Ogos. Masalah ini semacam masalah Dr. Teris Gomez di mana perlu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri campur tangan untuk membenarkan beliau pergi Geneva menyertai United Nations Research Institute For Social Development (UNRISD) untuk dua tahun menunjukkan penyakit universiti-universiti. Dan kita ada mengenai mengendalikan universiti dengan ketiadaan satu strategik *academic excellence*.

Oleh kerana bukan sahaja kita gagal untuk *attract* yang terbaik sekali daripada rakyat Malaysia dan daripada *international talent* nampaknya universiti-universiti, pentadbir-pentadbir, *vice chancellor-vice chancellor* apa mereka berminat ialah *petty-petty pursuit* semacam Universiti Malaya mendirikan *billboard* lah, *wanting* lah semua itu tidak bersangkut paut dengan bagaimana boleh menunjukkan sebuah universiti yang agung yang terunggul. Dan kita mahu khasnya kementerian baru mengenai pengajian tinggi adalah visi, adalah *leadership* yang rela untuk sampai satu mesej, rela kita melantikkan *the best and the brightest*. *The best and the brightest* untuk universiti-universiti kita IPTA-IPTA *the best and the brightest* sama ada *vice chancellor-vice chancellor* atau dekan-dekan supaya kita dapat *the best and the brightest*.

Dan baru-baru ini kalau kita ada berminat dalam surat khabar, Tan Seok Chu anak Dr. Tun Tan Siew Chin dia ada satu rencana dalam The Sun - *Hiring of foreign CEO is no sell out*, dan ini bukan sahaja CEO untuk syarikat-syarikat tetapi untuk universiti-universiti juga. *Hiring of foreign VC* pun tak *sell out* kalau inilah cara yang baik untuk mempertingkatkan mutu universiti-universiti kita. Di United Kingdom tengok universiti-

universiti yang termasyhur mereka rela untuk melantikkan *foreigner* sebagai *vice chancellor*. Oxford University, siapa *vice chancellor* seorang New Zealander - Dr. John Food. Apa yang mustahak ialah bagaimana boleh menaikkan *academic standard*.

Kalau di sini mungkin kita kata marah kenapa *foreigner*. Dan Universiti Nottingham, Amamita Timbalan Perdana Menteri, dia daripada universiti of Nottingham. Siapa canselor? Prof. Foo Cia Yang, *Chinese race*.. Satu proses *advertisement* untuk cari *the best and the brightest* daripada negeri China pun lantik. Kenapa kita tidak boleh ada satu proses *the best and the brightest*. Oleh kerana ini yang mustahak bagaimana kita boleh menguntungkan universiti-universiti tempatan tetapi sebelum kita cari *the best and the brightest* daripada orang asing kita pun perlulah *the best and the brightest* daripada rakyat Malaysia. Kenapa kita sampai sekarang belum teringat seorang bukan Melayu dilantik sebagai *vice chancellor*. Adakah tidak ada orang-orang akademia-akademia bukan Melayu yang layak yang adalah semua kelayakan untuk menjadi *vice chancellor* yang terunggul untuk kebaikan universiti, kebaikan negara, kebaikan anak-anak kita tidakkah? Kenapa perlulah bakat-bakat kita ke luar negeri, pergi luar negara baru boleh menjadi *vice chancellor*.

Universiti-universiti yang termasyhur semacam Hong Kong Universiti ada seorang rakyat Malaysia tidak boleh menjadi naib canselor di Malaysia, beliau pergi luar negara boleh menjadi naib canselor Hong Kong Universiti, dunia terbaik nombor 41 bukan 2000, semacam *Nanyang Technological University*, 48 di dunia pun seorang daripada Malaysia. Inilah menimbulkan kenapa kita tidak boleh cari kalau kita mahu universiti termasyhur, *best and the brightest*, *best and the brightest* daripada kalangan rakyat Malaysia, *best and the brightest* daripada orang luar untuk supaya universiti kita antara terbaik sekali, bukan melalui *billboard-billboard* sahaja, melalui *Disneyland coaster* sahaja, melalui risalah-risalah sahaja. Dan banyak perkara kita perlu tanyakan kenapa sampai sekarang barulah satu pertiga akademia-akademia dalam IPTA-IPTA adalah Ph.D.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kita pun kenapa ada *vice chancellor* yang tidak ada Ph.D. Masa 2005 era ini masih ada *vice chancellor* IPTS yang tidak ada Ph.D, bukankah ini satu sangat aneh semacam UM, semacam USM. Dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada umumkan ada melantikkan satu *search committee* untuk cari calon-calon untuk *vice chancellor*, apabila Yang Berhormat daripada Batu Gajah dan saya jumpa Yang Berhormat Menteri pada 14 November kita ada bincang perkara ini dan kita kata, kita tidak boleh ada satu *search committee* yang beroperasi dengan sulit. Tidak tahu siapa itu dalam *search committee*, apa terma *reference*, bagaimana ini satu era *transparency*, satu era yang lebih terbuka. Dan sungguhpun masa itu Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa komposisi *search committee* ini untuk buat *recommendation* kepada menteri siapa patutlah menjadi bakal calon *vice chancellor* bahawa ia semua patut diumumkan tetapi sampai sekarang tiada apa-apa berita. Apa, *what is the development? What is the development?* Dan banyak kritik-kritik di aspek ini boleh dikemukakan terhadap Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi semacam kenapa sampai sekarang kita tidak tahu, apa rancangan untuk melantikkan pensyarah-pensyarah atau untuk memastikan mereka yang keluar negeri untuk dapat latihan akan boleh habiskan tamatkan program *doctoral* mereka dan balik.

Apa *plan* untuk menghentikan *brain drain* dan supaya rakyat Malaysia yang terbaik boleh balik ke universiti-universiti tempatan termasuk untuk memperbaiki terma dan syarat-syarat kerja pensyarah-pensyarah universiti, dan Yang Berhormat Menteri ada menyebut beberapa kali mengenai *research* universiti, untuk *promote research* universiti. Apa itu *concrete plan*, bagaimana boleh *promote research* dalam universiti-universiti di negara kita, itulah sebab yang kedua.

Sebab yang ketiga, kegagalan beliau untuk memulihkan akademik *freedom*, kebebasan yang sangat mustahak, *air, air* untuk kehidupan universiti yang terunggul. Aku janji, aku janji mematikan, mematikan kreativiti, *inquiry* dan universiti yang unggul, yang perlu dimansuhkan dan kita ada pensyarah-pensyarah yang baik dipecat oleh kerana mereka tidak mahu menandatangani aku janji. Contohnya yang klasik ialah Dr. Azly Abdul Rahman dan isterinya Dr. Mutiara Mohamad di Universiti Utara Malaysia, mereka dari

universiti United States, tapi mereka tengok Akujanji itu *outrageous* tak setuju. Oleh kerana mereka tidak setuju, mereka ditamatkan perkhidmatannya. Itu untuk kebaikan negara, untuk kebaikan universiti, untuk kebaikan masa depan Malaysia? Tidak, dan perlulah ambil tindakan yang tegas supaya suasana wujud, di mana aku janji dimansuhkan.

Keempat, *University and University Colleges Act*, kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk memansuhkan UUCA yang kita tahu ialah satu sebab utama kenapa universiti kita jatuh *standard*, universiti-universiti Malaysia jatuh *standard* dan oleh kerana kritikal fakulti, meritokrasi, semualah *take a back seat* dan tidak boleh mengadakan satu universiti – ITOS yang ada *excellence academy*, kesedaran sosial dan yang lebih mustahaknya satu komitmen nasional semua akademianya dan pelajar-pelajar yang boleh membezakan antara betul dan salah, *distinguished between right and wrong*, keberanian untuk berdiri, apa yang betul, apa tak betul. Itulah kalau kita pun tak boleh menanamkan dalam universiti, apa guna universiti. Kalau keluar universiti, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar pun tak berani kata - “*what is wrong, what is right*”, apa guna universiti, apa guna universiti? Apa guna you masuk masyarakat berilmu? Dan sebab itu, itulah penyakit UUCA, dan pada 19 Oktober, Yang Berhormat Menteri ada bercakap dalam Dewan yang mulia ini, bahawa akan membuat satu kajian, tapi enam minggu sudah lepas, apa sudah berlaku, siapa buat kajian? Kita ada bincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlulah umumkan, siapa buat kajian? Apa skop kajian itu? Sampai sekarang diam sahaja.

Tidak *pass the test of public confidence and credibility* bahawa kajian akan diadakan oleh sebuah *committee* dan orang-orang yang ada kredibiliti, yang berwibawa, bebas dan bukan boneka-boneka atau *puppet-puppet* saja. Pada 14 November, dalam mesyuarat kita dengan Yang Berhormat Menteri, beliau bersetuju bahawa akan mengumumkan, siapa dalam Jawatankuasa Kajian UUCA, mana, tidak, nampaknya itu kosong, omong-omong kosong sahaja dan kita mahu tahu kenapa tidak ada satu *consultation* dengan *academia-academia*, pelajar-pelajar, Ahli-ahli Parlimen, masyarakat Madani, sebelum itu pelantikan dibuat mengenai siapa di dalam kajian itu.

Sebab kelima, *election fraud* yang berlaku di universiti-universiti, pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi dan *malpractices*. Saya ingat kenapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh *condone abuses* yang begitu *rampant* dalam universiti-universiti *election*. Bagaimana kalau di peringkat universiti mereka sudah belajar untuk tipu dalam *election*. Apa masa depan negara kita, apa masa depan negara kita? Kita ada cadangan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa *pending UUCA review*. Semua tindakan tatatertib terhadap pelajar-pelajar di bawah UUCA, sama ada, Universiti Putra atau Universiti Malaya atau UTM semua dibekukan dan beliau kata dia akan timbang, timbang, sampai sekarang, mana? Ini *parliamentary accountability* tak boleh timbang-timbang dan lupa sahaja. Mana boleh, perlu timbang dan balik bagi satu jawapan, *what is the result*, timbang, timbang atau *no timbang*.

Sebab yang keenam Zahid *Higher Education Review Report*. Mana itu Zahid *Higher Education Review Report*? Pada bulan Mei apabila kita ada satu *Parliamentary Opposition Leaders Round Table*, seorang anggota *Zahid Higher Education Committee* ini, Profesor Ibrahim Bajunid, kita ada tanya dia, adakah kita patut ada keyakinan mengenai usaha *Zahid Higher Education Committee*, sama ada laporan ini akan diumumkan, dia kata betullah tentu akan diumumkan. Yang Berhormat Kepong pun ada di sana “*Yes, these are sure, make public*”. Tetapi laporan ini telah dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri pada Julai, sudah 4 bulan, Yang Berhormat Menteri kata dia mahu kaji, ia kaji mahu kaji, tapi rakyat pun mahu kaji, Ahli Parlimen pun mahu kaji, bukan dia sendiri mahu kaji sahaja, bukan Kementerian Pendidikan kaji sahaja. Ini patutlah satu proses menyeluruh *national effort* bukan monopoli oleh Kementerian Pendidikan Pengajian Tinggi untuk kaji dan lepas itu semua, *the rest of the society* tidak ambil bahagian dan penglibatan, kalau begitu, kita bukan dalam 2005 kita dalam masa 1005, dan diharap bahawa kita boleh dapat, kenapa ahli anggota-anggota *Zahid Higher Education Review Committee* mahu laporan ini diumumkan, apa Yang Berhormat Menteri ingat, kenapa dia menentang? Ini tidak selaras dengan satu masyarakat berilmu.

Sebab ketujuh, Suruhanjaya Diraja mengenai *World Class University* di Malaysia. Inilah satu perkara yang berapa kali berbangkit, berkali-kali, bertahun-tahun, berdekad-dekad bukan saja daripada kita di sini, Ahli Parlimen Parti Pembangkang, tetapi pun dari pihak *establishment* seperti bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, pun sudah berkali-kali cadang, kenapa kita tak rela untuk mengatakan *Royal Commission Enquiry* oleh kerana *higher education* begitu penting dan kita tak mahu jawatankuasa, *task force* yang terdiri dari *ex-government servant, with a brute critic mind* yang ada bertanggungjawab dengan hakikat hari ini di mana universiti telah jatuh begitu rendah, semua ini, semua ini Zahid - semua ini tak mahu, kita mahu orang yang termasyhur, *independent*, sama ada Royal Profesor Ungku Aziz, sama ada Prof. Syed Hussain Al-Attas, mereka semua bekas Vice-Chancellor atau Prof. Wong Gang Wu, Vice Chancellor Hong Kong University atau Dr. Chandra Muzaffar, Prof. K. H Jomo. Kenapa kita tak mahu mereka, kenapa *the best and the brightest* kita menganggap, kerajaan menganggap mereka *as the lowest creatures in the land*, Kenapa?

Sebab kelapan, *Parliamentary Select Committee*, bila kita bincang dengan Yang Berhormat Menteri berkata bahawa perkara ini yang menunjukkan betapa penting mengadakan *Parliamentary Select Committee* mengenai *high education*, dia kata dia akan bawa perkara ini kepada Kabinet, kepada Kabinet, tetapi mana beliau? Kenapa, kenapa tidak ada sikap yang lebih *progressive, forward looking* dan berasas ilmu, *knowledge base*, kalau mahu jadi *Higher Education Minister* perlulah ada pendekatan sikap itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Oh ya, saya kata sekurang-kurangnya 10 sebab, kita tak potong gaji sewenang-wenangnya, dengan sebab yang kuat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa, masa berapa lama?

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan cuba-cubalah dan semua ini, lapanlah, sepuluh-sepuluh, atau dua belas..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi 10 minit cukupkah?

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah, bolehlah, cubalah ... dan panggil *Parliamentary Select Committee*, kita perlu penglibatan semua lapisan rakyat, kita ada *graduate* universiti-universiti, generasi-generasi mereka semua bakat negara kita. *There are things to contribute*, kenapa kita tak mahu *touch* mereka, *involve* mereka supaya kita boleh memulihkan sistem universiti-universiti yang tertinggi sekurang-kurangnya *premier* universiti benar-benar *premier* bukan *premier university*, dunia 2,000 universiti pun tak masuk, apa *premier* universiti ini? *Multi premier*, sekurang-kurangnya kita ada tanggungjawab, Ahli-ahli Parlimen kita kecualikan daripada krisis, kemelut atau krisis pengajian tinggi ini, oleh kerana ada kecuaihan dan sekarang saya berharaplah kerana kita ada satu Perdana Menteri yang rela mengadakan *contribution* Ahli-ahli Parlimen daripada semua segi, saya harap Ahli-ahli Parlimen rela mengadakan *put pressure* atas Yang Berhormat Menteri supaya mengadakan *Parliamentary Select Committee*.

Di sesi yang lalu saya ada cadang satu caucus oleh kerana semacam Caucus of Myanmar yang begitu berjaya, Caucus Hak Asasi yang nampaknya seminggu dua ini nampaknya begitu berkesan. Satu *caucus of higher education*, tetapi itu semasa satu bulan dahulu, nampaknya tidak ada respons daripada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri tekan daripada belakang, sabotaj usaha ini. Kenapa sabotaj? Kita mahu lebih banyak *committee, caucus* oleh kerana kita mahu lebih peluang lebih forum di mana fikiran dan *contribution* boleh diadakan.

Kesembilan, satu masalah di mana kita mahu universiti-universiti kita, pelajar-pelajar kita, akademi-akademi kita *role model* untuk rakyat Malaysia, *role model* untuk generasi akan datang. IIUM baru-baru ini menjadi satu isu oleh kerana memaksa pelajar-pelajar bukan Muslim perlu memakai tudung dan perkara ini ada dibincangkan dalam Kabinet dan Kabinet buat satu keputusan bahawa tidak harus membenarkan mana-mana universiti untuk mewajibkan memakai tudung kepada mahasiswi yang bukan Islam. Itu baik dan saya puji tetapi kenapa keputusan Kabinet tidak dilaksanakan tidak dikuatkuasakan. Oleh kerana IIUM kata dia *special case*, apa *special case*? *International Islamic University*

Malaysia (IIUM) ada M bukan IIU sahaja. *International Islamic University full stop* tetapi inilah IIUM dalam Malaysia dengan wang rakyat Malaysia dan Kabinet sudah buat satu keputusan kenapa Rector IIUM kata bahawa ia dikecualikan. Yang Berhormat Menteri pun nampaknya tidak buat apa teguran. Dia kata akan bincang dengan rektor. Apa bincang? Kabinet sudah buat keputusan, *follow* sahaja.

Kita ada bincang dengan Yang Berhormat Menteri, dia kata akan bincang dengan rektor dan bawa isu ini balik kepada Kabinet. Kes ini yang dibangkitkan selepas *Law graduate* Foo Yueh Jiin dilarang daripada terima *scroll* beliau di konvokesyen IIUM dan saya sangat tidak puas hati bahawa sampai sekarang tidak ada apa-apa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini dan saya tidak boleh faham kenapa perlu perkara ini dibangkitkan semula oleh kerana *optional* sama ada memakai tudung memakai skarf patutlah menjadi *optional* kepada pelajar-pelajar yang bukan Muslim yang selaras dengan keputusan Kabinet. Kenapa perkara ini lagi tidak ada keputusan.

Baru-baru ini kita dapat berita bahawa dua bulan dahulu keputusan sudah dibuat oleh Kabinet untuk mengadakan sebuah universiti baru yang ke 18 di Terengganu. Okey, sekarang ada *by-election* di Permatang Pasir. Oo, ada janji kalau Barisan Nasional menang, universiti ke 19 akan diadakan di Kelantan. Adakah universiti-universiti, institusi-institusi pendidikan ditubuhkan atas sebab politik atau atas sebab pendidikan. Selalu Yang Berhormat Menteri-menteri mengatakan jangan mempolitikkan, siapa mempolitikkan? Inilah yang mempolitikkan - universiti. Menang ada universiti di Kelantan, kalau tidak menang tidak ada universiti di Kelantan. Kalau ini bukan mempolitikkan pendidikan apa ertinya mempolitikkan? Ini sangat *outrages*. Apa yang berlaku ialah Permatang Pasir *by election* ada majoriti 15 - 55 undi. Haraplah siapa boleh menang 30 undi, ia bergantung kepada 30 orang 40 orang untuk buat keputusan sama ada akan mengadakan sebuah universiti baru di Kelantan, bukankah ini *ridiculous, ludicrous and outrages*. Bagaimana *university high education* kita boleh maju kalau masalah begitu penting ialah *political consideration*.

Saya tahu Barisan Nasional mahu menang di Permatang Pasir, Barisan Nasional lawan dengan PAS. Tetapi janganlah menggadaikan masa depan *education* anak kita sama ada patut adakan sebuah universiti di Kelantan tidak patutlah berasaskan siapa menang *by-election*. Bincang dari segi pendidikan, pendemokrasian pendidikan universiti lebih tempat *free* tetapi mutu -. *what is being done with the quality*. Sekarang kita ada *graduate* yang *unemployed and unemployable*. Akhirnya universiti ke 18 di Terengganu dan universiti ke 19 di Kelantan ialah universiti untuk *unemployed* dan *unemployable graduate*. Apa guna ada universiti *for unemployed* dan *unemployable graduate*. Kita mahu universiti untuk *quality graduate* yang menjadi sasaran *all the head hunters* di peringkat dunia, *hunting for their talent* bukan *unemployed* dan *unemployable*.

Kita tahu Yang Berhormat tahu ada berlaku dalam beberapa universiti *abuses of power marks tampering* dan pelantikan pegawai-pegawai yang melalui pilih kasih, *favoritism, discrimination*. Kenapa Yang Berhormat Menteri membenarkan perkara ini berlaku. *Sometimes* di Universiti Malaya *marks tampering* bahawa ada satu kes di mana *percentage* yang tinggi pelajar-pelajar tidak lulus tetapi supaya mahu dapat *result* yang baik *marks tampering*. Ada tukar markah ini sungguhpun ada pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan secara langsung *object*. Kenapa Menteri ini tahu tetapi tidak buat apa-apa pembedulan.

Ini semua sebab kenapa universiti-universiti kita sudah jatuh *they rot an excellent and quality the standard of Malaysian university*. Bukan tidak ada cara atau *solution* untuk memulihkan kualiti *excellent standard university*. Ada banyak cara dan ada satu blog iaitu *Education Malaysia Blog - Tony P* yang sangat baik. Tetapi saya dapati bahawa ada satu *standing rule* untuk semua jabatan-jabatan kerajaan termasuk dalam Kementerian Pendidikan mungkin dalam universiti-universiti bahawa *head of departments* ada tanggungjawab untuk berjaga-jaga supaya kakitangan kerajaan tidak menggunakan masa dalam pejabat untuk *access opposition sides* dan *critical sides*, semacam blog-blog mengenai beberapa aspek sangat kritikal mengenai dasar kerajaan. Tidak boleh *access*! Kalau *access* boleh ambil tindakan tatatertib. Adakah ini *knowledge society*? Mereka tidak boleh *access*. Kalau mereka *boleh access blog* atau *side opposition* atau takutkan *opposition* boleh tengok *the other view, the alternative view*, barulah mereka *expose* kepada

pandangan-pandangan, fikiran-fikiran yang boleh membetulkan dan mempertingkatkan prestasi kerajaan atau perkhidmatan mereka. Kalau mereka *there is a ban on government servant from accessing* dengan izin, *opposition side* dan *blog-blog* yang kritikal, apa gunanya sistem IT dalam kerajaan? Sistem IT ada tetapi mentaliti IT tidak ada, apa guna? Saya haraplah bahawa ini mungkin dalam kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, akan keluar satu arahan bahawa semua kakitangan kerajaan tidak ada larangan untuk *access opposition sides*, blog-blog yang kritikal oleh kerana kita mahu mereka kritikal, mereka *open minded* dan bukan *just a one track mind*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

4.50 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini kerana kalau kita ikut objektif Kementerian Pengajian Tinggi ialah untuk mencapai satu sistem pengajian tinggi yang bertaraf dunia dan membantu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi, mempunyai sahsiah akhlak dan rohani yang terpuji untuk menjadi sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang, sekali gus menyediakan tenaga kerja yang mahir dan profesional untuk keperluan dalam memacu kemajuan negara.

Objektif ini Tuan Pengerusi ialah jauh sekali hendak capai bertaraf dunia. Tadi kita ada *time education supplement, higher education supplement*. Kita tengok macam mana kedudukan universiti-universiti di Malaysia. Memang walaupun ada papan tanda, papan iklan dan sebagainya, kita tahu kualiti kedudukan universiti di Malaysia ini tidak ada kemajuan dari segi perbandingan dengan universiti-universiti yang lain.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali bagi Yang Berhormat Menteri, kita hendak dia memberitahu kepada kita, apakah yang dimaksudkan oleh pengajian tinggi. Kita tidak tahu dia tidak pernah bagi kita tahu apakah definisi, kriteria untuk pengajian tinggi, itu yang pertama. Yang kedua, apakah yang dimaksudkan universiti di Malaysia ataupun kolej universiti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab hendak potong RM10kah?

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak sebab, banyak sebab. Dia tidak bagi tahu dengan jelas apakah perbezaan di antara universiti dengan kolej universiti. Bilakah kolej universiti boleh menjadi universiti? Ini memang penting, kita hendak tahu. Apakah...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payahlah. Soalan, ini konsep universiti ini. Konsep pengajian tinggi dan cara kita menguruskan perubahan di dalam IPTA kita ini, memang ada kelemahan. Saya nampak walaupun ada usaha, ikhtiar daripada Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah-masalah, tetapi yang penting sekali itu, dia mestilah bermula daripada pentadbiran. Universiti kita ini Tuan Pengerusi, kita bukan setakat laungan ataupun kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri sahaja, "ibarat burung, mulut manis jangan dipakai".

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Burung boleh bercakapkah? Yang kata mulut manis itu? [Ketawa] Burung apa itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Burung Yang Berhormat bagi Jerai memang bercakap dengan banyak. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Burung Kepong pun cakap banyak juga. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Mulut manis jangan dipakai. Tuan Pengerusi, saya sebutkan di sini ialah kita hendak mengetahui macam mana untuk pihak kementerian itu mentafsirkan

penyelidikan di seluruh universiti kita. Yang Berhormat mengatakan bahawa kabinet sudah meluluskan, bahawa hendak jadikan universiti-universiti kita, IPTA kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu Yang Berhormat? Kata Yang Berhormat, mana satu Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat Ketua Pembangkang?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, bukan. Dia, kita tidak payah potong gaji dia. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia cadang kita potong gaji Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah potong. Kita *miss the tafsir*, penafsiran penyelidikan di semua universiti dan IPTA. Kita mesti adakan sistem untuk mentafsir penyelidikan kerana saya sebutkan hal ini kalau kita tengok universiti perdana kita, Universiti Malaya hanya ada papan tanda, tidak cukup. Kita mesti tengok bahagian penyelidikannya. Bahagian penyelidikan itu, apakah prestasinya? Macam mana kita memilih penyelidik di Universiti Malaya? Kita hendak tahu sebab kalau anak Arau masuk ke situ, dia tidak jadi ahli penyelidik di situ kalau dia tidak dapat mengambil hati pihak yang berkuasa di situ walaupun dia pandai sekali, cemerlang sekali, berbakat, berpotensi, kalau tidak kena bulu, tidak serasi dengan kepimpinan, memang itu masalah timbul, itulah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Kepong, kadang-kadang kita hendak tengok prestasi kita di universiti, *standing* kita *international* ini sama juga fasal semua yang menilai ini adalah manusia. Sungguh saya setuju penyelidikan lebih penting, kualiti profesornya penting tetapi sama juga bila *the best dress man* dengan izin, *the best dress woman* kalau dia itu tidak kenal saya, yang jadi *judges* itu kalau tidak kenal saya, maka saya tidak masuk dalam senarai itu, walhal saya memang *smart*. [Ketawa] macam mana? Sama juga di universiti-universiti pun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak kenal, maka tidak cinta, tidak kena. [Ketawa] Tetapi walau bagaimanapun, universiti ada institusi yang cemerlang. Bila dipilih seseorang profesor, naib canselor ataupun ahli penyelidik, mesti kita pilih yang terbaik sekali, yang tercemerlang. Itulah caranya. Kita Arau itu, dia buat tuanlah di luar sahaja itu mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah sebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan potong gaji Arau.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak. Kita tidak potong. Tetapi dia ada keluhan itu, penemuan dia tidak dipakai dan sebagainya. Itulah masalah dia sekarang ini. Kita mesti adakan satu sistem untuk mentafsirkan penyelidikan di IPTA. Sebelum ini kita tidak ada. Sebab itu kita mesti potong RM10. [Ketawa] Tidak ada dan juga pentafsiran *total quality assessment* kita mesti ada untuk 17 dan 18 IPTA, universiti di Malaysia ini, kita mesti ada *total quality assessment, quality assurance agency*, mesti ada. Walaupun Yang Berhormat bagi Arau dia hendak, tetapi tidak ada.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: [Senyum] [Berjalan keluar Dewan]

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak mahu dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau pun tidak mahu dengar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, kita tengok Tuan Pengerusi kita pun sakit. Suara tidak ada. Jadi Yang Berhormat tolong pendekkanlah. Dia sakit, jadi saya hendak cadang penaik gaji Tuan Pengerusi pula RM10. *[Ketawa]* Kasihan dekat dia. *[Bercakap dalam bahasa Kantonis]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, saya memang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong....*[Bercakap dalam bahasa Kantonis]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang... seboleh-bolehnya saya tidak *cakap* begitu panjang tetapi hal...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, pendekkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Hal pengajian tinggi dia mesti panjang. Dia tinggi, tinggi... pengajian tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selepas usul ini kita akan benarkan perbahasan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan bahas, ini mengenai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Kepong, ...

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab apa....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... tinggi tidak semestinya panjang Yang Berhormat kena fikir.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tinggi tidak panjang, tidak seimbang... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, dia tidak tahu apa yang dia cakapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia cakap... cakapan Jerai.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Ya Tuan Pengerusi, ini mengenai *total quality assessment*, kita mesti ada, kita mesti ada dari segala aspek termasuk perlantikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habiskah Yang Berhormat? Panjang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya panjang tetapi saya akan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pendekkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Pendekkan... ya, saya akan pendekkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pendekkan, tadi Ipoh Timor sudah cakap begitu panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, panjang, dia lain aspek, pandangan yang lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih kurang sama Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sama, macam mana dia tidak sebutkan mengenai *research assessment exercise*, dia tidak sebutkan mengenai *total quality assessment*, tidak, tidak langsung Tuan Pengerusi. Yang kita nampak *iaitu* geng-geng di dalam universiti ada geng, mesti ada geng, kadangkala geng pun bukan begitu baik juga. Jadi kita ada geng itu, mafia pun ada juga itu:

Pasangan jerat 9 mata
 Pelanduk dijerat terkial-kial,
 Mata satu pisah penyudahan.

Itu kita berusaha, kita memperuntukkan hampir RM7 bilion untuk pengajian tinggi, tetapi apabila kita hendak pilih naib cancellor, faktor parti politik masuk. Orang seperti Jerai pun dia hendak campur tangan, dia hendak pilih yang ini kerana dia datang daripada Jerai kena hendak pilih. Dia tidak kiralah sama ada kualiti itu tinggi ataupun tidak tinggi. Kita mesti - hendak jadi cancellor, hendak jadi universiti yang bertaraf dunia di sini ada baca? Ya, taraf dunia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order, Point of Order....* Yang Berhormat Kepong bercakap tidak menghormati Tuan Pengerusi, dia lihat ke tempat lain. Sepatutnya mengikut Peraturan Mesyuarat dia kena lihat Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak boleh buat macam itu, ini Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, saya ikut peraturan, ya, ya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi macam mana Yang Berhormat hendak betulkan universiti, Yang Berhormat sendiri pun tidak betul. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya...tetapi Yang Berhormat hendak ikut peraturan juga, hendak minta izin kita bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kedua-duanya samalah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Ini yang bertaraf dunia kita mesti mempunyai cara-cara untuk menarafduniakan IPTA kita, itu yang mesti penting sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat, hendaklah mematuhi Peraturan Mesyuarat, tidak berkaitan dengan Menteri Pengajian Tinggi ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada, ini berkaitan dengan Jerai sahajalah. Tuan Pengerusi, ini kita memperuntukkan RM7 bilion, RM7 bilion itu adalah Pengajian Tinggi, kita mesti ada sistem Yang Berhormat lebih teratur untuk memilih, naib cancellorkah, semua kakitangan dan termasuk pelajar. Kita hendak jadikan bertaraf dunia, naib cancellor pun mesti bertaraf dunia, *professor* bertaraf dunia, pelajar bertaraf dunia dan infrastruktur bertaraf dunia, barulah kita boleh mencapai. Yang Berhormat Menteri mengatakan dia hendak jadikan bukan sahaja universiti pengajaran, universiti penyelidikan, *research base university*. Saya setuju kalau dia hendak ada penyelidikan, tetapi nampaknya beliau belum ada lagi rumusan untuk berbuat demikian. Sebab itulah kita potong RM10 dahulu supaya dia sedar mesti kita buat, mesti kita buat.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya ada banyak lagi termasuklah mengambil wang atau peruntukan yang diberi kepada universiti-universiti, dan juga macam mana kita adakan di dalam universiti yang begitu kompleks dan begitu rumit. Macam mana kita adakan kreativiti, macam mana kita adakan *competence* dan sebagainya. Selain daripada naib cancellor yang berkarisma, naib cancellor yang bertaraf dunia, kita mesti ada wawasan yang strategik, itu penting. Dan juga Tuan Pengerusi sistem yang digunakan adalah sistem komunikasi di seluruh IPTA kita ini belum lagi begitu berkesan, kita tidak nampak keberkesanan sistem komunikasinya,

Tuan Pengerusi, akhir sekali bagi peluang sedikit untuk menyaksikan *accessibility* bagi orang-orang biasa yang berbakat dan sebagainya di universiti dan kita perlukan satu suruhanjaya diraja untuk mentafsir, untuk mengkaji kekuatan dan kelemahan universiti-universiti kita dan pelbagai elemen, pelbagai sektor di dalam sistem pengajian tinggi di

Malaysia ini. Kita perlukan determinasi dan keiltizam dan pengurusan yang kuat dan juga kepimpinan yang berwawasan. Itulah Yang Berhormat kita perlu memastikan pengajian tinggi kita bertaraf dunia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Setakat ini kita belum lagi nampak iltizam sedemikian, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor tadi terbuka untuk dibahas. Sila Kemaman.

5.07 ptg.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timor, berkaitan dengan soal mengurangkan gaji Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kita sebanyak RM10.

Saya percaya bahawa ini kali yang kedua sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebentar tadi, beliau mengumumkan usul untuk memotong gaji sebanyak RM10 Menteri kita dan saya juga memberitahu, inilah kali yang kedua saya bangun untuk mempertahankan pihak kerajaan, pihak Menteri kita supaya RM10 itu tidak dipotong.

Saya bukanlah bermaksud apabila RM10 itu tidak dipotong Menteri belanja saya ataupun beri saya RM10 itu dan saya percaya bahawa isu RM10 bukan wangnya, tetapi adalah satu kaedah ataupun satu cara yang ditunjukkan oleh pihak pembangkang khususnya untuk memalukan bukan sahaja memalukan Menteri kita, tetapi juga memalukan Kerajaan Malaysia dan saya percaya bahawa dalam soal ini tidak ada sebab bagi kita untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timor tadi.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita perhatikan adalah tidak adil sekiranya apa yang berlaku di Universiti Malaya itu sebagai salah satu - hanya satu sahaja perkara yang kita sebutkan di sini untuk menjadikan alasan bagi kita untuk memalukan kementerian kita dan juga kerajaan kita kerana apa yang berlaku di Universiti Malaya. Tetapi hendaklah kita melihat keseluruhannya sumbangan yang telah di buat oleh kerajaan khususnya pendidikan dalam negara kita. Dahulu di universiti-universiti kita tidak banyak, kita mungkin ada 4 buah sahaja universiti yang ulung, 3 atau 4 buah sahaja universiti yang ulung, Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains.

Sekarang ini kita sudah ada 17 buah universiti iaitu Institut Pengajian Tinggi Awam yang begitu banyak sekali dan ia memerlukan banyak penelitian, banyak pengurusan dan banyak kewangan yang terpaksa dibuat oleh kerajaan. Sudah tentulah ada yang mengatakan tidak guna kalau kita bercakap tentang kuantiti sedangkan kualitinya merosot. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebentar tadi. Tetapi dalam pada masa itu, saya ingin menyentuh di sini sebelum pergi kepada isu-isu yang lain. Sebagai orang Terengganu bukan sahaja saya mempertahankan Menteri, tetapi kementerian yang ada sekarang telah diumumkan bahawa negeri Terengganu akan diwujudkan sebuah universiti yang baru yang bernama Universiti Darul Iman. Bagi kami, kita ucapkan terima kasih sepatutnya bukan RM10 untuk dipotong di atas pengumuman, hasrat dan persetujuan yang telah dibuat oleh Menteri kita dan kerajaan kita.

Sebaliknya kalau boleh kita memberikan pujian yang lebih tinggi lagi kerana sebuah negeri yang pantai timur, sebuah negeri yang dahulunya dianggap terpisah dari segi peluang-peluang pendidikan dan sebagainya sekarang kita di Terengganu sudah berpeluang mendapatkan sebuah universiti. Kemudiannya di timbul lagi apakah Universiti Darul Iman di Terengganu dibuat atas keputusan politik? Saya rasa tidak, ia dibuat ataupun diwujudkan Universiti Darul Iman di Terengganu bukan politik tetapi ialah kerana ia memenuhi tuntutan kita perlu banyak lagi universiti dan mesti diseimbangkan supaya

seluruh universiti bukan hanya bertumpu di Lembah Klang ataupun di negara di bandar-bandar yang besar.

Ia mesti diseimbangkan di tempat-tempat di wilayah-wilayah yang tertinggal termasuk di negeri Terengganu di Pahang, di Sabah di Sarawak yang sudah ada. Ada mengata kenapa tidak di Kelantan. Pengumuman yang dibuatkan sekiranya Barisan Nasional menang di Kelantan baru akan ditubuhkan universiti ini bukan disebabkan politik tetapi sebagai pengajaran yang kita terpaksa terima hakikat. Kami di Terengganu merasa kepedihannya bagaimana PAS sewaktu memerintah mereka perilaku kan terhadap institusi pendidikan dalam negeri Terengganu sewaktu memerintah di negeri Terengganu.

Sekolah-sekolah seperti MRSM yang ternyata ia bertujuan baik. Bercambah MRSM di seluruh negara untuk membantu khususnya pelajar-pelajar Melayu dalam bidang pendidikan yang tidak ada kemampuan di rumah mereka diambil untuk belajar di MRSM tetapi pada waktu dahulu ada dua MRSM yang menggunakan bangunan yang dimiliki oleh kerajaan negeri tetapi di bawah kerajaan PAS mereka tutup MRSM tersebut. Mereka menyulitkan pelajar. Mereka membuat sesuatu supaya MRSM akhirnya terpaksa ditutup ini pandangan mereka tentang pendidikan. Yang kedua, ketika PAS memerintah di negeri Terengganu mereka tutup lebih daripada 350 buah tadika yang menggunakan bangunan kerajaan balai raya kerajaan.

Ini pandangan sebuah parti yang memerintah di Terengganu terhadap pendidikan. Tak tahulah Yang Berhormat Ketua Pembangkang merasakan bahawa masa depan pendidikan kita boleh kita berikan di tangan orang yang pernah menutup, yang cuba untuk memusnahkan dan menghancurkan usaha kerajaan dalam pendidikan di peringkat yang kecil lagi. Kalau ini yang hendak diberikan saya percayakan bahawa kita beri pada salah orang. Sebab itulah bukan soal bila Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Kelantan baru nak beri, atas alasan politik untuk memancing undi tetapi dijanjikan berkenaan begitu kerana kita yakin bahawa kalaulah institusi-institusi pendidikan yang kecil yang rendah seperti MRSM, seperti tadika-tadika sanggup ditutup oleh kerajaan PAS yang memerintah di sana, kita bayangkan mungkin universiti-universiti yang ada pun akan ditutup di sana kalau ianya tidak sesuai dengan kehendak parti yang memerintah demikian.

Sebab itulah kalau dikatakan bahawa kalaulah dikatakan ada tempat yang bukan Barisan Nasional kuat, ada universiti kawasan di Kuala Lumpur, bukan Barisan Nasional paling kuat. DAP pun ada di Kuala Lumpur tetapi banyak universiti-universiti ada di sini. Tidak dikata kalau Kuala Lumpur pembangkang kuat di sana tak dibuat universiti di sini, tak diberi pembangunan, tidak. Salah kalau dikatakan bahawa memilih kerajaan memilih tempat-tempat yang tertentu untuk dibina universiti dan institusi pendidikan. Salah kalau kita katakan demikian, tetapi kerajaan tidak mempolitikkan pendidikan kerana kita percaya masa depan negara banyak bergantung tentang soal keupayaan pendidikan kita sekarang dan juga masa yang akan datang.

Sebab itulah Tuan Pengerusi, apabila kementerian baru diwujudkan, Kementerian Pengajian Tinggi, ini bukan kementerian yang wujud sejak kita merdeka, bukan wujud 10 tahun dulu, bukan wujud lima tahun dulu. Ia hanya diwujudkan dua tahun baru-baru ini. Hanya baru dua tahun, dua tahun di wujud ada yang ber katakan kenapa perlu diwujudkan dua kementerian. Satu Kementerian Pelajaran dan satu Kementerian Pengajian Tinggi yang dahulunya digabung diletakkan di tempat yang satu. Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah hasrat kerajaan sekarang. Kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi tidak sama sekali menganggap bahawa pengajian tinggi adalah perkara yang remeh tetapi menganggap pelajaran mesti diberikan pengkhususan dan tumpuan dan peruntukan yang lebih besar lagi sehingga diwujudkan satu kementerian baru yang dinamakan Kementerian Pengajian Tinggi.

Oleh itu adalah tidak adil kalau seorang menteri yang baru diberikan kesempatan untuk memegang jawatan ini hanya dua tahun apa yang berlaku pada sebuah universiti, Universiti Malaya hari ini bukan disebabkan kerana masalah dua tahun. Mungkin adalah merupakan sebahagian daripada rentetan masalah yang lama sebelum ini. Alangkah tidak adil kerana apa yang berlaku sewaktu baru beliau diberi kesempatan untuk menerajui kementerian ini maka kalau ada kelemahan segala-galanya dipersalahkan oleh kepada beliau.

Sebab itulah kalau kita dilihat kita mesti dibincangkan dari segi perbandingan. Betul, dulu Universiti Malaya kita agungkan, kita pertahankan dan kita bangga di Universiti Malaya. Waktu itu Universiti Malaya melahirkan ramai tokoh besar. Waktu itu Universiti Malaya dianggap sebagai salah sebuah universiti yang terbaik dalam seluruh negara kita dan di Tenggara pada satu ketika dahulu, tetapi kita kena kaitkan dengan dasar pelajaran pada waktu itu. Apakah kita nak kembali kepada dasar pelajaran yang lama? Bacalah kembali tentang dasar pelajaran Razak tahun 60-an tahun 70.

Semuanya yang berkaitan dengan soal *nation building* dengan izin pembinaan bangsa. Tahun 70 misalnya ditegaskan tentang soal dasar pelajaran kita ialah kerana apa tahun 70 ditekankan soal pembinaan bangsa? Kerana pada waktu itu berlakunya tahun 69 iaitu peristiwa 13 Mei. 13 Mei ialah kecelaruan yang besar dalam seluruh sistem masyarakat kita. Ketidakeimbangan antara Melayu dan Cina. Orang-orang yang masih sudah menjadi warganegara begitu ramai tetapi tidak boleh fasih berbahasa Melayu, tak mahu bercakap Melayu masih menggunakan *insignia* ataupun tanda-tanda bahasa lain yang diagungkan.

Misalnya pada waktu itu maka pada waktu itu secara khusus ditekankan bahawa tujuan utama sistem pendidikan kita bagaimana untuk menyatukan rakyat negara ini melalui sistem pelajaran kita daripada sekolah, sekolah menengah sampai universiti. Diperkenalkan Universiti Kebangsaan pada waktu itu kita ada profesor daripada Universiti Kebangsaan. Manifestasi daripada tuntutan nasionalisme Melayu pada waktu itu kita katakan bahawa mulai sekarang kita tekankan dalam pendidikan kita menyatukan orang ramai melalui pendidikan antaranya termasuk tentang isu penggunaan bahasa.

Pada waktu itu Universiti Malaya menggunakan Bahasa Inggeris, Universiti yang lain menggunakan Bahasa Inggeris tetapi kita katakan pada waktu itu. Kalau Korea boleh maju dengan Bahasa Koreanya, kalau Jepun boleh maju tanpa guna bahasa Inggeris, kalau Jerman tak perlu menukar sistem pendidikan mereka dalam bahasa Inggeris, kenapa Melayu, kenapa di Malaysia universiti-universiti kita merasakan rendah diri kalau tidak menggunakan bahasa kebangsaan Bahasa Melayu pada waktu itu. Maka lahirlah...

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat tentang timbang tara yang telah dibuat di antara universiti kita yang umurnya tidak selama setua dengan universiti-universiti yang dibandingkan, sebab apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah dari segi falsafahnya dari segi sejarahnya, dari segi umur hayatnya berbanding dengan apa yang dibandingkan daripada 30,000 buah universiti seluruh dunia ini, sudah pasti saya ingat kriteria yang digunakan itu boleh dipertikaikan. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, saya belum masuk tentang soal, membincangkan tentang soal *ranking* dalam soal ini tetapi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi bahawa sebenarnya kita tidak perlu terlalu menggelabah tentang soal hari ini ada orang kemukakan *ranking* kita rendah.

Sebab saya nak bincangkan tadi tentang soal kita kembali kepada tujuan pendidikan kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...saya bagi 10 minit lagi cukup, 10 minit lagi.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Boleh saya, setuju semua saya hendak berbahas ini sebab Menteri pun - ini perkara yang penting saya rasakan bahawa ini sudah jadi isu pendidikan, ini telah dipolitikkan oleh pembangkang dengan begitu banyak.

Saya hendak kembali, hendak tarik kembali tentang sejarahnya. Kita bincang kembali bahawa matlamat universiti, matlamat pendidikan kita, bilion ataupun ribuan juta ringgit wang rakyat kita curahkan pada pendidikan hanya kerana *ranking*. Benar bahawa *ranking* itu membantu untuk melihat kedudukan kita berbanding dengan orang lain. Tetapi

kita kembali pada asal dahulu pendidikan ialah apa dia? Pembinaan bangsa, kita tidak bercakap bangsa Melayu, kita tidak bercakap bangsa Cina, kita bercakap bangsa Malaysia pada waktu itu. Pembinaan itu *target* kita. Kalau *ranking* kata mesti banyak pelajar asing misalnya, apa kena-mengena dalam soal tujuan pembinaan bangsa, kita hendak tanya dahulu dalam soal ini.

Kalau *ranking* itu dikaitkan dengan ada perkara-perkara yang dinilai, berdasarkan kepada kategori atau tahap-tahap tertentu yang adanya tidak ada kena-mengena dengan soal pembinaan bangsa, apakah kita hendak pakai? Cumanya saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh pihak pencadang sebentar tadi pihak Ketua Pembangkang yang mengatakan salahnya ialah kerana waktu dahulu tahun lepas, bila angka kita 89 daripada 100 top universiti, universiti yang 100 terbaik kita begitu membanggakan, kita naikkan papan tanda yang mengatakan, bahawa kita telah dinobatkan sebagai salah sebuah universiti 100 yang terbaik. Sepatutnya pada waktu itu kita kata dengan izin, "pedulikan, persetankan" tentang soal ini. Kita ada tujuan asal, tujuan utama dalam sistem pendidikan itu yang kita hendak fokuskan sekarang.

Yang keduanya saya hendak beritahu bahawa ini sebelum tahun 1993 tahun 1970 kita hendak pendidikan kita fokusnya ialah pembinaan bangsa, supaya orang Melayu, orang Cina dapat bersatu di bawah konsep dalam urusan sistem pendidikan kita ini. Tetapi sehingga tahun 1993 kita kena ingat bercambahnya universiti yang ada IPTA, IPTS yang ada selepas dasar pelajaran baru diperkenalkan dalam tahun 1993. Di mana sebelum itu kerana ada desakan, desakan supaya universiti kita diliberalkan tuntutan supaya Universiti Merdeka diizinkan, diwujudkan, tuntutan supaya jangan kita khusus tentang soal universiti-universiti kerajaan sahaja.

Kalau Monash hendak datang, kalau Oxford hendak datang, kita buka pada mereka, itu sebelum tahun 1993. Berarak orang menggunakan isu-isu pendidikan yang kadangkala diwarnai dengan kepentingan satu-satu kaum pada waktu itu, dilihat sebagai begitu pada waktu itu. Universiti dilihat sebagai lebih kepada usaha untuk memperkukuhkan kedudukan satu kaum, maka ada tuntutan supaya dibuka dan diliberalkan sistem pendidikan kita. Sebab itulah diperkenalkan dalam tahun 1993 pada waktu itu dasar pelajaran baru yang disebutkan cita-cita kerajaan kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah *hub* pendidikan. Pendidikan sebagai satu industri di sini supaya kita izinkan dan kita benarkan bukan sahaja Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi yang sudah sedia ada beroperasi, tubuhlah seberapa banyak universiti yang hendak ditubuhkan dalam negara kita.

Ada yang dimiliki oleh kerajaan, ada yang dimiliki oleh swasta. Saya difahamkan beratus lesen telah dikeluarkan pada waktu itu supaya dilihat bercambahnya kenaikan ataupun pertumbuhan universiti-universiti negara kita pada waktu itu. Alasannya mungkin kerana ini adalah satu cara untuk menahan daripada keluarnya wang kita mengalir keluar.

Ramai orang yang tidak dapat tempat dia pergi ke luar sekarang ini kembali datang ke mari, kembali datang ke negara kita tidak perlu pergi jauh-jauh. Pelbagai *twinning programme* ada di sini, program berkembar ambillah tahun pertama, kedua kemudian yang ketiga pergilah ke tempat lain. Sekarang ini bila berlaku demikian ada pandangan mengatakan dengan sendirinya tanggungan ataupun beban kerajaan untuk memfokuskan pada tiga empat buah universiti yang sudah sedia ada sudah berubah. Kerajaan terpaksa mengagihkan perhatiannya, mengagihkan tumpuannya, mengagihkan kewangannya kepada banyak-banyak universiti dan institusi pendidikan supaya ianya memenuhi tuntutan kita mengubah dasar pelajaran untuk menjadikan Malaysia sebagai industri kepada pendidikan ataupun pelajaran sebagaimana yang kita sebutkan tadi. Jadi Tuan Pengerusi, bila saya sebutkan di sini sudah tentu ini bebanan yang terpaksa ditanggung kerajaan, sudah tentu ini juga memberi implikasi-implikasi yang tertentu kepada kualiti pendidikan kita.

Soalannya sekarang ini saya hendak tanya pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedia ada, apakah kita hendak berpatah balik kepada zaman asal dahulu, zaman cuma ada empat lima buah universiti, zaman ada *control*, ada kuasa, ada tumpuan pada universiti-universiti yang tertentu supaya kita dapat pertahankan kualitinya. Ataupun sekarang ini kita terpaksa terima bahawa proses meliberalisasikan pendidikan kita mesti berjalan. Universiti

Tunku Abdul Rahman semua orang tahu sedang dibina dengan begitu rancak, tidak ada yang mengatakan kerana Universiti Tunku Abdul Rahman ini tidak baik, kita kena beri pujian termasuk pada rakan-rakan daripada MCA yang telah memberikan tumpuan dan tenaga yang banyak dalam soal ini. Ini bukan kerja parti seperti DAP, tetapi seperti parti salah sebuah daripada komponen dalam Barisan Nasional itu sendiri. Ini kita kena beritahu ataupun kita rasakan tidak perlu kita baik, kita balik kepada yang asal dahulu. Jangan ada Universiti Merdeka, jangan ada Universiti Tunku Abdul Rahman, jangan ada TAR Kolej kalau ada pun diberikan sekatan-sekatan yang tertentu dan sebagainya.

Sekarang kita masuk proses itu. Dikaitkan tokoh-tokoh seperti Wong Gang Wu akan ditangkap, akan diambil kembali untuk membantu dalam mencernakan sistem pendidikan kita kalau tidak kerajaan pun, yang swasta. Pilihannya ada dalam soal ini, jadi dalam soal ini kita katakan bahawa kita berada di persimpangan sekarang, kita ada dalam proses pembesaran anak yang baru tumbuh giginya, maka adalah tidak adil kalau di saat sekarang kita mengatakan bahawa bila ada sahaja sebuah *rating agency*, agensi yang memberi *ranking* di luar negara yang menyebut tentang kejatuhan sebuah universiti, maka kita perlu malukan kerajaan yang ada dan potong RM10. Ini tidak adil Yang Berhormat Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya percaya dalam proses kita untuk mengukuhkan sistem pendidikan kita, sistem institusi pengajian tinggi kita, kita mesti mengubah cara dan pendekatan kita.

Saya percaya bahawa antara kekuatan universiti kita satu ketika dahulu autonomi universiti misalnya yang memberikan kebebasan kepada para akademianya untuk menentukan masa depannya sendiri tanpa banyak campur tangan politik misalnya. Ini perkara yang perlu kita beri perhatian. Saya beri contoh misalnya kalau dia sebut daripada pendidikannya, pelajarannya sampailah di kalangan ahli-ahli akademiknya, misalnya kita katakan bahawa adanya Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebuah universiti yang diwujudkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Ramai orang pertikaikan apakah bahagian ini betul-betul membantu bagi meningkatkan keupayaan mahasiswa bukan sahaja dari segi pendidikannya, pelajarannya tetapi kepimpinannya. Ataupun ia hanya lebih pentingkan tentang memberikan soal apa yang boleh apa yang tidak boleh. Tentang soal yang berkaitan dengan soal prosedur hingga membantutkan kreativiti mahasiswa, kreativiti-kreativiti pelajar-pelajar kita untuk bergerak, untuk membina kepimpinannya, untuk membina keupayaannya, untuk bagaimana meningkatkan kualiti berkomunikasi, kualiti menjadi pemimpin yang baik, yang menjadi salah satu daripada tujuan kita dalam melahirkan sistem pendidikan yang berkualiti.

Jadi ada yang mengatakan liberalisasi adalah perkara yang baik, tetapi ada kita kena akui. Tetapi perkara ini sudah diakui oleh Menteri kita yang mana beliau sendiri sudah berjanji akan mengkaji balik Akta Universiti dan Kolej Universiti dalam ucapan penggulungan baru-baru ini. Saya percaya bahawa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri kita bukan cakap-cakap kosong kerana beliau bercakap dalam Parlimen pada kita semua. Beliau memberi komitmen kepada kita. Sabarlah baru enam minggu, kenapa? Saya tidak sangka yang di sana begitu tidak sabar, sabarlah kita bagi peluang kepada beliau. Saya juga inginkan sesuatu yang lebih baik. Dalam soal ini bukan dari DAP sahaja, DAP hanya boleh bercakap senang saya percaya bahawa ada proses-proses yang tertentu kerana sejarah dasar, sejarah Akta Universiti bukannya datang daripada langit. Apabila sistem pendidikan kita daripada awal dahulu pun tidak ada Akta Universiti pembangkang seperti DAP pun tidak sokong juga, mengkritik juga pada waktu itu. Tetapi kita ingat apabila diperkenalkan dalam tahun 1970, antara persatuan-persatuan yang dianggap sensitif pada waktu itu memainkan peranan mengapi-apikan perkauman dalam universiti kita, maka diperkenalkan Akta Universiti pada waktu itu.

Kita kena ingat antara sebab kenapa Akta Universiti diperkenalkan, kenapa dipinda lagi dalam tahun 1974? Kita tahu bahawa satu perkara yang sudah begitu *entrenched*, dengan izin Tuan Pengerusi, yang begitu mendalam di dalam sistem pendidikan kita hendak dicabut serta-merta, dalam masa yang serta-merta adalah amat sukar. Kita harus berikan peluang kepada kerajaan untuk mengotakan janji-janji sebagaimana yang disebutkan tadi. Tetapi saya yakin ini sepatutnya menjadi agenda kita, menjadi agenda untuk kita menyesuaikan dengan konsep meliberalisasikan sistem

pendidikan kita dengan soal bagaimana untuk meliberalisasikan juga perkara-perkara yang lain terutama sekali dalam sistem pendidikan kita dalam menyahut cabaran global.

Tetapi jangan ada orang yang gunakan isu-isu perkauman, misalnya orang mengatakan bahawa antara punca kepada universiti kita lemah kerana semua Naib Canselornya orang Melayu. Ada orang yang bercakap demikian. Saya dengar, oh! Tidak ada ke kaum lain? Saya kata bahawa dahulu Prof. Ungku Aziz orang Melayu, Prof. Syed Hussin Al-Attas yang lain pun orang Melayu, kalau lemah ini bukan kerana dia Melayu, kalau lemah kerana orang itu lemah. Perlu ditukar - tukar orang itu tetapi jangan kita mengubah seluruh sistem dan dasar yang ada sekarang. Ini antara perkara yang perlu diberikan perhatian.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi jangan diperkecilkan tentang beberapa perkara yang asas di dalam sistem pendidikan kita. Sebab itulah Tuan Pengerusi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk kita mengajak kepada semua yang ada, semua yang hadir di sini menolak cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Kita tahu bahawa niatnya hanyalah untuk mengambil kesempatan, mengambil kesempatan dengan hanya satu catatan yang dikatakan oleh sebuah *ranking agency* daripada luar untuk kita menidakkan perkara yang baik yang dibuat oleh kerajaan yang ada sekarang. Tetapi ingatan saya juga ini tidak bermakna kita perlu goyang kaki dan tidak berusaha untuk memperbaiki sistem kita.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri kita adalah orang yang lebih awal daripada Ketua Pembangkang menyatakan rasa gundah-gulana dia terhadap apa yang berlaku. Rasa sedihnya lebih awal daripada yang disebutkan oleh pihak pembangkang sana. Ia lebih awal menyebutkan, ia lebih awal memberitahu supaya segera diambil tindakan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Ertinya bahawa kerajaan kita prihatin tentang soal ini dan sebab itulah saya mengajak kita sekalian mari kita tolak apa yang telah disebutkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab minggu hadapan. Berhubung dengan bajet bagi kementerian ini akan saya buka semula untuk dibahas setelah usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang itu diselesaikan pada minggu hadapan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.